

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Bil. 74

Khamis

29 November 2007

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mesyuarat Dewan Rakyat – Tambahan Hari (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2008:

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.32 (Halaman 28)

Maksud B.41 (Halaman 60)

USUL-USUL:

- Usul Anggaran Pembangunan 2008

Jawatankuasa:-

Maksud P.32 (Halaman 28)

Maksud P.41 (Halaman 60)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 29 November 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**MESYUARAT DEWAN RAKYAT – TAMBAHAN HARI**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Timbalan Ketua Majlis memaklumkan supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang bersidang sekarang ditambah selama tiga hari lagi iaitu dari 17 Disember hingga 19 Disember 2007. Tambahan ini diperlukan bagi membolehkan rang undang-undang dan urusan kerajaan yang lain dapat diselesaikan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan penggunaan ubat-ubat tradisional di kalangan rakyat Malaysia. Apakah langkah-langkah untuk mengintegrasikan ubat-ubat tradisional ke dalam perubatan moden atau hospital-hospital kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang mungkin menyumbang kepada peningkatan penggunaan ubat-ubat tradisional adalah kesedaran orang awam terhadap kepentingan penjagaan kesihatan dan juga kesungguhan para saintis untuk membuktikan keberkesanan ubat-ubat tradisional terutamanya yang berasaskan kepada herba. Di negara ini terdapat banyak kajian yang dijalankan bagi memastikan kesan penggunaan herba tempatan sebagai ejen dalam membantu dan mengubati pesakit, umpamanya misai kucing boleh membantu dalam perawatan penyakit batu karang dalam buah pinggang.

Kebanjiran produk-produk yang berasaskan herba yang terbukti memberi kesegaran seperti tongkat ali, kaci fatimah, mengkudu, pegaga dan sebagainya merupakan faktor penyumbang. Walaupun semua produk tersebut tidak dibuktikan secara saintifik keberkesanannya. Perancangan Kementerian Kesihatan dalam mengintegrasikan penggunaan

ubat-ubat tradisional ke dalam perubatan moden, khususnya di hospital-hospital kerajaan adalah memperkenalkan rawatan sampingan berasaskan herba bagi penyakit kanser di beberapa buah hospital iaitu di Hospital Kepala Batas (Pulau Pinang), Hospital Putrajaya dan Hospital Sultan Ismail (Johor Bahru). Sekian, terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, di dalam akhbar ada melaporkan bahawa penggunaan ubat tradisional pada tahun 2002 adalah RM272 juta dan telah meningkat kepada RM400 juta pada tahun ini dan dijangkakan pada tahun 2020 nanti, ia akan mencecah kepada RM1 bilion.

Ini menunjukkan bahawa permintaannya terlalu tinggi dan saya rasa memanglah sudah sampai masanya untuk diintegrasikan ke dalam hospital-hospital kerajaan supaya pendekatan kesihatan kita adalah secara holistik. Cuma persoalannya, saya ingin tanya, selain daripada kesan-kesan sampingan dan juga faktor-faktor keselamatan, adakah kementerian telah mengkaji dengan lebih terperinci tentang dari segi aspek *medico legal*nya, dengan izin, sensitiviti dan budaya masyarakat dan juga bagaimanakah kementerian hendak meregulasikan atau mengawal selia perubatan tradisional ini sebelum benar-benar diintegrasikan dalam klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat Ampang. Memang kita tahu, dengan izin, *double digit growth* dalam penggunaan herba, ia berganda dan bukan sebenarnya berlaku di Malaysia. Ia adalah satu fenomena global di mana ubat-ubat yang berasaskan kepada herba memang menjadi tarikan kepada orang ramai. Isunya sekarang adalah sama ada ubat-ubat tersebut selamat.

Soalan pertama tadi mengatakan apakah langkah kementerian. Kita sudah wajibkan semua ubat herba mesti memenuhi piawaian-piawaian tertentu, umpamanya dalam pengeluaran herba, ia mesti ada Good Agriculture Practice (GAP), kemudian dia mesti ada Good Manufacturing Practice (GMP).

Isu yang kedua adalah ubat-ubat tersebut biasanya ia tidak dijalankan *clinical test* atau *clinical study*. Ia ada kajian tetapi tidak sampai ke peringkat *clinical test*, ujian klinikal yang boleh dijalankan dan memberi satu gambaran yang lebih tepat dan padat bagi memastikan ubat herba ini adalah mempunyai kesan yang baik. Pada waktu yang sama ia ada juga kesan sampingan. Ini yang tidak dijalankan.

Sebab itu kita galakkan para saintis kita di universiti untuk melakukan *clinical trial*, ujian klinikal bagi memastikan produk-produk ini selamat sebab ubat yang dikeluarkan oleh kementerian hanya ada kita kaji dari sudut sama ada ia ada logam berat, sama ia ada kehadiran bahan-bahan *biological* atau kehadiran bahan-bahan lain yang boleh memudaratkan, tetapi dari sudut *efficacy*nya, keberkesanan ubat herba ini tidak diketahui secara saintifik. Terima kasih.

■1010

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah mengiktiraf pengubatan tradisional dalam negara kita. Yang saya hendak tanya ialah apakah jenis penyakit yang dibenarkan menggunakan pengubatan tradisional tadi di hospital-hospital tersebut. Dari segi ubat, kalau kita lihat, dari apa yang saya faham tadi ialah ubat-ubatan herba sahaja sedangkan ubat-ubatan herba boleh didapati di mana-mana, tidak perlu di hospital. Jadi, adakah selain daripada ubat-ubatan herba tadi, ada ubat-ubatan lain ataupun membenarkan dukun-dukun, bomoh-bomoh untuk ditempatkan di hospital dan sebagainya. Dari segi perancangan selain daripada *pilot project* ini, adakah diluaskan di hospital-hospital di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah yang disahkan herba ini oleh kementerian? Tidak ada?

Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Secara perintisnya hanya tiga hospital yang saya nyatakan iaitu Hospital Kepala Batas, Hospital Putrajaya dan Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru. Ini hanya untuk penyakit kanser di mana kita ada perkongsian bijak dengan Universiti Nanjing di mana pakar daripada universiti tersebut akan ditempatkan di ketiga-tiga hospital kerana telah terbukti ada kesan positif menggunakan herba-herba dalam penyakit kanser amat berkesan berdasarkan kepada pengalaman saintifik yang dibuat di negara China.

Bagi rawatan urutan Melayu, kita juga memberi kemudahan kepada pakar urut Melayu dan juga akupunktur. Jadi, ada tiga jenis perawatan yang kita pelopori di ketiga-tiga hospital dan bila berjaya kita akan kembangkan ke hospital-hospital lain. Kita akan pastikan penggunaan *traditional complimentary medicine* ini dapat digunakan secara menyeluruh tetapi berperingkat-peringkat supaya kita dapat berhati-hati mengenai kesan baik dan juga kesan buruk daripada aktiviti tersebut.

[Soalan No. 2 - Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) tidak hadir]

3. Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] minta Perdana Menteri menyatakan bahawa kerajaan telah meluluskan peruntukan yang besar untuk menaik taraf infrastruktur awam dan asas di peringkat luar bandar dan sejauh manakah peranan dan tanggungjawab jawatankuasa pemantauan projek di setiap daerah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 2007 kerajaan telah meluluskan sebanyak RM1 bilion untuk pembangunan infrastruktur asas dan sebanyak RM500 juta untuk penyelenggaraan infrastruktur awam. Di bawah arahan Majlis Tindakan Negara, Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah berperanan untuk memantau dan menilai impak pelaksanaan projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun yang dilaksanakan di daerah berkenaan:

- (i) memastikan kumpulan sasar mendapat faedah maksimum daripada program dan projek yang dilaksanakan;
- (ii) memastikan pelaksanaan program dan projek yang berkaitan dengan penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan; dan
- (iii) menyelesaikan masalah pelaksanaan projek di peringkat daerah dan mengemukakan permasalahan yang tidak dapat diselesaikan ke peringkat negeri.

Mesyuarat Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh pegawai daerah. Keberkesanan Jawatankuasa ini bergantung kepada penglibatan semua ketua jabatan di peringkat daerah dan juga Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di daerah berkenaan. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membangkitkan sebarang masalah pelaksanaan projek di daerah masing-masing semasa mesyuarat ini yang diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi pihak rakyat luar bandar saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang prihatin berkenaan dengan infrastruktur di luar bandar yang masih daif. Namun masalah yang saya hendak pertikai kan ialah cara pelaksanaannya kerana tidak ada *guideline* yang khusus daripada ICU membuatkan daerah-daerah melaksanakan projek ini mengikut sesuka hati.

Di Jasin contoh yang terakhir ialah projek PIAS bernilai RM3 juta. Apa yang dilakukan di peringkat daerah Jasin RM3 juta itu dibahagikan kepada lima DUN. Satu DUN dapat RM600 ribu. Selepas itu daripada DUN itu pula dipecahkan kepada JKK. Satu DUN ada 12 JKK. Akhirnya satu JKK memperoleh projek RM50 ribu. Bagi JKK di kawasan bandar ataupun kampung tersusun dan juga JKK di FELDA yang mana infrastrukturnya sudah hampir lengkap, tetapi yang menjadi masalahnya ialah JKK di kawasan kampung tradisional yang tersorok dan yang banyak kampung kecil dengan peruntukan RM50 ribu tidak dapat menyelesaikan masalah. Oleh demikian saya berharap supaya pihak kerajaan mengeluarkan *guideline* untuk memberi keutamaan kepada projek-projek di kampung-kampung tradisional luar bandar ini yang banyak lagi keperluan infrastruktur yang diperlukan lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin memaklumkan bahawa dari segi pelaksanaan projek di luar bandar khususnya seperti yang saya sebutkan tadi ialah projek infrastruktur dan kemudahan asas adalah satu daripada cara pelaksanaan yang mana kita juruskan terus melalui pejabat daerah. Kedua, mengenai PIAS ia juga adalah saluran yang sama melalui pejabat daerah tetapi ia lebih kita tumpukan di kawasan Parlimen ataupun di kawasan Dewan Undangan Negeri. Jadi, ada dua cara pelaksanaan bagi projek-projek ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang arahan, panduan ataupun *guidelines* dengan izin telah kita panjangkan kepada pihak pejabat daerah. ICU telah mengeluarkan arahan

ataupun panduan-panduan ini kepada pejabat-pejabat daerah melalui SDO di peringkat negeri tetapi mungkin dalam pelaksanaan ini terdapat pejabat-pejabat daerah yang melaksanakan secara berlainan berdasarkan kepada panduan secara umum. Ini menyebabkan berlaku beberapa perbezaan, tetapi pada keseluruhan maklumat yang kita terima pelaksanaan program dan projek infrastruktur di luar bandar dan PIAS ini telah dilaksanakan dengan baik. Matlamat kita selain daripada pelaksanaan projek ialah untuk memastikan seberapa ramai yang mungkin kontraktor di peringkat daerah mendapat peluang untuk bersama-sama turut serta di dalam tindakan melaksanakan projek-projek ini.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai infrastruktur awam dan juga kemudahan asas di luar bandar ini, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan sedar bahawa terdapat banyak lagi yang harus dilakukan oleh kerajaan. Sekarang ini kita telah merdeka melebihi 50 tahun. Apabila semua wakil rakyat yang mewakili kawasan kampung-kampung luar bandar turun melawat, mereka sentiasa menerima tekanan daripada orang-orang kampung. Mereka selalunya akan mengatakan bahawa memang benar Malaysia ini adalah salah sebuah negara yang cukup maju di rantau ini tetapi malangnya selepas 50 tahun kemerdekaan masih banyak lagi kemudahan tidak dibuat, masih diperlukan di kampung-kampung.

■ 1020

Maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bilakah kerajaan sama ada kerajaan mempunyai satu strategi yang cukup-cukup menyeluruh supaya semua kawasan-kawasan luar bandar ini akan menerima sekurang-kurangnya peruntukan untuk membangunkan projek-projek bagi kemudahan asas. Yang kedua mengenai Jawatankuasa Pemantauan. Memang semua Ahli Yang Berhormat sama ada wakil Parlimen ataupun wakil rakyat di peringkat negeri adalah ahli dalam jawatankuasa itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat sila...

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Memang mereka ini semua jadi ahli dalam jawatankuasa itu dan dipengerusikan oleh pegawai daerah. Isu sama juga, peruntukan tidak ada, tidak cukup, maka susah kita hendak buat. Dengan itu, Dato' tolong beritahulah sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ya..

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kalau kita katakan bahawa kerajaan tidak melaksanakan tanggung jawab untuk membangunkan kemudahan infrastruktur kepada rakyat di dalam negara kita. Sebenarnya telah banyak kita lakukan tetapi seperti mana biasa, kita bukan 'Lampu Aladdin' kata, "Oh, okey esok boleh selesai". Tidak boleh! Dalam keluarga kita pun, kita tidak boleh hendak bagi kesemua kepada anak-anak kita. Kita ada peruntukan yang terhad, dan kita ada hasil, kita ada kenakan cukai, kita

hendak naik tol, orang pun tidak bagi. Kita hendak potong subsidi, orang pun tidak bagi. Dalam waktu yang sama kita hendak semua ini.

Sudah tentulah Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi masalah-masalah, halangan-halangan ini, tetapi walau bagaimanapun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah dapat mengenal pasti kawasan-kawasan yang tertinggal. Sebab itu, dari segi perancangan jangka panjangnya dengan penubuhan koridor-koridor yang baru ini, sudah pasti selaras, sejajar dalam waktu yang sama kemudahan-kemudahan infrastruktur ini akan dapat kita selesaikan seiringan dengan pembangunan koridor-koridor ini.

Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus memberi penekanan kepada pembangunan koridor ini untuk memastikan secara keseluruhan kemudahan infrastruktur di luar bandar yang kita kata sebahagiannya ada yang tertinggal untuk memastikan mencapai kejayaan.

4. Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah kementerian bagi menjamin mutu perkhidmatan penerbangan terutamanya jadual pelepasan adalah tepat dan tidak diubah sewenang-wenangnya. Bagaimana jaminan kerajaan di dalam memastikan syarikat penerbangan kita mesra OKU dan menyediakan segala infrastruktur yang perlu demi memastikan golongan ini tidak dianaktirikan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa jadual penerbangan syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia seperti Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), dan AirAsia adalah mengikut jadual yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jadual-jadual penerbangan perlulah ditetapkan secara perbincangan bersama oleh syarikat-syarikat penerbangan dengan slot koordinator yang diterajui oleh MAS dan Jabatan Penerbangan Awam. Walau bagaimanapun, masalah penundaan jadual penerbangan atau pembatalan penerbangan terpaksa dilakukan sekiranya terdapat masalah-masalah seperti perubahan cuaca dan masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan.

Kementerian sentiasa memantau masalah-masalah kelewatan serta pembatalan penerbangan melalui laporan kelewatan dan pembatalan penerbangan oleh MAS, AirAsia dan FAX yang disediakan secara mingguan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Bagi memastikan kemudahan kepada penumpang OKU yang mendaftar masuk di KLIA, *Malaysian Airlines System* telah melantik vendor yang bertanggung jawab untuk memberi bantuan kepada penumpang OKU ketika pendaftaran masuk sehingga ke pintu pesawat. Bagi Air Asia pula, memberi perkhidmatan-perkhidmatan tambahan bagi memberikan keselesaan kepada penumpang OKU. Di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada penumpang OKU adalah seperti berikut:-

- (i) menyediakan dua buah *ambulift* bagi mengangkat penumpang OKU ketika menaiki dan menuruni pesawat;

- (ii) bantuan oleh kakitangan Air Asia bagi mengangkat penumpang OKU ketika mereka menggunakan *ambulift*;
- (iii) meningkatkan kemudahan *built-in handle* dalam tandas di dalam pesawat bagi memudahkan penumpang OKU untuk bergerak; dan
- (iv) menyediakan ruang di dalam pesawat bagi membolehkan penumpang OKU meletakkan kerusi roda di dalam pesawat pada ruang *aisle*.

Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut piawaian antarabangsa, 15 minit adalah satu masa yang ditetapkan untuk menjadi kayu pengukur kepada kelewatan penerbangan. Saya difahamkan hanya MAS yang menggunakan piawaian penerbangan tidak melebihi 15 minit tetapi Air Asia, menggunakan piawaian selama 30 minit. Adakah ini benar? Saya juga mendapat maklumat bahawa antara masalah-masalah teknikal yang menyebabkan kelewatan ini adalah kerana kekurangan pesawat dan juga kemudahan-kemudahan yang berada di lapangan terbang. Jadi, apakah langkah kementerian untuk memastikan kekurangan pesawat ini tidak menjadi masalah dan juga segala kemudahan itu di lapangan terbang diperbaiki dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul kata Yang Berhormat piawaian apakah yang boleh kita mentafsirkan sama ada sesuatu penerbangan itu adalah *on time* ataupun tidak, adalah satu pesawat yang berlepas selepas 15 minit. Jadi, inilah piawaian yang digunakan kita dan digunakan oleh Jabatan Penerbangan Awam untuk memantau sama ada satu-satu pesawat itu adalah lambat ataupun tidak. Memang dahulu AirAsia dari awal menggunakan waktu 30 minit tetapi kementerian telah memberitahu kepada AirAsia waktu 30 minit adalah tidak dapat diterima kerana ini bukan ukuran antarabangsa. Maka selepas itu, kita juga memantau *on time performance* dari Air Asia mengikut standard antarabangsa.

Mengenai masalah yang dihadapi menyebabkan kelewatan-kelewatan yang berlaku, memang pada bulan Julai, *on time performance* masa adalah terendah dan waktu itu banyak pesawat-pesawat perlu diperbaiki. Sekarang masalah-masalah itu juga telah pun diselesaikan. Dalam masa yang sama, MAS juga memahami bahawa beberapa pesawat yang lama perlu ditukar. Jadi mereka sekarang dalam rancangan untuk mencari jenis kapal terbang yang akan digunakan untuk menukarkan pesawat-pesawat tersebut dan kita berharap ini akan dapat kita lakukan pada tahun 2008. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya percaya tidak ada orang dalam Parlimen yang lebih mengetahui soal kelambatan MAS ini selain daripada orang Sarawak dan orang Sabah kerana tiap-tiap Ahli Parlimen yang turun naik itu, dua kali seminggu memang naik kapal terbang. Kalau tidak dari Bandar Kuching, pergi ke Sibu, pergi ke Bintulu, pergi ke Miri itu memang naik kapal

terbang. Jadi, sekurang-kurangnya enam kali, tiga kali seminggu naik kapal terbang. Jadi, pengalaman saya dalam bulan lapan hingga bulan sebelas ini, kalau sepuluh penerbangan yang saya naik, hanya sekali yang tepat pada harinya Tuan Yang di-Pertua. Sekali tepat, kadang-kadang perbezaan di antara Boeing 737 dengan *Airbus*, tidak dibezakan. Kelambatan krewlah, bila krew tidak sampai, orang tidak boleh *boarding* Tuan Yang di-Pertua, walaupun kapal terbang ataupun belon sudah sampai ke landasan.

Tuan Yang di-Pertua: Belon itu apa? Yang Berhormat...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...sebab tidak ada orang tunggu. Jadi, ini masalahnya, persoalannya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, belon itu apa?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Belon? *[Ketawa]*. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini belon cakap orang Sarawak Tuan Yang di-Pertua. Cakap orang Sarawak, belon bererti kapal terbang. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Kapal terbang.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi, walaupun belon ada sampai, tetapi malang sekali krew tidak sampai. Maksudnya, arahan daripada kementerian, pengurusan untuk penepatan masa ini telah tidak dipatuhi oleh pihak MAS dan tidak melihat juga yang perbezaan di antara kemasukan *passengers* atau penumpang dalam *Airbus* dengan Boeing 737, perbezaan memakan masa. Selepas itu kelambatan oleh sebab giliran menunggu naik lagi, itu satu. Kadang-kadang kita terlambat, walaupun sudah masuk dalam kapal terbang, dalam belon kita kena tunggu lagi sampai di antara setengah jam ke 45 minit terlambat. Itulah kadang-kadang *appointment* terlambat, janji makan malam dengan kawan terlambat.

■1030

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, macam mana sebenarnya boleh MAS ini menunjukkan keberkesanan arahan daripada atasan untuk sampai ke bawah. Jangan CEO saja cakap berdegar-degar, di TV tunjuk keuntungan, tunjuk kemenangan, tunjuk kebaikan, tunjuk efisien tetapi malang *service* kepada masyarakat masih di bawah sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukuplah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Belon adalah kapal udara Sarawak. Jadi, adalah tidak tepat kalau kita mengatakan *performance* MAS adalah

terendah sekali kerana baru-baru ini kita juga telah menyaksikan keuntungan yang MAS telah dapat.

Yang kedua, memang kementerian mengakui bahawa *on time performance* MAS adalah menghadapi beberapa masalah. Untuk memberi gambaran yang tepat, saya ingin memberi angka ini. Pada bulan Julai, *on time performance* MAS adalah hanya 54.4%. Pada bulan ini dapat ditingkatkan daripada bulan Ogos naik kepada 71.01% dan pada bulan September kepada 86.8%.

Ini menunjukkan bahawa beberapa masalah yang dihadapi oleh MAS yang menyebabkan kelewatan pesawat-pesawat telah pun kita selesaikan. Walau bagaimanapun, satu masalah yang masih kita cuba hendak selesaikan dengan seberapa segera yang boleh ialah masalah *ground handling* kerana mengikut angka yang ada ini, 27.6% kelewatan penerbangan MAS adalah disebabkan *ground handling*. Jadi kementerian akan menumpukan masalah ini untuk menentukan bahawa *on time performance* MAS terus sama setaraf dengan taraf dunia. Terima kasih.

5. Datuk Ir. Hasni Bin Haji Mohammad [Pontian] minta Menteri Kewangan menyatakan peruntukan atau perbelanjaan yang dibuat oleh syarikat-syarikat GLC dalam tahun 2006 dan 2007 untuk melaksanakan program kemasyarakatan sebagai langkah menjayakan tanggungjawab sosial korporat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Buku Perak dilancarkan pada September 2006, beberapa GLC seperti Telekom Malaysia dan *Malaysia Airlines System Berhad* telah mengorak langkah mengemas kini dan memperkukuhkan tema teras serta pendekatan strategik bagi *Corporate Social Responsibility* ataupun CSR.

Masing-masing melalui pengenalan pelan transformasi sumbangan kepada masyarakat yang merupakan sebahagian daripada saranan utama dalam Buku Perak bagi yang berkenaan. Walau bagaimanapun memandangkan GLC terlibat dalam bidang yang pelbagai dan berbeza tuntutan perniagaan di antara satu GLC dengan GLC yang lain, tiada ketetapan dibuat mengenai jumlah atau peratusan yang perlu disumbangkan oleh setiap syarikat yang tersebut. GLC sebaliknya dikehendaki menetapkan peruntukan pada kadar yang bersesuaian.

Di antara syarikat GLC yang telah menyumbangkan kepada program CSR bagi tahun 2006/2007 adalah seperti berikut:-

- (i) Telekom Malaysia – pada tahun 2006/2007 telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta bagi setiap tahun untuk membiayai program-program kemasyarakatan;

- (ii) TNB – pada tahun 2006 telah membelanjakan sebanyak RM15.5 juta untuk membiayai projek yang dinamakan *One Hundred Roll Education Project* yang berjumlah RM15.5 juta; dan
- (iii) Kumpulan CIMB – pada tahun 2007 telah memperuntukkan RM100 juta bagi tiga tahun di bawah Yayasan CIMB dalam usaha melaksanakan program CSR, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pihak kementerian. Yang Berhormat, kita lihat bahawa masyarakat sememangnya menghargai usaha-usaha yang dibuat oleh GLC untuk menjayakan ataupun melaksanakan tanggungjawab sosial mereka.

Walau bagaimanapun, kita dapati Yang Berhormat, bahawa lain GLC, lain perkara yang dilakukan. Apa pandangan Yang Berhormat sekiranya dapat kita seragamkan, kita bagi satu *rating* kepada GLC-GLC yang melaksanakan CSR ini. Kita tentukan komponen-komponen yang sewajarnya yang boleh dilihat sebagai *Corporate Social Responsibility*, dengan izin Yang Berhormat kerana pada apa yang dapat kita lihat sebagai contoh satu agensi yang terlibat dengan kegiatan perladangan, yang melibatkan kegiatan-kegiatan yang menyentuh kepada soal alam sekitar melaksanakan CSR nya dengan tema menyumbang kepada memelihara alam sekitar.

Itu mungkin dia keluar RM1 juta – RM2 juta *by the way*, sampingan sahaja tetapi ada setengah-setengah agensi, GLC melaksanakan CSR mereka orang kata sanggup berkorban apa saja untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Itu satu Tuan Yang di-Pertua. Yang keduanya ialah kenapa tidak CSR ini apabila kalau boleh kita beri *rating*, bukan hanya pengiktirafan itu dalam negara saja tetapi juga diterima di peringkat antarabangsa. Itu juga penting kerana ianya akan dapat memperlihatkan peranan negara kita dalam menyumbang kepada kepentingan sosial ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, CSR *rating*. Saya ingat satu pandangan yang amat bernas, amat baik oleh Yang Berhormat daripada Pontian.

Memang sekarang ini tak ada *rating* Tuan Yang di-Pertua, tak ada *rating* dari segi yang disebut CSR sama ada *rating* 1 sampai 10, syarikat ini nombor tujuh ke nombor dua ke tak tahu, tak ada *rating*. Di peringkat dalam negara dan di dunia saya ingat belum ada lagi CSR *rating* ini Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat satu idea yang bagus. Dengan cara ini kita dapat tahu dengan segeranya sama ada syarikat itu menjalankan *social responsibility* mereka. Saya ingat bagus juga Tuan Yang di-Pertua, kalau contohnya syarikat ini mengeluarkan dalam proses *manufacturing* mengeluarkan banyak gas toksik misalnya, mungkin *rating* dia -3, -4. Itu satu idea yang bagus Yang Berhormat bagi Pontian, amat bernas. Saya harap perkara ini dilihat secara

serius oleh tak tahulah mana-mana jabatan yang boleh dipertanggungjawabkan sama ada Kementerian Kewangan ataupun Jabatan Perdana Menteri, *rating* ini.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, memang tahun ini kita ada buat award tetapi award itu diadakan bila tiap kali nak buat award, diwujudkan satu *Committee* dan mereka menilaikan. Jadi tidak menyeluruh Tuan Yang di-Pertua.

Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Pontian bahawa masing-masing syarikat ada aktiviti masing-masing. Pertanian, *manufacturing*, *telecommunication* dan sebagainya. So, susah kita nak nilaikan kecuali kalau ada CSR *rating* yang kita boleh wujudkan. Dengan cara ini di *recognize*.

Macam contohnya dalam hal pengeluaran bon, ada *rating* agensinya Tuan Yang di-Pertua. Ada yang AAA, ada AA, ada BBB dan sebagainya, ada *rating* agensi. Yang CSR ini belum ada *rating* agensi dan patut dilihat secara serius oleh mana-mana pihaklah sama ada kerajaan atau pihak agensi yang ditetapkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah CSR program boleh jadi lebih sempurna khasnya sebagai contohnya supaya bahawa GLC-GLC boleh membayangkan *multiracial population* di mana kakitangan-kakitangan semua lapisan ialah *multiracial* oleh kerana adalah kompelin-kompelin bahawa khasnya untuk atasan, satu *monoracial composition* kurang orang India, orang Tionghoa dan pun Iban dan Kadazan.

Kedua, bahawa ada satu program kemasyarakatan di mana masyarakat yang dipinggirkan boleh dibantu khasnya oleh kerana ini menjadi satu isu yang besar dengan demokrasi Hindraf di mana orang India dipinggirkan begitu lama. Bukan saja orang India tetapi pun kaum-kaum yang lain ada dipinggirkan. Patutlah pun dapat *target* sasaran CSR program GLC. Bolehkah dua-dua perkara ini diambil pertimbangan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya susah nak jawab soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini. Apa yang saya nak bagi tahu, nak tekankan iaitu CSR ini ialah untuk keseluruhan masyarakat. Semua sekalilah, tidak kiralah kaum mana pun tetapi keseluruhan masyarakat terlibat dalam CSR dan syarikat-syarikat belanja banyak untuk semua sekali. Ada yang saya sebut tadi pun dah sebut dah, ada lagi sebenarnya senarai yang telah dibuat oleh pelbagai syarikat. Dia merangkumi semua sekali, tidak ada khas untuk orang ini, orang itu. Tidak ada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh nyatakan dua aspek ini! Oleh kerana sangat mustahak supaya CSR lebih sempurna.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tentang komponen kakitangan dalam GLC masing-masing, saya kira tidak masuk dalam CSR Tuan Yang di-Pertua. Ini urusan syarikat masing-masing. Terpolang pada merekalah Tuan Yang di-Pertua.

■ 1040

6. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah kelulusan EIA telah diperoleh oleh pengusaha projek Loji Jana Kuasa Elektrik Arang Batu (*Coal Fire Power Plant*) di Lahad Datu. Apakah Kerajaan telah membuat perjanjian dengan kontraktor dan pengusaha loji elektrik tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin mengenai alam sekitar dan kesihatan penduduk sebelum memberi pertimbangan untuk membina sesuatu loji jana kuasa arang batu di negara ini malah di bawah Dasar Tenaga Negara isu alam sekitar sememangnya diberi perhatian serius oleh kerajaan sebelum sesuatu loji jana kuasa diluluskan.

Untuk maklumat Yang Berhormat loji jana kuasa arang batu yang telah dibina di negara ini adalah berasaskan *clean coal technology*. Loji-loji ini telah dilengkapi dengan peralatan yang mengawal sisa pembakaran supaya tahap pelepasan ke udara *emission* dengan izin, adalah mengikut piawaian yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Ia juga adalah di bawah tahap pengisytiharan atau dekorasi organisasi kesihatan sedunia WHO. Semua loji jana kuasa arang batu yang dibina mesti menjalani kajian *environmental impact assessment* - EIA dan pelaksanaannya hanya diizinkan setelah mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar - JAS di peringkat negeri dan persekutuan.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Seputeh berhubung projek Jana Kuasa Elektrik Arang Batu di Lahad Datu saya ingin memaklumkan bahawa pihak konsortium yang ditawarkan projek ini telah pun menerima kelulusan terma-terma rujukan mengenai EIA daripada Jabatan Alam Sekitar. Dalam pada itu tender untuk mendapatkan perunding bagi menjalankan kajian EIA telah pun dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Sabah Electricity Sdn Bhd - SCSB sedang mengambil tindakan untuk memperincikan *power purchase agreement* - PPA dengan pihak konsortium. Suka saya menekankan sekali lagi bahawa projek Jana Kuasa Arang Batu di Lahad Datu dengan kapasiti 300 mega watt akan dijangka beroperasi pada tahun 2012 akan meningkatkan keupayaan bekalan elektrik Pantai Timur Sabah. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya memandangkan EIA masih belum diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Kita tahu yang tempat itu, tapak itu adalah *double bay* yang mempunyai keindahan pemandangan yang paling cantik dan semula jadi di kawasan Sabah. Jadi sekiranya EIA tidak diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar apakah kerajaan akan membayar pampasan yang sangat tinggi kepada pihak kontraktor ataupun pengusaha seperti apa yang berlaku di incinerator Broga di mana syarikat 'Ibara' kita terpaksa bayar pampasan yang amat tinggi kepada syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua mengenai teknologi *clean coal*, sebenarnya selalunya ada teknologi yang termoden yang diterima oleh mana-mana pihak yang bagi saya selalunya ia adalah 'tek no

logik'. Apa maksudnya *clean coal*? Kalau kita lihat tapak di Kapar dan juga Manjong ini loji jana kuasa elektrik arang batu yang saya tahu semua *scrap heavy metal* daripada pengeluaran asap itu sebenarnya ia adalah dialir ke laut. Yang kita tahu yang semua *heavy metal* itu mengandungi *mercury* yang sangat tinggi. Jadi ikan makan *mercury* dan manusia kita juga pergi makan ikan yang mengandungi *mercury* dan akhirnya kita semua mati cepat.

Jadi saya rasa ini kalau kita ini ada *clean coal* ini memang 'tek no logik' yang saya rasa yang apa sepatut kerajaan buat adalah kita mengalir arusan elektrik daripada Bakun di Sarawak yang mana kita telah menggunakan berbilion-bilion ringgit untuk membina Bakun untuk mengalirkan ke Sabah bukan ke Johor itu lebih mahal? Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi penjelasan, berapa orang sudah mati?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Seputeh. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan khasnya Yang Berhormat daripada Seputeh sebenarnya teknologi *clean coal* ataupun jana kuasa berasaskan arang batu ini bukanlah kali pertama diadakan di negara ini ataupun di dunia. Negara-negara maju seperti Australia, Korea Selatan, Jepun, United Kingdom, Jerman, Perancis, mereka juga ada jana kuasa-jana kuasa yang menggunakan arang batu ini. Ini menunjukkan bahawa diversifikasi selain daripada nuklear ataupun gas mereka juga menggunakan *clean coal technology*.

Bila kita meluluskan projek ini sebagaimana saya katakan kita tidak akan mulakan projek ini selagi sebelum mendapat kelulusan daripada EIA yang di bawah Kementerian Alam Sekitar dan memandangkan kita beratkan dari segi alam sekitar kita ketatkan lagi syaratnya, antaranya walaupun projek ini nanti secara keseluruhannya akan dibiayai menggunakan kewangan dalam negara tetapi kementerian telah meminta supaya apabila dibuat kajian EIA ini ia memenuhi syarat seolah-olah untuk mendapat pinjaman daripada kewangan antarabangsa. Ini menunjukkan bagaimana kementerian ini, kerajaan ini menitikberatkan dari segi alam sekitar berhubung dengan projek arang batu di negeri Sabah ini dan Yang Berhormat juga perlu faham saya menerima banyak aduan daripada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat daripada di Sabah bahawa masalah utama di Sabah adalah bekalan elektrik, sumber elektrik itu tidak mencukupi. Untuk membawa bekalan elektrik dari Bakun bukanlah perkara yang mudah kerana ia terpaksa melalui Banjaran Crocker yang begitu sukar dan sebab itu kita bercadang untuk membawa bekalan elektrik daripada Bakun ke semenanjung Malaysia. Terima kasih

7. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh mana program rakan muda memberi kesan kepada pembangunan belia di negara ini. Adakah kementerian berhasrat memperluaskan skop program ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat program rakan muda yang dilancarkan pada tahun 1994 merupakan sebuah program pembangunan sosial dengan tumpuan untuk

melahirkan generasi pewaris yang sempurna, bertanggungjawab, aktif, berkeyakinan, dan berupaya jati diri yang tinggi serta menghapuskan amalan-amalan negatif seperti lepak dan sebagainya.

Pendekatan pelaksanaan program rakan muda telah mendapat sambutan yang baik daripada golongan belia. Dalam hubungan ini program rakan muda fasa II telah pun dilancarkan pada 29 Mei 2007 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pelan pelaksanaan fasa II program rakan muda ini merupakan program pembangunan sosial dengan tumpuan untuk melahirkan generasi pewaris dan modal insan yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, melalui rakan muda fasa II ini, Kementerian Belia dan Sukan juga akan menubuhkan kelab rakan muda di 219 kawasan parlimen. Fungsi dan peranan utama kelab tersebut adalah sebagai badan penggerak pelaksanaan aktiviti program belia dan rakan muda setempat. Skop program rakan muda juga telah memainkan peranan yang besar dalam perwujudan 219 jawatan penggerak rakan muda.

Kementerian berhasrat untuk memperluaskan lagi skop program ini yang mana tidak hanya berorientasikan pelaksanaan program semata-mata tetapi akan lebih menumpukan kepada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan. Melalui program rakan muda juga kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam melaksanakan program rakan muda jiran muda di seluruh negara. Terima kasih.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin tanya kerana rakan muda ini satu projek yang begitu baik, wujud dulu saya di dalam itu di JAKIM saya beri input kerana hendak bangun belia mesti dua aspek. Satu aspek fizikal, *fizikal development* dgn izin. Kedua ialah spiritual, sejauh mana kementerian menekankan soal-soal spiritual terutamanya akhlak moral di kalangan belia, kalau tidak belia tidak akan bangun, belia akan banyak runtuh, yakinlah kalau hendak bangun mesti kata Ibnu Khuldun, dua ini ialah *spiritual development* mesti di *follow* dengan fizikal Yang Berhormat. Terima kasih.

■1050

Dato' Liow Tiong Lai: Baik, terima kasih Pasir Puteh. Memang Kementerian Belia dan Sukan amat mengambil berat tentang kedua-dua aspek tersebut, fizikal dan juga kerohanian, kerana kerohanian akan dapat memastikan belia kita mempunyai jati diri dan juga akhlak yang baik. Melalui program Rakan Muda Fasa Dua ini, kita bukan sahaja memberi fokus kepada pembangunan individu tetapi juga kita memberi fokus kepada pembangunan komuniti, *community youth development* kerana kita yakin melalui fokus kepada komuniti, melalui usaha masyarakat kita dapat membangunkan individu yang lebih sempurna dari segi kerohaniannya. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, gagasan Rakan Muda ini pada tahun 1994, pertama sekali Menteri ketika

itu merasakan pertubuhan-pertubuhan belia adalah lesu. Ditubuhkan Rakan Muda untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan peringkat akar umbi bagi menggantikan pertubuhan belia yang lesu. Hari ini dengan Akta Pembangunan Belia yang baru, saya dapati ada satu tenaga yang menghidupkan kembali pertubuhan-pertubuhan belia. Kewujudan rakan-rakan muda ini seolah-olah satu persaingan kepada pertubuhan-pertubuhan belia.

Jadi bagaimanakah kementerian mengatasi masalah persaingan di antara program-program Rakan Muda dan program-program pertubuhan belia di kawasan-kawasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya nak jelaskan di sini bahawa tidak ada percanggahan dari segi perwujudan program Rakan Muda dengan persatuan-persatuan belia. Sepatutnya mereka boleh wujud bersama dan *complementary* untuk memastikan bahawa program-program Rakan Muda ini dapat diperkembangkan.

Program Rakan Muda adalah untuk belia-belia yang tidak menyertai persatuan belia, yang di luar persatuan belia tetapi yang ada dalam persatuan belia juga boleh menganjurkan program Rakan Muda untuk menggalakkan belia-belia yang tidak menyertai persatuan untuk memasuki persatuan. Kita yakin melalui Akta Belia yang telah diluluskan oleh Dewan ini, yang akan dilaksanakan pada tahun ini juga. Kita harap dapat memastikan persatuan-persatuan belia lebih aktif dan mendapatkan lebih ramai ahli untuk memperkukuhkan lagi persatuan. Dan dapat membantu menjayakan program-program Rakan Muda. Itu sahaja, terima kasih.

8. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah sebab utama permohonan untuk mendapatkan permit masuk dan perakuan taraf mengambil masa yang terlalu lama untuk proses serta diluluskan; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk menetapkan satu tempoh tertentu dan masa untuk kelulusan permohonan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Untuk makluman Yang Berhormat, permit masuk merupakan satu dokumen yang boleh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia selaras dengan seksyen 10(2) Akta Imigresen 1959/63.

Kepada seseorang bukan warganegara Malaysia yang ingin masuk ke Malaysia dan berada di dalamnya bukan di atas apa-apa pas. Permit masuk bukanlah satu hak yang boleh dituntut oleh warganegara asing, tetapi ia dikeluarkan atas budi bicara kerajaan Malaysia. Oleh yang demikian, tiada satu tempoh yang khusus ditetapkan bagi kerajaan Malaysia membuat keputusan terhadap sesuatu permohonan permit masuk. Kerajaan juga tidak harus terburu-buru

untuk mengeluarkan keputusan kerana setiap permohonan akan melalui beberapa prosedur yang penting seperti tapisan keselamatan serta perlu diteliti, dikaji dan diperhalusi sebaik-baik mungkin bagi memastikan adakah seseorang warga asing itu layak. Di samping dapat menguji tahap kesetiaan dan kesabaran seseorang pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, Sijil Perakuan Taraf pula merupakan satu dokumen yang boleh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia selaras dengan Peraturan 3, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, kepada seseorang yang mempunyai tuntutan sebagai warganegara Malaysia, untuk masuk ke Malaysia berdasarkan perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan. Dokumen tersebut dikeluarkan bertujuan untuk memastikan kemasukan seseorang itu di dalam kes ini seseorang yang mempunyai tuntutan sebagai warganegara Malaysia, ke dalam negara ini adalah secara teratur dan tidak menimbulkan implikasi keselamatan seperti pemilikan pasport dua negara yang berlainan.

Permohonan ini juga tiada satu tempoh yang khusus ditetapkan bagi keputusan dikeluarkan. Bagi memastikan individu yang dikeluarkan dengan sijil tersebut benar-benar mempunyai tuntutan sebagai warganegara Malaysia. Tapisan keselamatan serta siasatan akan dilakukan terhadap beberapa aspek seperti status kelahiran, perkahwinan dan pergerakan keluar masuk bagi kedua-dua ibu bapa pemohon dan pemohon sendiri. Semua langkah ini adalah terbukti perlu memandangkan sebelum ini wujud kes di mana terdapat pemohon-pemohon yang mendakwa diri sebagai anak kepada warganegara Malaysia dan seterusnya memohon perakuan taraf. Walau bagaimanapun, hasil siasatan yang dilakukan oleh Jabatan Imigresen telah mengenal pasti bahawa mereka ini bukanlah anak kepada warganegara Malaysia seperti yang didakwa. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang telah diberikan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi kata memang satu masa tidak boleh ditentukan. Di sini saya memang tidak bersetuju, kalau kita tiada satu tarikh atau masa ditentukan untuk memproses kerakyatan ataupun permohonan itu, memang akan menjadi masalah. Selalu mereka pergi imigresen, imigresen selalu minta mereka, kalau mahu cepat mesti melalui agensi-agensi yang ditentukan daripada imigresen. Apa pasal majikan sendiri tidak boleh memohon? Apa pasal mesti melalui agensi-agensi yang ditentukan daripada Jabatan Imigresen?

Kedua, warganegara kita yang sudah berkahwin dengan warganegara asing memang susah dapat. Kadang-kadang pegawai dari imigresen tanya macam-macam, terutama sekali kalau wanita berkahwin di luar. Dia tanya macam-macam pada wanita, negara kita lelaki kita tidak layakkah? Tidak boleh *satisfy* dengan kita punya *requirement*? Macam-macam, cukup malu kita bila ditanya. Jadi kenapa kita tidak boleh mencari satu cara ataupun satu polisi untuk warganegara kita yang berkahwin luar bolehlah mendapat kepastian berapa hari boleh dapat kelulusan. Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan pertama mengenai sesuatu permit masuk mudah didapati melalui ejen. Tidak ada sebarang agen yang dilantik atau dibenarkan oleh kerajaan dalam soal permit masuk. Permit masuk hanya boleh diurus melalui Jabatan Imigresen. Tidak ada lain-lain saluran yang boleh mengeluarkan permit masuk kepada mana-mana pemohon warga asing.

Yang kedua, seseorang warganegara Malaysia yang berkahwin dengan mana-mana warga asing, saya suka menyatakan bahawa perkahwinan bukanlah pasport untuk diberikan sesuatu permit masuk. Ia memerlukan satu proses dan tapisan, contohnya, pertama sekali proses untuk menemu duga yang dilakukan oleh Jabatan Imigresen di mana kita ingin mengetahui apakah tujuan kemasukan demikian, kalau dia kahwin okeylah dia ada suami. Dalam pada itu juga, kita terpaksa merujuk kepada pihak polis untuk menentukan apakah orang yang berkenaan mempunyai kaitan dengan apa-apa pihak misalnya sekarang ini ada tuduhan-tuduhan mengatakan kita menjadi tempat tumpuan pengganas, kita tidak mahu negara kita dilibatkan dengan tuduhan sedemikian.

■1100

Ada kes-kes di mana pihak polis juga terpaksa rujuk kepada kedutaan negara tersebut dan juga negara asal mereka untuk menentukan kesahihan dan latar belakang yang lebih jelas dan ada kes-kes kita terpaksa merujuk kepada INTERPOL kerana itu ia mengambil masa. Tidak ada *short cut* atau proses untuk mempercepatkan kerana kita mahu menentukan sesiapa sahaja yang ingin menjadi warganegara, pertamanya perlu faham bahawa dia sebenarnya berminat dan boleh menumpukan kesetiaan kepada negara ini. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, keengganan pihak kementerian menetapkan masa bagi meluluskan permohonan ini ia akan membuka pelbagai masalah, masalah rasuah, masalah kepada pemohon, bagi kes yang tulen! Takkan pihak kementerian tidak boleh meneliti dan memastikan mana kes tulen dan mana kes yang tidak tulen.

Ada kes di mana isteri asing ini telah menetap di sini lebih 20 tahun, tiga empat orang anak kat sini. Ada kes di mana walaupun anak ini dilahirkan di luar negara tetapi dia punya anak telah belajar di sini sejak sekolah rendah. Mereka ada tanya apakah ada diskriminasi? Kalau mereka adalah dari warganegara tertentu akan dapat keutamaan? Saya pohon penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Batu Gajah. Pertama sekali tidak ada soal diskriminasi di dalam pemberian permit masuk. Pihak kerajaan dan imigresen akan menapis mengikut permohonan dan juga bukti-bukti lengkap yang menyokong permohonan tersebut.

Kes-kes kelewatan yang begini mungkin dokumen-dokumen yang dikemukakan tidak lengkap dan kadang-kadang tidak memenuhi apa yang dikehendaki di dalam peraturan dan undang-undang. Maka kerana itu permohonan itu menjadi lewat.

Kadang-kadang setelah memohon pihak pemohon mendesak dan kemudian mengambil tindakan-tindakan seperti menyalahkan kerajaan dan sebagainya, yang menunjukkan mereka tidak sabar dan kadang-kadang mengancam kerajaan.

Saya suka menyatakan bahawa kita tidak suka melengah-lengahkan sebarang permohonan sebenarnya yang mempunyai butir-butir yang lengkap. Ini kerana mengikut rekod kita dari tahun 2001 sehingga 2006, kita telah menerima sejumlah 8,786 permohonan. Daripada permohonan yang sedemikian sebanyak 3,426 telah diluluskan, di mana permohonan-permohonan dapat dibuktikan dokumen-dokumen yang sah dan lengkap. Terima kasih.

9. Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan segera yang diambil ke atas pendatang tanpa izin dan mereka yang mempunyai dokumen sah melalui cara yang salah di negeri Sabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, komitmen kerajaan Persekutuan dalam menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin atau PATI di Sabah sentiasa serius, tegas dan secara berterusan

Kerajaan telah melaksanakan operasi bersepadu yang diselaraskan oleh pasukan petugas khas persekutuan Sabah dan Labuan ke atas PATI di Sabah bagi menangkap, mendakwa dan menahan serta mengusir PATI di seluruh negeri Sabah.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah bagi mengawal kehadiran PATI di Sabah, antaranya ialah;

- (i) meningkatkan kadar kawalan perairan melalui operasi oleh ATM dan PDRM;
- (ii) peningkatan rondaan di perairan oleh tentera laut dan agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (iii) peningkatan bilangan operasi penangkapan secara bersepadu dan unilateral oleh pihak berkuasa; dan
- (iv) kewajipan kesedaran kepada penduduk tempatan supaya tidak melindungi PATI.

Untuk makluman, bagi tahun 2007 seramai 10,892 orang PATI telah diusir pulang ke negara asal mereka. Daripada jumlah ini 6,825 warga Filipina, 3,793 warga Indonesia dan 244 lain-lain warganegara. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan adalah serius menangani masalah ini dan agensi penguatkuasaan sentiasa menjalankan tugas mereka dengan penuh komitmen dan berterusan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua warga Malaysia di Sabah tahu tentang dokumen pengenalan yang tidak betul. Saya sendiri telah mengemukakan nombor-nombor MyKad yang diragui sebanyak '3,022,903' di Dewan yang mulia

ini tetapi sehingga sekarang tidak ada maklum balas yang diterima. Lagi pun PATI yang tepat dokumen sah ini telah menjadi warganegara yang lebih bumiputera daripada bumiputera tempatan kerana mereka menikmati kemudahan dan hak yang lebih apabila dibandingkan dengan bumiputera khususnya mereka yang di luar bandar. Ini adalah satu perkara yang serius.

Walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi nampaknya semua ini langsung tidak berkesan. Oleh sebab itu setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya dengan penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja baru kita dapat mengatasi masalah yang serius ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi, dasar yang dipakai oleh kerajaan juga adalah digunakan terhadap mereka yang memiliki dokumen sah melalui cara yang tidak sah.

Kedua, kerajaan oleh kerana yakin bahawa langkah-langkah yang diambil sekarang adalah boleh menyelesaikan masalah dari semasa ke semasa maka tidak perlulah ditubuhkan suruhanjaya.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan tadi jawapan kepada soalan tambahan.

Masalah ini Tuan Yang di-Pertua bukan masa ke semasa, masalah ini hari ke hari. Tiap-tiap hari kita nampak di kampung-kampung pelosok Sabah terutama sekali di pekan-pekan dan bandar-bandar.

Jadi apa yang saya nampak sekarang kita ada tiga pusat tahanan di Sabah dan kita tahu pusat tahanan ini tidak memadai sebab banyak tangkapan yang dibuat, itu tidak dapat dinafikan. Apa yang saya persoalkan berapakah pusat tahanan akan dibangun lagi untuk menangani isu ini.

Apakah ada masalah kerajaan dengan kerajaan Filipina atau kerajaan Indonesia? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang bijak sekiranya kita mengambil langkah-langkah untuk menangkap kemudian meletakkan mereka di pusat tahanan kerana ini akan membebankan kerajaan.

Sebab itu langkah pengusiran, langkah kawalan adalah lebih penting sepertimana yang dilaksanakan sekarang ini.

10. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat manakah kawalan terhadap sindrom penyakit HIV/AIDS berkesan dengan pemberian kondom dan jarum percuma kepada pesakit dan apakah reaksi kerajaan mengenai cadangan diadakan 'shooting gallery' bagi penggunaan jarum tersebut agar perlaksanaannya dapat dikawal.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua. Sejak Januari 1986 hingga Disember 2006 sejumlah 72.7% iaitu 53,534 daripada kes

HIV yang dilaporkan di dalam negara adalah di kalangan penagih dadah secara *intravenous* atau IDU dengan izin.

Hasil daripada siasatan kes, didapati bahawa punca jangkitan HIV di kalangan mereka adalah melalui perkongsian jarum dalam penagihan dadah dalam *intravenous* melalui Program Pengurangan Kemudaratan dengan izin, *harm deduction* amalan berisiko yang boleh menular dan penyakit dapat dihalang dengan mengambil langkah-langkah pencegahan sewajarnya.

■1110

Program penukaran jarum dan alat suntik yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan adalah bertujuan untuk mencegah jangkitan HIV melalui perkongsian jarum. Manakala penggunaan kondom adalah untuk mencegah HIV dan lain-lain penyakit kelamin melalui hubungan seks tidak selamat. Program penukaran jarum dan alat suntikan serta pemberian kondom secara percuma telah dijalankan mulai 16 Februari 2006 secara perintis melibatkan tiga kawasan iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor. Liputan program telah diperluaskan kepada tiga buah negeri iaitu Pahang, Kelantan dan Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak program ini dijalankan sehingga akhir Julai 2007, sejumlah 2,246 penagih dadah suntikan telah menyertai program bekalan jarum dengan purata dua kali penukaran jarum sebulan bagi setiap peserta. Pada masa yang sama sejumlah 30,000 kondom telah diedarkan. Ini bermakna sekurang-kurangnya terdapat 2,224 penagih tidak perlu berkongsi jarum serta dapat melakukan hubungan seks yang lebih selamat. Program ini dapat mendorong sejumlah 155 peserta menjalani ujian HIV dan 130 orang peserta menyertai program rawatan gantian metadon dan sejumlah 322 peserta telah dirujuk untuk rawatan perubatan di hospital dan klinik kesihatan. Manakala 94 peserta lagi dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 40 bandar utama yang melaksanakan program pemberian jarum utama seperti Bandaraya London, Amsterdam dan Sidney, merupakan antara bandar yang telah mewujudkan kemudahan *shooting gallery*, dengan izin. *Shooting gallery* ini bukan hanya menyediakan kemudahan menyuntik tetapi juga menyediakan khidmat kaunseling dengan izin *risk communication*, rawatan perubahan yang dikendalikan oleh pasukan terlatih dari aspek-aspek *harm reduction*, dengan izin.

Tumpuan utama program penukaran jarum utama di Malaysia lebih ke arah menyekat pengeluaran HIV akibat perkongsian jarum dan bukannya untuk memudahkan, saya ulangi bukan untuk memudahkan penagih dadah menyuntik dadah. Oleh yang demikian, *shooting gallery* dirasakan tidak begitu sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih kerana jawapan itu. Dengan segala usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, malah saya difahamkan peruntukan yang tidak terbatas diberikan kepada usaha untuk mencegah dan menangani HIV ini, tetapi saya tidak pasti tadi

macam Timbalan Menteri mengelak daripada memberikan data yang sebenarnya. Pertambahan pesakit HIV AIDS. Saya difahamkan lebih 85,000. Kalau diletakkan di Sabak Bernam, saya ingat seluruh rakyat Sabak Bernam itu dengan HIV AIDS ataupun kalau diletak di Perlis lah, satu Perlis penuh dengan pesakit HIV AIDS dan kita difahamkan di Afrika sekarang sudah melebihi. Di negeri tertentu 30%. Jadi sebenarnya Sabak Bernam sangat bimbang.

Jadi saya ingin pandangan daripada Timbalan Menteri, cadangan supaya satu agensi dalam tindakan diberikan. Satu *task force* umpamanya. Satu agenda khas. Satu ganjaran diberikan kepada rakyat yang akan membantu dalam agenda ini. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Tuan Yang di-Pertua, Sabak Bernam kata saya hendak mengelak, sebenarnya tak ada elak. Saya tak elak pun. Kita punya data ini adalah data yang tepat. Sehingga kini 55,000 tapi oleh kerana program ini dijalankan dengan kerjasama NGO, bukan dengan menggunakan kuasa yang ada di kementerian dan untuk melatih mereka-mereka ini *voluntaries* ini, sukarelawan dalam berhadapan dengan isu-isu HIV, penukaran jarum ini, kita perlukan satu pembangunan sumber manusia, modal insan yang betul-betul terlatih. Sebab itu kita mulakan dengan hanya tiga tempat, kemudian tambah lagi tiga tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sempat sertai kumpulan *voluntaries* ini, dia orang memang amat dedikasi. Kalau saya bagi jarum atau kondom duduk dekat tepi batu tunggu dia orang keluar, memang dia orang tak keluar. Jikalau orang-orang tertentu yang mereka kenal, dia akan keluar, dia akan tukar jarum dan bila proses ini berlaku, kita bukan hanya melantik orang itu setakat hendak beri jarum, hendak beri kondom. Itu siapa-siapa boleh buat, tapi yang paling penting sekali mereka ada wujud kepercayaan di antara *voluntaries* (sukarelawan) ini dengan penagih dadah. Supaya mereka keluar dan bila mereka keluar kita beri mereka peluang kedua supaya mereka dapat baiki diri mereka.

Ekoran daripada itu, itulah tadi Tuan Yang di-Pertua, saya bagikan *figures* ini yang telah dapat dikumpulkan dan kalau kita dapat kumpulkan lebih ramai lagi sukarelawan, dan program ini akan dikembangkan, saya tidak nampak ia merupakan satu masalah di masa-masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu pencegahan melalui penggunaan jarum di antara penagih boleh mengurangkan kadar AIDS tetapi dilaporkan di dalam UNDP dan PEMADAM, didapati sehingga akhir 2001, seramai 14,000 kanak-kanak kehilangan ibu bapa disebabkan oleh penyakit ataupun HIV AIDS ini. Daripada jumlah 14,000 itu seramai 5,500 adalah di bawah umur 15 tahun.

Apakah pendekatan kementerian untuk memberi tahu kepada pembawa atau penghidap HIV AIDS ini, bahawa kesan penyakit ini boleh diturunkan kepada kanak-kanak dan apakah

langkah kerajaan untuk memastikan kanak-kanak yang lahir selain daripada kehilangan ibu bapa tidak juga mempunyai atau mewarisi HIV AIDS ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, program-program penerangan dan pembelajaran sentiasa diberikan kepada mereka-mereka ini melalui beberapa program kesihatan awam. Cuma Kementerian Kesihatan tidak semata-mata dibebani oleh kes sosial, penyakit sosial. Ini kerana apa juga sebab, kenapa seseorang itu menjurus kepada penagihan dadah dan akhirnya HIV. Akhirnya segala masalah dan beban itu terpaksa ditanggung oleh Kementerian Kesihatan dan ini adalah dilihat tidak adil.

Oleh sebab itu, satu jawatankuasa di peringkat Kabinet dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan satu lagi satu Majlis yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Kemudian satu lagi jawatankuasa di peringkat menteri untuk memastikan yang kita dapat kecapai enam MDGs dengan izin *Millennium Development Goals* yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Hanya satu sahaja yang belum dapat kita penuhi. Sebab itu kita belanjakan dana yang agak banyak, bukan sahaja untuk pendidikan tetapi untuk pencegahan. Terima kasih.

11. Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan tindakan dan pelan strategik yang telah dilaksanakan bagi memastikan hubungan kerjasama dan sinergi antara Universiti dan sektor industri dapat dijalinkan dengan lebih erat ke arah membangunkan modal insan minda kelas pertama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hubungan rapat serta kerjasama di antara universiti dan sektor industri adalah sangat penting bagi meningkatkan kualiti modal insan yang dapat menyumbang kepada produktiviti dan pembangunan negara.

■1120

Selain itu pihak industri juga dapat memberi input yang berguna kepada universiti mengenai kualiti para graduan kita. Pada masa ini hubungan universiti industri tidak hanya tertumpu kepada aktiviti *spins off* dan *start ups* dengan izin serta pengkomersialan harta intelek milik penyelidik IPTA sahaja, malah menjurus kepada beberapa perkara:

- (i) penyediaan penempatan latihan industri pelajar;
- (ii) pembangunan *state of art* kurikulum yang relevan mengikut pasaran semasa;
- (iii) kolaborasi pendidikan;
- (iv) program sangkutan pensyarah penyelidik di industri;
- (v) penyediaan makmal pendidikan; dan
- (vi) penyediaan tenaga pakar untuk menyampaikan maklumat terkini industri bagi peningkatan ilmu di universiti-universiti kita.

Kementerian Pengajian Tinggi telah membangunkan pelan strategik Pengajian Tinggi Negara melangkaui tahun 2020 yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 27 Ogos 2007. Ini mengandungi tujuh teras di mana empat daripadanya memberi tumpuan kepada hubungan antara universiti dengan industri. Antara teras-teras berkenaan adalah;

- (i) menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran;
- (ii) memperteguh penyelidikan dan inovasi;
- (iii) memperkasa institusi pengajian tinggi; dan
- (iv) mempergiat pengantarabangsaan.

Selaras dengan pelan berkenaan, antara langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan untuk meningkatkan hubungan industri adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan jawatan pegawai perhubungan industri di semua IPTA yang berperanan, membimbing, menjalin, menyelaras dan menyelia pelajar serta pensyarah yang berkaitan dengan industri;
- (ii) mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor jalinan industri dan masyarakat di ke empat-empat di universiti penyelidikan iaitu di Universiti Malaya, UKM, USM dan UPM serta di UiTM; dan
- (iii) mengadakan beberapa sesi dialog di antara Kementerian Pengajian Tinggi sendiri bersama universiti dan sektor industri. Sehingga kini tujuh dialog telah diadakan antara kementerian bersama universiti dan pihak industri. Antaranya ialah;
 - (a) Bank Negara melibatkan industri kewangan dan insurans;
 - (b) Multimedia Development Corporation;
 - (c) CIDB;
 - (d) Khazanah Nasional;
 - (e) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
 - (f) Bernama; dan
 - (g) Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT).
- (iv) memantapkan lagi program Latihan industri oleh pelajar IPTA. Untuk maksud tersebut Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2007 sahaja telah mengagihkan sebanyak RM10 juta kepada semua IPTA. Latihan industri yang terlibat ialah latihan dan penempatan industri, latihan praktikal termasuk program pendidikan, latihan pelajar perubatan dan penempatan di firma guaman;
- (v) menggalakkan lagi penempatan pensyarah di industri supaya mereka didedahkan kepada perkembangan teknologi terkini; dan

- (vi) memantapkan kerjasama antara IPTA dan industri dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan supaya lebih banyak produk R&D dapat dikomersialkan.

Kementerian berharap pihak industri termasuk juga GLC dapat terus memberi komitmen bekerjasama dengan pihak universiti dalam pembangunan modal insan yang berkualiti.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Jadi apa yang telah disebut tadi pelan strategi yang telah disediakan oleh KPT itu memang sudah tentulah menjurus kepada mengadakan jaringan yang kukuh antara universiti dengan pihak industri. Jadi walau bagaimanapun, saya hendak bertanya dua soalan kepada pihak kementerian. Pertamanya adakah program-program yang ditawarkan di IPT negara ini menepati kehendak dan keperluan industri dan keduanya apakah usaha Kementerian Pengajian Tinggi dalam menentukan bahawa struktur kurikulum program pengajian bersesuaian dengan kehendak ini terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Kursus-kursus yang ditawarkan di IPTA buat masa ini adalah relevan dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. Walau bagaimanapun ia tetap tertakluk kepada kepantasan perubahan teknologi dan juga dinamikannya ilmu itu sendiri. Oleh itu perkara yang dititikberatkan ialah melalui Jawatankuasa Pendidikan Tinggi atau JKPIPT bertindak sebagai sekretariat yang akan meluluskan dan memantau kursus-kursus yang ditawarkan supaya memenuhi kehendak pasaran pekerjaan dan terus relevan. Semua kursus yang ditawarkan perlu mengambil kira input daripada industri dan swasta yang kita perolehi daripada Lembaga Pengajian yang turut diwakili oleh pihak industri dan swasta serta yang wajib sekali ialah kajian pasaran yang dilakukan sebelum mengemukakan kursus-kursus baru.

Kita juga mengambil berat pelaksanaan elemen etika dan kemanusiaan serta pertindihan program-program yang sama di universiti yang lain. Sekiranya berlaku pertindihan, maka kita akan mendapatkan justifikasi dan kita juga membandingkan dengan program-program akademik di luar negara, menyerapkan unsur-unsur keusahawanan dalam usaha tersebut dan lain-lain. Satu program itu untuk makluman Yang Berhormat akan sentiasa disemak semula secara berterusan bagi memastikan semua kurikulum yang digubal oleh kementerian dan universiti adalah selari dengan keperluan industri semasa. Semua kursus yang ditawarkan akan mengambil input daripada pihak-pihak yang mengeluarkan sijil atau pengiktirafan terutama sekali dalam bidang profesional, terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ringkas sahaja, di antara hambatan untuk mewujudkan kerjasama dan *synergy* di antara universiti dan satu industri, adakah benar isu yang ada pada hari ini adalah pihak industri di Malaysia ini masih lagi di tahap tidak begitu berminat untuk mengomersialkan hasil-hasil penyelidikan daripada pakar-pakar kita di universiti. R&D yang dibuat hasil

penyelidikan ini walaupun memenangi award, memenangi hadiah-hadiah *noble* di peringkat antarabangsa, tetapi pihak industri tidak berminat untuk mengkomersialkan bahan-bahan ini. Adakah benar ini satu hambatan besar di dalam universiti tempatan membina hubungan dan *synergy* di antara kita dengan pihak industri. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Kita terus menjalinkan kerjasama erat dengan industri. Seperti contoh baru-baru ini kita telah pun mengeluarkan produk-produk yang boleh dikomersialkan atau berpotensi dan produk-produk itu sebenarnya telah pun mendapat kerjasama industri. Walaupun hambatan ataupun kekangan yang melibatkan pengeluaran dana yang besar untuk satu tujuan pengkomersialan. Sebagai satu contoh, kita lihat di sini di UTM iaitu Loji Pandu Kejuruteraan Kimia telah pun mengadakan kerjasama dalam negara dan antarabangsa seperti kerjasama dengan Qatar LNG, Emerson Singapura, Saudi Arabia Basic Industry Corporation (SABIC) dan Kuwait Institute of Chemical Research.

Di mana bukan sahaja kita dapat mempunyai dana-dana untuk tujuan pengkomersialan, tetapi berterusan mengadakan kerjasama supaya apa yang kita keluarkan produk-produk penyelidikan dalam universiti kita yang pada hari ini dilihat mempunyai potensi dapat terus kita komersialkan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Satu produk yang telah pun dapat dikomersialkan di peringkat dunia ialah Rapid Test Detection of 'Cymulatify' yang dikeluarkan oleh Profesor Asma dari USM sebagai contoh yang terbaik, terima kasih.

12. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:-

- (a) punca kegagalan peranan JHEOA untuk mempertahankan nasib dan pembangunan kaum asli; dan
- (b) apakah hala tuju dan proses pendekatan peruntukan kewangan dan keberkesanan program di peringkat akar umbi.

Timbalan Menteri Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak pernah gagal dalam memainkan peranannya untuk mempertahankan nasib dan pembangunan masyarakat Orang Asli. Malah kerajaan menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah mencapai banyak kejayaan dalam meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli semenjak tahun 1954. Sehingga akhir Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah memperuntukkan 24,104.03 hektar tanah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat jawab bagi pihak?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, saya jawab bagi pihak kementerian. Tanah untuk dibangunkan dengan tanaman getah dan sawit. Izinkan saya jawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Daripada jumlah keluasan tersebut 14,941.33 hektar telah berjaya mengeluarkan hasil yang menyumbang kepada pendapatan purata RM400 sebulan kepada 6,656 Orang Asli pada tahun 2006, manakala pada tahun 2007 telah meningkat kepada 6,764 Orang Asli. Bagi mereka yang bekerja sebagai buruh ladang, mandur atau pegawai keselamatan ladang pula mendapat pendapatan tambahan di antara RM400 sehingga RM600 sebulan.

■ **1130**

Melalui pelaksanaan program-program tersebut kadar kemiskinan di kalangan Orang Asli telah dapat dikurangkan daripada 21,171 ketua isi rumah atau 80.8% pada awal Rancangan Malaysia Kelapan kepada 13,945 ketua isi rumah atau 50.1% pada permulaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Seramai 7,232 ketua isi rumah telah dapat dikeluarkan daripada belunggu kemiskinan. Usaha ini akan dilaksanakan secara berterusan dan sedang ditingkatkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam aspek pembangunan modal insan, kerajaan telah berjaya meningkatkan tahap pendidikan masyarakat Orang Asli dan ini dapat dilihat dari segi peratusan keciciran pelajar Orang Asli yang memasuki sekolah rendah telah dapat dikurangkan daripada 64% pada tahun 90-an kepada 1.4% pada tahun 2006. Manakala kadar keciciran pelajar Orang Asli di sekolah menengah ialah 70% pada tahun 90-an berbanding pada tahun 2006 hanya 39% sahaja. Sehingga kini seramai lebih 500 graduan Orang Asli yang berjaya menamatkan pelajaran di IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, hala tuju pembangunan kerajaan ialah untuk terus meningkatkan pendapatan, kesejahteraan dan kualiti Orang Asli. Sehubungan itu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tumpuan terus diberikan terhadap pembangunan sosioekonomi, infrastruktur asas dan modal insan masyarakat Orang Asli. Oleh itu peruntukan RM358.1 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan program-program yang menjurus kepada ketiga-tiga tumpuan tersebut. Agihan peruntukan tersebut adalah tertumpu kepada negeri-negeri dan kawasan yang mempunyai jumlah penduduk dan bilangan Orang Asli miskin yang ramai iaitu negeri Pahang, Perak, Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah sudi menjawab dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan RM300 juta lebih untuk pembangunan Orang Asli. Cuma saya minta satu sahaja, bolehkah kerajaan mengalihkan fokus daripada pembangunan infrastruktur, memang perlu tapi banyak juga perlu diberi fokus kepada pembangunan modal insan.

Saya rasa pembangunan infrastruktur telah mendapatkan penekanan yang lebih. Akibat daripada nilai pengisian modal insan ini belum disempurnakan pembentukannya, maka saya rasa Orang Asli tidak dapat menggunakan infrastruktur yang disediakan dengan baik, rosak cepat.

Maka saya mohon bolehkah kementerian memberi fokus yang lebih kepada pembentukan nilai dulu daripada infrastruktur?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Cameron Highlands. Sebagaimana yang saya jelaskan dalam jawapan awal, jelas kelihatan bahawa kerajaan memberi penekanan dari segi pembangunan modal insan yang mana kita lihat dari segi peratusan pelajar-pelajar Orang Asli yang tercicir di sekolah rendah mahupun sekolah menengah telah jauh berkurangan kalau dibandingkan pada tahun 2006 dengan tahun di awal-awal 90-an. Begitu juga dengan bilangan pelajar-pelajar yang telah menamatkan pelajaran mereka di pusat pengajian tinggi awam di IPTA yang telah menunjukkan peningkatan yang begitu memberangsangkan.

Ini jelas menunjukkan strategi kerajaan untuk membantu masyarakat Orang Asli berjaya dan ini dapat kita lihat sebagaimana selain daripada modal insan, infrastruktur di kawasan-kawasan Orang Asli juga ditekankan. Sebagai contoh projek di bawah AAIBE di bawah Kementerian Tenaga yang mana membantu masyarakat-masyarakat di penempatan Orang Asli disediakan sistem solar supaya masyarakat Orang Asli ini tidak tercicir daripada menikmati penggunaan sistem komputer supaya jurang digital antara masyarakat Orang Asli dan orang ramai tidak jauh di masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup. Saya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan Tuan Yang di-Pertua. Pada minggu lepas apabila kita membahaskan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Timbalan Menteri telah berjanji bahawa beliau akan memberi jawapan bertulis kepada soalan saya mengenai projek-projek tebatan banjir di Bukit Mertajam pada minggu ini, tapi sekarang telah sampai hujung minggu dan besok nanti kita akan balik, tapi saya belum menerima lagi. Ini yang pertama.

Yang kedua ialah soalan-soalan yang meminta jawapan bertulis sampai hari ini hanya satu saja saya terima dan ada empat lagi belum terima. Jadi saya memohon supaya mereka diarahkan untuk memberikan jawapan dengan tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya harap Ahli Yang Berhormat dan kementerian menyediakan jawapan bertulis seperti yang dijanjikan dari masa ke masa. Setiausaha.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2008

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dan Anggaran Pembangunan 2008 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Keempat belas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.32 [Jadual]-

Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2008]-

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.32 dan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila Kepong.

11.36 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Di halaman 424, Butiran 010000, Butiran 030000, Butiran 040000 dan Butiran 050000.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak menekankan bahawa pihak kementerian dengan tugasnya ialah untuk melaksanakan tanggungjawab dan program bersepadu, mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian dan memastikan penyelarasan dan keseragaman pengurusan serta pentadbiran Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan Dewan Bandar raya Kuala Lumpur dan juga untuk melaksanakan Pelan Pembangunan Wilayah Persekutuan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Ada kelemahan-kelemahan yang timbul dan saya berharap pihak kementerian dapat memberi jawapan kepada keempat-empat matlamat itu yang saya sampaikan tadi sama ada telah tercapai ataupun tidak.

Yang pertama mengenai Labuan, yang pulau 50 batu persegi ini ada pengiklanan publisiti untuk pelancong, untuk pusat kewangan luar pesisir dan ini memang baik. Saya berharap bilangan pelancong bertambah dan juga pelaburan di luar pesisir akan bertambah banyak. Walau bagaimanapun ada imej mengenai Labuan, sebab Labuan ini kadangkala ini tergolong dalam pulau-pulau seperti Cayman Island ataupun di Bahamas dan sebagainya dan sebagai satu tempat untuk penjenayah "*under world criminal activity*".

Saya berharap pihak kementerian dapat menyasat sama ada ini benar ataupun tidak. *Criminal under world activity* iaitu dunia penjenayahan. Walaupun ada dakwaan, ada reputasi yang buruk ini dan mungkin dengan kerjasama semua pihak dan kajian yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memperbetulkan anggapan mengenai Labuan ini mungkin ia boleh diperbaiki.

Walaupun bagaimanapun saya berharap kementerian juga dapat memberi perhatian kepada dakwaan mengenai dunia penjenayahan ini seperti kapal-kapal yang menggunakan untuk penyeludupan, kapal dengan *flag of convenient* dengan bendera untuk kesenangan, *flag of convenience* dan juga tempat tumpuan penyeludupan.

■1140

Adakah ini semua benar dan adakah berlakunya rampasan kapal, kecurian kargo dan juga pembunuhan anak kapal dan sebagainya? Saya berharap ini bukan satu industri juga bagi Labuan. Tambah pula walaupun dalam publisiti itu dia katakan ini tempat tumpuan pelancong dan juga tempat-tempat yang menarik, batu-batu karang yang baik tetapi saya nampak masalah pencemaran berlaku. Masalah pencemaran mestilah diselesaikan oleh pihak kementerian kerana untuk ketiga-tiga kawasan ini sama ada Putrajaya, Labuan atau Kuala Lumpur, salah satu objektifnya ialah untuk menarik pelancong. dan untuk tempat tumpuan pelancong, ini mengenai Labuan.

Mengenai Putrajaya, Putrajaya pihak kementeriannya hendak jadikan satu kawasan yang bertaraf dunia tetapi dari segi tempat letak kereta di Putrajaya memang kurang. Papan iklan pun tidak begitu tepat, persis dan jitu. Papan iklan di Putrajaya dan keberkesanan penyelenggaraan memang kurang sebab bangunan-bangunan bocor juga walaupun ada kajian, ada Jawatankuasa yang diketuai oleh Ketua Audit Negara untuk menyasat kebocoran bangunan ini sampai sekarang walaupun Yang Berhormat bagi Sungai Siput kata sudah siap kajian itu tetapi kita belum tahu apakah laporan bagi kebocoran bangunan-bangunan di Putrajaya. Dikatakan kita hendak meningkat kepada taraf dunia tetapi kebocoran ini bukan taraf dunia. Saya berharap Yang Berhormat dapat..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, ini yang ketiga mengenai Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, boleh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kuala Lumpur itu banyak. Memang banyak sekali untuk Kuala Lumpur yang pertamanya mengenai Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020. Ini memang satu

perkara yang sangat menyesalkan kita semua. Pelan Struktur Kuala Lumpur ini sudah diwartakan pada 4 November 2004. Sekarang sudah tiga tahun kita tidak nampak lagi, pelan tempatan pun belum siap lagi. Kita pun setakat ini belanja lebih RM99.7 juta tetapi tidak nampak, tiga tahun. Macam mana bertaraf dunia? Saya tidak boleh terimalah macam mana Pelan Struktur Kuala Lumpur tiga tahun tidak boleh siap seolah-olah di Kuala Lumpur ini kita tidak ada pelan langsung.

Tidak ada pelan langsung, Kuala Lumpur tidak ada pelan struktur. Memang satu perkara yang sangatlah tidak baik, tidak boleh terima langsung. Memang tidak boleh terima kerana dia tidak ada pelan struktur pihak Jabatan Perdana Menteri, Unit...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat beralih kepada tajuk yang lainlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang hendak alih. Pihak Jabatan Perdana Menteri yang akan diberikan dengan butiran yang lebih banyak oleh pihak Yang Berhormat bagi Cheras. Jabatan Perdana Menteri mencero bohi kawasan-kawasan hijau dan bangunan-bangunan yang didirikan di kawasan hijau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat cukuplah, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi, banyaklah kerana kita hendak Dewan Banda raya kita dan Kuala Lumpur kita bertaraf dunia. Kalau kita tidak ada pelan maka masalah berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi, dua minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit boleh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mengenai Yang Berhormat bagi Cheras dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Cheras akan bangkit tidak payah Yang Berhormat sebutlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak ulas sudah. Memang menunjukkan Dewan Bandaraya tidak begitu berkesan untuk mengendalikan untuk memulihara kawasan-kawasan hijau kita sehingga dicerobohi. Tuan Pengerusi, masalah penyelenggaraan memang teruk juga di Kuala Lumpur walaupun ada usaha. Misalnya kesemua taman-taman awam termasuk Taman Metropolitan, Kepong, memang penyelenggaraan tidak sempurna termasuklah ada projek Kuala Lumpur International Road Circuit. Kuala Lumpur International Road Circuit bermula daripada Januari tahun ini lagi tetapi sekarang hampir satu tahun Kuala Lumpur International Road Circuit ini tidak nampak *circuit*.

Tidak nampak apa juga. Ada bangunan juga ada cerocok, ada satu, dua bangunan baru hendak nampak tetapi satu perkara *circuit* ini bukan sebesar stadium kita, cuma satu *circuit* yang kecil sahaja. Untuk permainan kereta *remote control* tetapi satu tahun tidak boleh siap, terbengkalai sama sekali. Ini memang kerana tidak ada pelan struktur, ada kalanya masalah

projek terbengkalai. Masalah kekurangan tempat letak kereta memang berlaku di seluruh Kuala Lumpur, masalah aliran trafik, kesesakan walaupun kita mengakui pihak DBKL sudah berikhtiar dengan banyak usaha untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas tetapi belum kita sampai ke tahap kesesakan ini dapat diselesaikan. Ini termasuklah di kawasan Kepong, di Pusat Industri Kepong Barat dan Selatan, Metro Prima, Kepong Baru, Jinjang Utara dan pekan Kepong, memang sesak dan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, masa akan datang Yang Berhormat boleh bawa sekali lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita hendak bersama-sama meningkatkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan kepada tahap dunia. Kalau hendak ke tahap dunia kita mesti ada pelan struktur tetapi tiga tahun pelan struktur tidak boleh siap, itu tidak boleh terima. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cheras.

11.48 pg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi saya minta lebih masa kerana tidak ramai yang berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sama. Saya kena adil kepada semua, lima minit.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi, cita-cita negara Malaysia menjadi sebuah negara maju tidak akan direalisasikan kerana disebabkan oleh kerajaan yang lemah, korup, salah guna kuasa dan menindas rakyatlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu butiran?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Hampir sama juga, Butiran 030000 - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagi Kuala Lumpur, ibu kota kita yang bercita-cita menjadikan bandar raya bertaraf dunia tidak akan direalisasikan bukan sahaja kerana pelan strukturnya tidak dapat diselesaikan dalam tiga tahun. Pelan ini memang susah hendak selesai kerana mengikut pelan struktur pun telah dirampas dan dicerobohi oleh parti-parti komponen Barisan Nasional khususnya UMNO.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, di Kuala Lumpur sekarang dan dalam masa yang pendek yang akan datang, kewujudan bangunan-bangunan yang tidak sah yang tidak dapat kebenaran, perancangan ataupun perintah pembangunan daripada pihak DBKL. Bangunan yang saya sebut tadi yang dirampas oleh parti-parti komponen Barisan Nasional ini.

■ 1150

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana boleh gunakan rampas, macam mana boleh kata rampas Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bilangan mereka akan lebih banyak daripada KFC ataupun 7-Eleven ataupun McDonald dalam bandar raya ini. Ini adalah satu perkara yang sangat serius Tuan Pengerusi kerana baru-baru ini banyaklah tanah-tanah kerajaan baik pun di kawasan hijau ataupun di padang-padang, ataupun di tepi jalan ataupun di sudut jalan, di tepi simpang jalan empat dan sebagainya. Dan ada pun yang dibina di kawasan dalaman, kompaun dalaman rumah pangsa DBKL di mana bangunan-bangunan seperti dalam bentuk rumah atau pejabat bukan dewan orang ramai dibina dengan nama dewan orang ramai digunakan. Dan walaupun bangunan-bangunan ini dibina oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaannya, kesemua bangunan ini dibina tanpa kelulusan DBKL.

DBKL nampaknya tidak boleh buat apa-apa kerana Jabatan Perdana Menteri merupakan jabatan kerajaan yang lebih tinggi atau lebih berpengaruh daripada DBKL dan ini satu perkara yang sangat-sangat mengecewakan kerana tanah kerajaan ataupun tanah rakyat dirampas begitu sahaja. Bukan sahaja baru-baru ini, beberapa tahun yang lalu pun 60 buah bangunan-bangunan yang serupa jenis dibina oleh Jabatan Perdana Menteri dengan *by passing* DBKL. Apakah sikap DBKL terhadap perkara ini, Kementerian Wilayah Persekutuan? Saya setiap hari di Kuala Lumpur ini pihak penguatkuasaan DBKL bersikap tegas terhadap mereka yang menyalahkan undang-undang termasuk setinggan-setinggan ataupun menghalaukan penghuni-penghuni yang tinggal di rumah pangsa ataupun PPRT DBKL.

Di mana ibu bapa mereka sebagai ketua keluarga telah meninggal dunia, tokong-tokong Cina, kuil-kuil India diroboh tanpa diberikan tanah gantian. Kilang-kilang, kedai-kedai juga diroboh tanpa diberikan sebarang pampasan tetapi mengapa UMNO boleh menjadi bersikap maharajalela dan diberikan sebarang layanan istimewa dengan mencabuli undang-undang, melanggar undang-undang. Adakah ini dasar yang diamalkan oleh satu kerajaan yang disanjung oleh Perdana Menteri yang katanya bahawa ia adalah adil dan saksama untuk semua pihak. Ini satu perkara yang serius dan setinggan misalnya, kalau ada rumah setinggan yang kerana rosak bumbungnya, pecah di dindingnya dan pemilik rumahnya memperbaiki cuma sebahagian atap atau dinding kalau tidak mohon keizinan atau kebenaran daripada DBKL saya boleh pasti kumpulan atau pasukan besar pegawai-pegawai, anggota-anggota penguatkuasaan akan datang beramai-ramai untuk ambil tindakan. Mengapa bangunan-bangunan yang dibina secara haram ini boleh diteruskan, dibenarkan tanpa tindakan yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada isu lain untuk bangkitkah?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya harap saya boleh dapat satu jawapan yang memuaskan mengenai perkara ini. Perkara yang kedua saya ingin menegaskan di sini ialah satu perkara yang penting Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi punya tidak pentinglah?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Semua penting, semua penting. Di Kuala Lumpur sekarang ini terdapat sebuah sahaja *crematorium* untuk membakarkan mayat-mayat yang bukan Muslim. Tetapi satu masalah telah berlaku sejak satu tahun yang lalu di mana krematorium yang diuruskan oleh DBKL terletak di Jalan Kuari di Kampung Cheras Baru ini tidak mampu membakar bilangan mayat-mayat yang dihantar ke krematorium. Ini berlaku kerana saya mendapati dalam krematorium ini cuma dua *cremator* atau mesin membakar mayat yang dapat beroperasi, empat lagi telah rosak. Daripada empat itu dua telah rosak lebih setahun lalu dan dua lagi yang rosak lebih tiga bulan lalu.

Dan nampaknya tidak ada usaha serius diambil untuk memastikan mesin-mesin membakar mayat ini, *cremator* ini diperbaiki seberapa segera dan ini menyebabkan untuk makluman Tuan Pengerusi banyak keluarga-keluarga si mati ataupun mendiang mereka, upacara pengebumian si mati itu terpaksa ditangguhkan sehari dua, ini satu masalah yang besar. Bukan sahaja menelan kos perbelanjaan lebih tinggi oleh keluarga-keluarga si mati tetapi kalau ikut adat bukan Muslim ini pun satu masalah yang besar. Kalau ikut kalendar kalau seseorang beliau meninggal dunia dan dia harus dikebumikan pada hari yang ditetapkan, tarikh itu tidak boleh diubah. Ini satu perkara yang cukup serius tetapi masalah sudah dilengah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ... dilengah-lengahkan. Dan saya difahamkan apakah benar kerana bayaran kepada kontraktor-kontraktor yang membaiki *cremator* itu ditangguhkan atau dilewat-lewatkan oleh pentadbiran DBKL yang menyebabkan kerja-kerja pembaikan itu tidak dapat disiapkan sekadar segera. Saya diberitahu pada hari kelmarin, semalam sahaja lima mayat ditolak untuk dibakar, ini satu masalah yang paling serius. Tuan Pengerusi, di manakah mayat itu harus dibakarkan kalau krematorium ini kalau satu mesin lagi rosak lagi, tinggal satu ataupun tidak pun satu mesin beroperasi apa akan terjadi. Ini satu perkara yang besar dan saya ingin ...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukuplah.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Yang Berhormat Cheras biasa dikenali sebagai seorang wakil rakyat yang berani melakukan sesuatu misalnya meletakkan sampah sarap di pejabat DBKL. Dalam kes ini apakah Yang Berhormat Cheras tidak fikir menasihati waris-waris yang membawa mayat-mayat itu ke pejabat DBKL...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat macam mana bagi idea kawan buat sesuatu yang tidak munasabah.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Untuk membuktikan sesuatu yang amat serius perlu dilakukan untuk menangani masalah ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Setuju, setuju, setuju.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Jika ada permintaan begitu saya akan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat itu satu nasihat yang tidak munasabah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Ketawa]* Saya akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya jika ada permintaan yang begitu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi saya ada cadangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah lebih masa tahu.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bukan masalah ini sangat serius sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit satu minit lagi.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bilangan penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini semakin bertambah *crematorium* cuma satu. Mesin rosak tidak dapat diperbaiki.

■1200

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara itu telah pun disampaikanlah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Apakah sikap DBKL terhadap perkara ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya ingin mencadangkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah dapat tahu.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Apakah penyelesaian untuk jangka masa panjang? Macam mana mesin ini dapat diperbaiki seberapa segera? Macam mana masalah ini dapat diatasi? Ini penting sekali. Saya tidak mahu kata siapa yang mengalami masalah ini, *either you or me or somebody else*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini susah hendak dijawab, tetapi kalau masalah ini sampai kepada seseorang atau keluarga mendiang, ini sesuatu perkara yang sangat besar. Apakah rancangan baru untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi yang diterangkan memang senang difahami. Saya faham, saya fikir menteri pun faham, boleh dijawab nanti. Cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Masalah ini sudah wujud dan menjadi semakin serius tetapi pihak di situ langsung tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sudah dimaklumkan lebih setahun dulu, masalah tidak dapat diselesaikan, tetapi menjadi lebih serius. Tuan Yang di-Pertua lagi mahu memihak mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Berilah sedikit masa kepada saya untuk memastikan mereka bekerja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya yakin semua faham apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Kalau faham sahaja tetapi tidak bertindak pun tidak berguna. Maka saya sekarang ini ingin mengajarkan mereka apa yang hendak dibuat. Maka saya bercadang krematorium ini bukan sahaja diperbesarkan tetapi krematorium baru harus dirancang dan dibina di beberapa kawasan lagi dalam bandar raya Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya juga minta supaya kemudahan-kemudahan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...*cremators* ini ditambahkan di *Crematorium* Kampung Cheras Baru dan saya difahamkan sudah ada satu tender dipanggil, tetapi apakah perkembangannya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah tahu tindakan yang akan diambil. Okey, cukup.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Kedua-dua luar daripada Wilayah Persekutuan juga hendak ambil bahagian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, tiga minit. Yang Berhormat bagi Ledang.

12.02 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran Bekalan 030000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, ironinya, Tuan Pengerusi ataupun anehnya. Ironi ini dipinjam dari sumber kemandulan minda yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Gerik. *[Ketawa]*

Peruntukan RM9.7 juta untuk DBKL, Tuan Pengerusi. Jadi saya berasa ironi atau aneh sebab yang saya tahu Dewan Bandaraya adalah sebuah PBT tetapi kenapa ada peruntukan daripada kementerian, tajuk bekalan. Sepatutnya peruntukan ini datang daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah status DBKL, adakah sebagai PBT atau sebagai jabatan? Sebab tidak ada ahli majlis seperti PBT yang lain tetapi diuar-uarkan sebab sebuah PBT. Datuk Bandarnya sangat *power*. Tidak perlu

kelulusan peruntukan di peringkat Jawatankuasa, di peringkat Majlis tidak ada. Jadi saya mohon jawapan, mungkin adalah perubahan pada masa akan datang.

Kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya juga apakah rancangan kementerian di dalam terutamanya DBKL di dalam mewujudkan sebuah bandar raya sebagai tanggungjawab bersama di kalangan masyarakat. Maksudnya masyarakat semua terlibat dalam semua aspek kebersihan dan lain-lain. Bukanlah seperti yang membuat demonstrasi baru-baru ini. Mereka yang membuat demonstrasi, merosakkan harta benda, saya fikir mereka tidak berasa tanggungjawab bersama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bawah mana butiran?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Butiran ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur - 030000. Sebab ada peruntukan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan kepada Bandaraya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, masa cukup.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Satu minit lagi. Mesti diwujudkan satu semangat kerjasama. Tuan Pengerusi, saya pernah tinggal di London, ada demonstrasi beratur, berdua-dua atau bertiga-tiga, teratur. Di sini dalam bentuk *mass*. Jadi saya cadang, saya setuju selepas ini jangan luluskan lagi permit. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup, cukup. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

12.04 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tiga minit ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Insyaa-Allah Sabak Bernam tidak akan degil seperti DAP, Cheras sebab dia termasuk golongan yang waras. Sabak Bernam masih hendak khusus kepada 030000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan ingin merakam tahniah kepada kerajaan kerana sehingga beberapa bulan dalam tahun ini tidak ada mengalami banjir kilat yang dahsyat. Jadi oleh kerana itu Sabak Bernam ingin bertanya kepada kerajaan terhadap rancangan untuk menjadikan kawasan-kawasan lapang seperti padang sebagai tempat untuk membantu mencegah banjir ketika tengkujuh kerana kita difahamkan SMART Tunnel itu, dengan izin, masih tidak mencukupi pada masa tertentu.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Perkara yang keduanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sila Bagan, sedikit sahaja.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya merujuk kepada Butiran 030000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur diperuntukkan untuk tahun depan iaitu 2008, sifar, kosong. Jadi tidak ada duit macam mana mahu membuat projek tebatan banjir.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanya siapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tanya kepada Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya ingat Bagan tanya Sabak Bernam. Jadi Sabak Bernam menyarankanlah supaya kerajaan memperuntukkan satu peruntukan khas untuk tujuan itu kerana kebajikannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Perkara yang kedua, Sabak Bernam ingin menyebut tentang bandar raya juga, tentang pembangunan Kampung Baru. Jadi Sabak Bernam ada mendengar saranan ataupun cadangan untuk kawasan itu dibangunkan oleh pemaju-pemaju daripada korporat-korporat besar. Jadi perkara ini telah menimbulkan keresahan di kalangan rakyat, khususnya penduduk di Kampung Baru yang terkenal dengan nasi lemak antarabangsanya. Jadi, bilakah perkara ini hendak dimanifestasikan?

Yang akhir sekali mengenai bandar raya juga. Oleh kerana ini bandar raya kita, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya pihak Dewan Bandaraya yang telah mengambil tindakan terhadap pusat-pusat yang menjadi pusat masalah gejala sosial negatif supaya segera dibersihkan secara berterusan. Terima kasih. Sabak Bernam menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

12.07 tgh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangkit satu sahaja, 030000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bandar raya bandar bersih, *clean*, aman, teratur. Itulah Hadhari. [Ketawa] Perspektif Islam Hadhari ialah bandar bersih kalau bandar raya, teratur, aman dan tidak ada penjenayah, tidak ada HIV AIDS, tidak ada khalwat. Tuan Pengerusi tahu khalwat? Khalwat itu bahasa Arab. Bahasa kita bersekedudukan luar nikah.

Jadi saya minta apakah pihak Dewan Bandaraya telah mengambil tindakan? Dahulu HIV AIDS, saya bilang tidak banyak. Saya pernah jadi Pengarah Jabatan Agama, Tuan Pengerusi, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini kesihatan ataupun DBKL?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak, ini bandar raya. Saya tengok HIV AIDS ada 500 termasuk penagih dalam bandar raya. Saya minta lorong-lorong bandar raya bersih daripada HIV AIDS. Cuba ambil satu langkah yang positif. Bawa ke satu tempat untuk dipulihkan. Kalau tidak dapat pulih, biar dia mati pun kita tolong selesaikan dengan

cara baik. PENGASIH ada beri jaminan. Ia sanggup untuk memulihkan HIV AIDS. Kalau tidak dapat pulih, ia boleh selesaikan, tolong dia supaya jangan ada dalam bandar, tidak bersih.

Yang kedua, sarang-sarang maksiat seperti saya kata tadi, khalwat. Saya minta Lorong Haji Taib, Lorong Haji Hussein, selamatkanlah lorong-lorong ini. Haji Hussein dan Haji Taib sudah mati. Tolonglah selamatkan dia. Tidak mahu tukar nama. *[Ketawa]* Nama itu sudah terkenal.

Saya minta Dewan Bandaraya buatlah serbuan kerjasama dengan Rukun Tetangga, kerjasama dengan jabatan agama, kerjasama dengan apa sahaja yang ada. Kita buat serbuan, minta bersihkan. Tidak kiralah, maknanya yang ada dalam bandar ini, kita minta bersihkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang akhir sekali ialah saya tengok kedai-kedai masih kotor...Tuan Pengerusi, saya pernah juga minum di warung-warung di Chow Kit tetapi nampaknya kebersihan masih boleh diperbaiki. Naikkan taraf. Kalau bangunan itu tidak sesuai kita buat 'comeh' kerana pelancong datang begitu ramai. Dia suka datang ke Kuala Lumpur. Arak, Tuan Pengerusi...arak sahaja 5,000 satu musim. 'Cepak' sahaja di Kuala Lumpur kerana dia minat di Malaysia ini .kerana Kerajaan Barisan Nasional cukup baik memerintah. Boleh beri keselesaan, keamanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik...cukup

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya rasa, saya puji bandar raya. memanglah negara selesaikan perkara ini rumit. Tetapi dalam keadaan rumit, Timbalan Menteri boleh kerana dia ada idea. Dia ada kepakaran. Terima kasih.

■1210

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri boleh jawab selepas Seputeh.

12.10 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada sepuluh perkara untuk dibangkitkan. Perkara pertama ialah diskaun kepada pembeli rumah bumiputera di Lembah Kelang dan Kuala Lumpur. Saya menerima aduan daripada pemaju perumahan yang menghadiri mesyuarat di DBKL pada 31 Julai tahun ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah itu perkara dasar?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya merujuk kepada Butiran 030000 - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya teruskan. Kesemua pemaju telah pun mengikut peraturan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan menyiarkan iklan yang menonjolkan unit yang dijual kepada bumiputera di muka surat yang nyata di surat khabar. Kempen menggalakkan bumiputera untuk membeli rumah-rumah pemaju perumahan di Kuala Lumpur memanglah tidak murah. Selain daripada menyiarkan iklan di akhbar aliran utama, mereka juga perlu membayar sewa ruang di kompleks membeli belah yang kos sewa hampir RM20 ribu. Pemaju ini selalu

diminta untuk mengulangi kempen mereka apabila mereka gagal menjual unit bumiputera tersebut.

Pemaju-pemaju perumahan berpendapat sebab mereka gagal menarik bumiputera untuk membeli rumah mereka adalah kerana lokasi perumahan mereka terletak di kawasan bandar yang mempunyai penduduk bukan bumiputera kelas menengah yang padat seperti di kawasan Salak Selatan, Sungai Besi, OUG dan sebagainya di kawasan Parlimen Seputeh. Yang mana terdapat pasar yang menjual daging babi dan sekolah Cina. Jadi walaupun pemaju perumahan berkenan memberi diskaun sebanyak 20 peratus kepada kaum bumiputera, mereka masih tidak akan membeli rumah di tempat-tempat ini, kerana tempat berkenaan memang jauh dan asing daripada tempat kediaman asal mereka. Selalunya pihak DBKL enggan menerima penjelasan dan alasan mereka dan menghendaki mereka mengulangi kempen menjual rumah kepada kaum bumiputera.

Tuan Pengerusi bayangkanlah sekiranya syarat ini dikenakan ke atas pemaju perumahan kecil yang jumlah dibina di sebuah tempat ialah 40 unit. Peruntukannya kepada bumiputera ialah 12 unit. Selalunya apabila pemaju telah cuba sedaya upaya untuk mengikut peraturan DBKL untuk mempromosi unit bumiputera, DBKL masih enggan melepaskan unit bumiputera projek perumahan mereka untuk dijual kepada pembeli bukan bumiputera. Jadi dalam mesyuarat pada 31 Julai di DBKL tahun ini, para pemaju amat tidak berpuas hati atas keputusan baru DBKL yang menghendaki mereka memberi bayaran diskaun 7% yang sepatutnya diberi kepada pembeli rumah bumiputera itu kepada DBKL. Ini bermaksud dalam satu projek perumahan kecil yang mengandungi 12 unit bumiputera...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dengan cara Yang Berhormat mengemukakan hujah, saya yakin setengah jam pun tidak cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, bukan bagi saya lima minit nanti saya akan habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit? Baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Biar saya teruskan. Mengandungi 12 unit bumiputera yang tidak dapat dijual, pemaju dipaksa untuk membayar RM29,400 bagi setiap unit kepada DBKL. Jadi bagi 12 unit bumiputera yang tidak dapat dijual, pemaju perumahan kecil tersebut terpaksa membayar sebanyak RM352,800 kepada DBKL.

Pengumuman ini mendatangkan bantahan keras daripada semua pemaju perumahan yang menghadiri mesyuarat tersebut. Para pemaju ini bertanya tentang rasional DBKL menghendaki mereka memberi diskaun kepada bumiputera yang mampu membeli rumah dengan harga RM420 ribu. Bukankah ini satu penyelewengan dasar ekonomi baru? Apakah rasional kepada pemaju dan kaum lain untuk membuat bayaran yang lebih tinggi ke atas kos pelaksanaan dasar kepunyaan rumah bagi bumiputera. Memanglah tidak adil dan rasional bagi DBKL untuk

menghendaki pemaju untuk menanggung kos periklanan dan kempen yang tinggi untuk menganjurkan *road show* untuk memujuk kaum Melayu untuk membeli rumah.

Isu kedua ialah, bazar ria yang dibina oleh Komuniti Bestari di Seri Petaling. Saya ingin tanya apa yang telah berlaku tentang bazar ria yang dibina di tanah hijau di Bandar Baru Seri Petaling. Kenapakah pihak penganjur iaitu Komuniti Bestari dibiarkan untuk terus membina bazar ria tersebut, walaupun ia tidak mendapat kelulusan daripada DBKL seperti apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan kepada saya di dalam sidang Dewan Rakyat di bulan Julai tahun ini.

Saya berpendapat DBKL telah mengambil pendirian "*berat sebelah*" dan "*tutup sebelah mata*" dalam kes ini. DBKL telah gagal mengambil tindakan untuk menghentikan projek ini walaupun ia mendatangkan bantahan yang kuat daripada persatuan penduduk dan juga parti politik sama ada di Barisan Nasional dan Pembangkang. Cara DBKL menangani isu ini adalah amat berbeza dengan cara DBKL menangani pusat penjaja yang tidak mendapat kebenaran seperti di Jalan Awan Besar di OUG, di kawasan saya, di mana tanah simen yang telah di tar itu kemudian di korek semula oleh pihak Direktorat Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, tetapi DBKL tidak mengambil apa-apa tindakan atas kes ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Pagi ini ada berlaku perkara yang sama terhadap penjaja di Jalan Alor. Penguat kuasa DBKL mengambil tindakan yang tidak patut dilakukan terhadap penjaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat adakah itu berkaitan? Sebab masa tidak cukup.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ya tentang penjaja. Tindakan menyita atau merompak harta, meja, gerai-gerai di Jalan Alor. Jalan Alor salah satu tempat yang menarik pelancong kursusnya pada waktu malam. Perkara ini berlaku walaupun tidak memberi amaran terhadap penjaja-penjaja yang berniaga di situ. Satu tindakan dan sitaan tanpa memberi apa-apa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan yang dikemukakan untuk Seputeh?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Adakah Yang Berhormat setuju bahawa DBKL haruslah prihatin kepada penjaja yang menyumbang khususnya pembangunan pelancongan di kawasan itu. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab, merosakkan imej negara khususnya di Bukit Bintang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan masa untuk berucap.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya minta, adakah Yang Berhormat setuju satu tindakan diambil terhadap pegawai yang tidak bertanggungjawab, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh boleh gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi saya mencadangkan supaya KeKKWa untuk mengadakan Kempen Sopan Santun, *Courtesy Campaign* kepada pegawai Direktorat DBKL. Sebenarnya Tuan Pengerusi saya juga menerima aduan bahawa stor simpanan barangan direktorat, barang yang disita dan disimpan di situ selalunya hilang, khususnya barang-barang yang mahal seperti projektor dan skrin projektor. Saya juga terima aduan selain daripada bersikap kasar, pihak direktorat menyebabkan benda-benda itu hilang. Jadi siapa perlu bertanggungjawab?

Jadi Tuan Pengerusi saya ingin meneruskan isu tadi ialah saya ingin cadangkan supaya bazar ria di Seri Petaling yang telah ditar dengan cantik oleh DBKL boleh digunakan oleh penduduk dan peniaga di sana untuk meletakkan kereta dan jangan dirosakkan. Isu ketiga ialah papan tanda projek baru hendaklah jelas dilihat oleh orang ramai...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya akan gulung. Tuan Pengerusi, saya mencadangkan sebelum DBKL menjalankan apa-apa projek di sesuatu tempat seperti pengutipan wang letak kereta ataupun projek pembangunan baru, ia harus mendapat persetujuan daripada persatuan penduduk ataupun penduduk di persekitaran. Di sini saya ingin membangkitkan ketidakpuasan hati penduduk di Shanghai Garden di Jalan Kelang Lama di mana satu projek kondominium 30 tingkat yang akan dibina di sebelah Shanghai Garden. Walaupun papan tanda yang memberi tahu orang ramai tentang projek itu telah pun ditegakkan tetapi ia ditegakkan di tempat yang amat sukar dilihat dan diperhatikan oleh orang ramai. Saya berharap Jabatan Perancangan DBKL boleh mengenakan syarat yang jelas dan ketat ke atas papan tanda pemberitahuan projek seperti ini.

Isu keempat, Bahagian Penilaian Hartanah atau *Commercial of Building* di DBKL saya rasa amat kekurangan kakitangan kerana di Kuala Lumpur ada begitu banyak rumah pangsa, pangsapuri yang mempunyai masalah yang mana perlu campur tangan daripada Bahagian Penilaian Hartanah, *Commercial of Building*. Saya telah cuba membuat *appointment* dengan bahagian itu dan sudah tiga, empat bulan berlalu saya masih tidak dapat berjumpa dengan pegawai kanan yang terlibat.

■1220

Saya rasa sangat susah hati kerana saya menghadapi desakan daripada penduduk yang menghadapi masalah. Jadi saya berharap yang bahagian ini ditambahkan kakitangan dan lebih efisien.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tak perlu baca, cakap sahaja lagi cepat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, okey. Mengenai isu kelima ialah saya cadangkan DBKL menetapkan tempat beribadat bukan Islam di projek perumahan baru. Di banyak projek perumahan baru ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, masuk kepada perkara lain.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: .. hanya masjid ditetapkan tetapi bukan tempat beribadat bukan Islam. Jadi sekarang apa yang berlaku ialah mereka menjadikan rumah teres ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Rumah teres dijadikan sebagai tokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat janji lima minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, ini memang satu perkara yang amat serius kerana saya selalu terhimpit dalam kes seperti ini. Saya perlu tolong orang tokong ke atau tolong penduduk di sana. Kalau saya berpihak kepada tokong, saya akan dikritik oleh penduduk di sesuatu kawasan tetapi kalau saya berpihak kepada penduduk, saya akan disifatkan sebagai saya membantah sesuatu agama. Jadi saya rasa kalau DBKL tidak mengambil perkara ini dengan serius, kita akan menghadapi banyak masalah darip segi ini. Isu keenam, tanah runtuh berlaku pada April tahun 2000 di Jalan Gempita 7, di Taman Salak Selatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tak payah baca, keluarkan perkara masalah dan minta tindakan, cukup. Tak payah baca.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang telah menjejaskan tiga rumah teres.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tiga rumah teres ini Tuan Pengerusi, ini mungkin kali terakhir saya dapat berucap tentang masalah DBKL sebelum pilihan raya akan datang. Jadi saya rasa kesemua ini adalah isu penting bagi rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan terakhirlah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, kami adalah wakil rakyat dari Wilayah Persekutuan dan saya mohon bagi kami sedikit ruang untuk membangkitkan isu-isu yang terlibat di kawasan Parlimen kami.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dengar dulu. Yang Berhormat tadi sendiri meminta supaya saya membenarkan Yang Berhormat berucap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya tapi Tuan Pengerusi, *you* selalu ganggu-ganggu, saya terpaksa jawab-jawab, saya tidak dapat membentangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat tidak mahu ikut teguran, saya rasa ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya mahu teruskan, saya rasa adalah sangat tidak adil bagi Tuan Pengerusi untuk selalu menetapkan masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup-cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagaimana kita dapat mengutarakan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup-cukup. Yang Berhormat janji lima minit, saya sudah kasi peluang. Itu sebab saya minta supaya Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sayaakan duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mahu duduk?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya akan duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, keluar, cukup! Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak adil, selalu sahaja mengganggu saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mengganggu saya ketika saya menyampaikan ucapan. Cara Tuan Pengerusi ini tidak menjaga kehormatan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila keluar!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan-jangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat okey dengar, semua duduk, saya cakap. Saya terangkan terakhir. Tadi Yang Berhormat minta supaya saya benarkan beliau berucap lima minit. Yang Berhormat mula berucap pada 12 ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini isu rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, saya bersetuju. Dan saya cadangkan supaya Yang Berhormat tidak perlu masuk kepada *detail*, soalan keluar, minta tindakan kerajaan, tidak payah baca melalui itu *laptop*. Jadi saya sudah nasihat, cukup Yang Berhormat, Timbalan Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Biar saya teruskan dengan beberapa isu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak perlu. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya rasa ini adalah isu tentang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup-cukup. Timbalan Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

12.23 tgh.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh sudah tidak menghormati Tuan Pengerusi, jadi cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara][Dewan riuh]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Dewan riuh]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagilah peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup-cukup, tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri telah kata tidak menghormati Tuan Pengerusi, jadi apa perlu saya untuk membenarkan Yang Berhormat sambung ucapan. Timbalan Menteri.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa membahaskan Bajet 2008 pada peringkat Jawatankuasa ini. Didapati beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta duduk. Kalau Yang Berhormat tak menghormati saya, keluar, keluar tak payah nak tegur lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi yang tidak hormat saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup-cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya akan berusaha untuk memperjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan itu sepanjang tempoh perbahasan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Mertajam sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tolonglah jangan macam ini, tidak baik untuk Dewan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang yang mana ingin mengetahui berkaitan dengan kedudukan terkini, berkaitan dengan Projek Plaza Rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Plaza Rakyat Sdn. Bhd. projek ini terhenti disebabkan krisis kewangan tahun 1997. Sehingga kini projek ini siap setakat 37% sahaja dengan kos lebih kurang RM500 juta ataupun setengah bilion. Pada 1 Jun 2007, pihak DBKL telah mengeluarkan notis kepada pemaju untuk memperbaiki kemungkiran bagi tujuan penamatan perjanjian berkaitan dengan pembangunan projek ini.

Walau bagaimanapun pemaju telah merayu untuk meneruskan projek tersebut atas alasan mereka telah mengeluarkan belanja yang begitu besar setakat ini; di samping memohon supaya konsep pembangunan ditukar iaitu daripada konsep dengan izin *build, lease and transfer* kepada konsep *out right sale*. Atas konsep ini, ia lebih fleksibel di mana penjualan lot-lot komersial dapat dibuat dengan begitu mudah dan seterusnya dapat menyiapkan projek berkaitan. Buat masa ini perkara ini masih dalam perbincangan di antara pemaju dengan pihak DBKL. Sehubungan dengan kedudukan pembeli bagi projek ini, semasa dalam perundingan dengan pemaju, DBKL sentiasa mengambil perhatian agar kepentingan pembeli tidak akan

terjejas. Tuan Pengerusi, sehubungan dengan isu penjualan projek rumah rakyat ataupun PPR
...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang pembeli unit-unit di Plaza Rakyat, mereka telah menghadapi, mengalami kerugian yang banyak. Oleh sebab sebahagian wang telah dibayar kepada pemaju dan juga bank akan menuntut bunga daripada mereka setiap bulan.

Adakah kerajaan pertimbangkan bahawa akan memberi pampasan kepada mereka, oleh sebab projek ini adalah usaha sama dengan DBKL dengan pemaju swasta. Salah satu mereka berkongsi dan harus memikul tanggungjawab dan memastikan bahawa projek ini akan disiapkan dan memberi pampasan kepada mereka yang menghadapi dan mengalami kerugian yang banyak ini. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan kerugian yang ditanggung oleh pembeli, memang tidak dinafikanlah bahawa oleh sebab terbantutnya projek ini dilaksanakan bahawa kerugiannya berlaku. Apa yang kita perlu mengetahui bahawa di antara pembeli dengan pemaju, ia ada menyempurnakan surat perjanjian jual beli. Jadi *the law will take its on cost* dengan izin so dalam aspek ganti rugi sudah tentu tidak akan dibuat oleh pihak DBKL. *So what ever it is in the contract, the law will take its on cost* dengan izin.

Seterusnya Tuan Pengerusi, sehubungan dengan isu penjualan projek rumah rakyat yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Saya ingin memaklumkan bahawa buat masa ini Kementerian Wilayah Persekutuan sedang membuat perincian tentang dasar penjualan rumah PPR ini. Antara perkara-perkara yang diambil kira dalam rangka dasar penjualan rumah PPR ini oleh Kementerian Wilayah Persekutuan ialah fakta-fakta antara lain ialah berkaitan dengan kelayakan pembeli.

■1230

Perkara ini akan diumumkan kepada orang ramai sebaik sahaja pihak kerajaan meluluskan dasar yang telah disediakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Bagaimanapun buat masa ini perkara yang telah diluluskan oleh kerajaan ialah berkaitan dengan harga seunit rumah yang akan dijual kepada pembeli ialah sebanyak RM35,000 bagi seunit rumah yang akan dijual.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Jumlah unit yang boleh ataupun yang akan dijual yang diluluskan oleh kerajaan adalah sebanyak 15,007 unit iaitu sebanyak 52 blok.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan dasar kelayakan untuk menjual unit-unit PPR kepada pembeli. Adakah Yang Berhormat mengambil kira bahawa

penyewa-penyewa yang PPR ini akan diutamakan bahawa mereka boleh memohon dengan lebih mudah. Oleh kerana mereka duduk di sana pun telah beberapa tahun di PPR ini, adakah ini satu dasar yang merangkumi bahawa penyewa yang diutamakan. Minta penjelasan dari Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Masalah dengan syarat yang ditetapkan oleh kerajaan, buat masa ini syaratnya belum diputuskan oleh kerajaan tetapi apa yang dicadangkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dalam perincian dasar ini, di mana semua penghuni PPR layak memohon bagi pembelian rumah PPR ini tertakluk kepada beberapa syarat yang lain, yang mana saya akan baca. Namun penghuni yang tidak termasuk daripada kategori berikut:

- (i) penghuni telah berpindah ke luar dan tidak menduduki mana-mana rumah PPR; dan
- (ii) penghuni yang dipindahkan secara sementara ke rumah PPR sebelum dipindahkan secara tetap ke mana-mana projek penswastan yang telah ditentukan.

Syarat kepada penghuni selain daripada apa yang saya nyatakan tadi dua syarat yang terkeluar iaitu;

- (i) mereka mestilah warganegara Malaysia;
- (ii) berumur 18 tahun ke atas;
- (iii) berkahwin;
- (iv) memenuhi syarat;
- (v) pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,500;
- (vi) belum mempunyai rumah sendiri;
- (vii) seorang pemohon atau penyewa hanya layak membeli satu unit rumah dan hanya sekali, di mana ia sedang tinggal semasa permohonan dibuka;
- (viii) mampu membeli;
- (ix) layak mendapat pinjaman daripada institusi kewangan;
- (x) telah menjelaskan semua sewa ataupun lain-lain caj yang dikenakan ke atasnya; dan
- (xi) golongan setinggian yang terlibat dengan program penempatan semula akan diberi keutamaan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tanya daripada jumlah yang disebut tadi 15,007 unit PPR akan ditawarkan untuk dijual. Bilangan ini sebenarnya merupakan cuma 42% daripada jumlah PPR yang dibina di Kuala Lumpur. Apakah sebabnya bukan kesemuanya dijual, adakah mereka dikategorikan sebagai

unit-unit yang terletak di pinggir bandar atau di pusat bandar? Adakah cuma di pinggir bandar yang dijual tetapi PPR di pusat bandar tidak akan dijual? Apakah sebabnya perbezaan ini?

Bolehkah kerajaan menimbang semula kerana mereka yang tinggal di PPR pusat bandar juga adalah merupakan bekas setinggan yang dipindahkan ke PPR dan mereka berpendapatan ramai dan memerlukan unit mereka untuk didiami?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan unit-unit yang dijual ianya tidak hanya tertumpu di kawasan pinggir bandar, malahan tempat-tempat ini menyeluruh termasuk dalam kawasan-kawasan strategik jugalah. Dari segi perinciannya nanti apabila dasar diluluskan oleh pihak kerajaan kita akan bagi. Jadi dakwaan hanya blok-blok di pinggir bandar tidak betul.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah membangkitkan banyak kali tentang setinggan, projek terbengkalai KL Linear City. Saya juga dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri juga Setiausaha Parlimen bahawa bila DBKL mula menjual unit PPR kepada rakyat, jadi setinggan KL Linear City ini akan diberi keutamaan.

Jadi saya sekarang telah memanggil mereka untuk menjalankan satu pendaftaran baru supaya dihantar kepada DBKL. Jadi mereka banyak tanya saya, bilakah rumah akan dijual kepada mereka. Ini kerana setakat sekarang ada yang duduk di rumah PPR mereka menghadapi banyak gangguan yang berlainan khususnya di Kampung Muhibah. Boleh saya dapat satu jaminan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya rumah ini akan dijual kepada mereka mungkin mulai tahun depan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti mana yang saya nyatakan tadi pada peringkat awal bahawa proses penjualan dia punya mekanismenya yang saya nyatakan pada segi dasar masih lagi belum diluluskan oleh kerajaan. Jadi berkaitan dengan KL Linear City, penduduk mereka bolehlah hantar dan kita akan melihat sebagaimana syarat yang telah dinyatakan tadi. Daripada segi dasarnya belum diputuskan oleh kerajaan, hanya kerajaan telah memutuskan berkaitan dengan harga rumah itu dan juga tempat kawasannya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya *priority* diberi kepada mereka kerana semua mereka sudah mendapat surat jaminan daripada DBKL pada beberapa tahun yang lepas, bahawa mereka tentu dapat beli rumah daripada kerajaan. Namun kerana masalah dengan EPU yang janji ini tidak dilaksanakan.

Jadi saya harap mereka diberi keutamaan bila kerajaan mula menjual rumah kos rendah kepada rakyat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Surat yang diperolehi oleh KL Linear City...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: KL Linear City.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Pemilik-pemilik KL Linear City, adakah berkaitan dengan menduduki rumah PPR ataupun membeli rumah PPR. Ini kerana pada masa itu belum ada dasar kerajaan untuk menjual.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mungkin saya beri sedikit latar belakang. Projek KL Linear City terbengkalai pada tahun 1997, yang terjejas itu hampir 200 keluarga yang mana mereka sudah ada sains kontrak dengan KL Linear City. KL Linear City akan membina rumah dekat Stadium Bukit Jalil dan dijual kepada mereka, tetapi lepas itu projek KL Linear City terbengkalai dan rumah dijanjikan pun tiada. Namun mereka sudah pun berpindah dari tapak asal mereka.

Selepas banyak kali saya bangkitkan isu ini, DBKL pernah mengeluarkan satu surat jaminan kepada mereka bahawa kerajaan akan menjual rumah kepada mereka dengan harga RM42,000.

Saya rasa adalah satu masalah dengan EPU mereka tidak dapat mencari tapak yang sesuai untuk membina rumah dan menjual kepada mereka. Selepas itu jawapan yang saya terima di Dewan Rakyat ini ialah bila kerajaan mula jual rumah kepada PPR kepada rakyat mereka akan diberi pertimbangan dulu. Jadi saya hanya minta kalau boleh, bolehkah kalau mereka diberikan keutamaan mulai tahun depan?

■1240

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan itu, saya rasa pihak saya akan memeriksa dahulu dan akan saya menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Seputeh.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Bintang juga menimbulkan isu berkaitan dengan dasar DBKL di mana penyewaan premis DBKL tidak boleh diteruskan oleh waris penyewa setelah kematian penyewa. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, memang benar dasar penyewaan premis DBKL tidak boleh diturunkan kepada waris. Bagaimanapun pada amalannya atas budi bicara DBKL ianya boleh buat kepada isteri jika penyewa adalah seorang suami atau sebaliknya. Bagi anak-anak penyewa tidak ada kemudahan diberi.

Berkaitan isu kegunaan peruntukan sebanyak RM250 juta oleh DBKL yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang, saya juga ingin memaklumkan bahawa peruntukan ini adalah berkaitan dengan pelaksanaan 29 projek pembinaan jalan dan jambatan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ianya melibatkan jumlah 19 jumlah projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Kelapan dan 10 projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Butiran projek ini panjang. Jadi kalau Yang Berhormat hendak kita akan beri secara bertulislah.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong. Isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong ialah Labuan sebagai pusat aktiviti penjenayah (*underworld criminal* ataupun *criminal underworld acts*) dia bagi tahu tadilah, dan penyeludupan kapal-kapal kargo. Berkenaan

dakwaan ini, jelas tidak berasas kerana tidak disertakan dengan fakta. Sebagai sebuah pulau bebas cukai dan pusat kewangan persisiran pantai antarabangsa, setakat ini tiada laporan aktiviti jenayah atau penyeludupan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Kepong tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan Putrajaya pula,...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, Tuan Pengerusi, yang penting sekali kita ada dengar laporan antarabangsa yang menggolongkan Labuan bersama-sama Cayman Island, Bahamas dan sebagainya. Di sini saya minta Yang Berhormat mengkaji sama ada ini benar ataupun tidak. Tanpa mengkaji dikeluarkan kenyataan. Macam mana tahu? Orang buat dakwaan kita kaji dan itu membuktikan kepada dunia kita bersih, cekap dan amanah. Itu kerja kita dan setakat ini Yang Berhormat masih ada kekhawatiran, ragu-ragu dan kesangsian mengenai status Labuan sekarang.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau ada aktiviti-aktiviti jenayah, mesti ada laporan yang dibuat kepada pihak polis di Labuan. Oleh kerana bagi pihak penguasa tidak ada apa-apa maklumat, dan begitu juga pihak Yang Berhormat tidak mengemukakan maklumat, jadi pada peringkat ini pihak kementerian merasakan ini satu dakwaan. Oleh kerana Yang Berhormat meminta pihak kementerian untuk meneliti supaya kita menyiasat dahulu, jadi kita akan mengambil perhatianlah untuk menyiasat tentang dakwaan yang disampaikan oleh Yang Berhormat.

Berkaitan dengan tempat letak kereta yang kurang di Putrajaya seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kepong. Ingin saya memaklumkan bahawa Putrajaya telah mengambil tindakan untuk menambah bilangan tempat letak kereta di Kompleks Pejabat Kerajaan di Parcel C dan D.

Berkaitan dengan kedudukan papan tanda yang tidak sistematik dan ditempatkan di Putrajaya, di sini saya ingin nyatakan bahawa papan tanda lalu lintas juga telah ditambah di sekitar Putrajaya bagi mengatasi kekeliruan ini. Bilangan ini akan ditambah dari semasa ke semasa.

Berkaitan dengan dakwaan bangunan di Putrajaya yang bocor dan tidak diselenggarakan. Di sini saya ingin menyatakan bahawa kebocoran bangunan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kepong itu ianya adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Bagi pihak kementerian di bawah Putrajaya, di mana Perbadanan akan mengambil tindakan untuk mengenal pasti tempat-tempat dan punca kebocoran itulah. Seterusnya berkaitan dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat ini berlaku hampir enam bulan atau lebih dan masih tidak ada tindakan yang konkrit. Kita mesti ambil tahu macam mana pihak Perbadanan dapat mengatasi masalah-masalah seumpama ini.

Bukan sahaja di Pejabat Imigresen, saya percaya perkara ini akan berlaku lagi kalau kita tidak ada budaya untuk menyelenggarakan dengan baik dan tambah pula mengenai masalah pencemaran sama ada di Labuan, Putrajaya, di Tanah Gambut Wetland dan sebagainya. Saya nampak ia tidak diselenggarakan dengan baik.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kebocoran ini berlaku apabila berlakunya sesuatu, ianya bukan kita boleh nampak pada peringkat zahirnya. Oleh sebab itu kita dari semasa ke semasa sentiasa memberi perhatian jika ada berlakunya atau tanda-tanda kebocoran berlaku. Sekiranya ini berlaku, perkara ini akan dilaporkan kepada JKR yang bertanggungjawab menyelenggarakan bangunan-bangunan ini. Inilah tindakan pihak Putrajaya.

Berkaitan dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur yang belum siap, Yang Berhormat Kepong ingin tahu tentang statusnya, bahawa Pelan Tempatan Kuala Lumpur telah pun disediakan pada 2005 dan pada waktu ini draf pelan tempatan sedang disediakan yang mana berada pada peringkat akhir penyediaan sebelum ianya dikemukakan untuk dipamerkan bagi bantahan awam.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan ya. Yang Berhormat bagilah kita selepas tiga tahun satu tarikh, bilakah akan dipamerkan, dan bilakah akan diwartakan?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Pelan ini Yang Berhormat adalah disediakan oleh *consultant*. Jadi apa yang telah dibuat pada tahap ini adalah peringkat akhir dan sebaik sahaja pelan ini sedia maka kita akan wartakan, akan kemukakan untuk pameran bagi bantahan oleh umum.

■ 1250

Jadi untuk memaklumkan tentang tarikh yang tepat tidak mungkin dapat dimaklumkan secara pasti. Berkaitan dengan pencerobohan dalam kawasan hijau, yang ini nanti saya jawab sekali dengan Cheras. Berkaitan dengan kekurangan tempat letak kereta di Kuala Lumpur. Sehubungan dengan perkara ini DBKL sentiasa berusaha untuk menambah tempat letak kereta di kawasan luar daripada pusat bandar yang mempunyai ruang seperti di kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun bagi kawasan pusat bandar, pihak DBKL tidak berhasrat untuk menambah tempat letak kereta bagi menggalakkan orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam dan juga untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Hasrat itu baik kita mesti tambahkan kemudahan untuk pengangkutan awam. Tetapi Yang Berhormat pun tahu, setakat ini tidak sampai 30% yang masuk ke pusat bandar raya yang menggunakan pengangkutan awam dan usaha memang ada Rapid KL dan kadang-kadang bukan *rapid* sangat dan kita mestilah menambahkan usaha bagi bukan sahaja mengaturkan Rapid KL yang benar-benar *rapid* dan

juga LRT dan sebagainya yang jalan dengan baik bukan dari semasa ke semasa tergelincir LRT STAR. Itulah masalah kita kerana kemudahan pengangkutan awam tidak cukup selesa bagi pihak orang ramai.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sama?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sama. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang tempat letak kereta di pusat bandar. Saya difahamkan bahawa DBKL ada *charge* RM15 ribu untuk satu tapak jika bangunan akan dibangunkan di pusat bandar. Saya ingin tahu berapa jumlah wang ini dikutip oleh DBKL dan mengapa. Saya difahamkan ada beratus juta tidak digunakan untuk membangunkan tempat letak kereta bertingkat di Kuala Lumpur. Adakah kerajaan khususnya DBKL, PBT ini harus menggunakan wang yang dikutip untuk tempat meletak kereta di pusat bandar di tempat yang strategik. Haruskah wang ini digunakan. Jika tidak kenapa setiap petak *dichargekan* RM15 ribu untuk satu bangunan 500 kaki persegi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Sehubungan dengan tempat letak kereta di kawasan pusat ini, sebagaimana yang telah saya maklumkan tadi bahawa Dewan Bandar raya tidak ada perancangan untuk menambah untuk mengadakan tempat letak kereta. Sebagaimana yang kita mahukan bahawa orang umum atau masyarakat umum boleh menggunakan pengangkutan awam dan itu sebab pada hari ini kerajaan berusaha untuk mengatasi masalah kesesakan dengan merancang kewujudan bas terminal yang bersepadu seperti mana kita telah membuat perancangan di mana tiga buah terminal yang telah dirancang iaitu seperti yang dipanggil *integrated transport* terminal.

Yang tiga buah ITT ini adalah tiga buah terminal bas yang bersepadu antara bandar iaitu untuk *city* yang akan diintegrasikan dengan sistem pengangkutan awam lain sedia ada seperti LRT, ERL, KTM Komuter, bas henti-henti dan teksi serta kemudahan *park and ride*. Dengan kewujudan ini nanti sistem pengangkutan yang bersepadu ini akan memudahkan penumpang bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain. Bas antara bandar tidak perlu masuk ke pusat bandar Kuala Lumpur dan ianya akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar Kuala Lumpur. Jadi pengguna-pengguna yang ingin menggunakan ketiga-tiga terminal ini nanti tidak akan menghadapi masalah kerana ketiga-tiga terminal ini akan dihubungi dengan sistem rel seperti ERL, LRT, KTM Komuter dan lain-lain jenis pengangkutan dengan jalan raya utama. Ini yang sedang dirancang, jadi untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya apabila DBKL pada beberapa bulan yang lepas mengenakan denda RM100 kepada mereka yang letak kereta di tempat yang tidak patut ia mendapat bantahan yang kuat. Saya pun hendak datang ke Parlimen dengan LRT, tetapi kawasan saya tidak ada stesen di beberapa

tempat memang tidak ada stesen. Kalau kita kata bas, perkhidmatan bas masih tidak memuaskan, itu sebabnya kita terpaksa beli kereta dan datang ke pusat bandar dengan kereta. Saya memang berharaplah apabila DBKL mengambil tindakan macam menaikkan denda trafik, ia juga harus mengambil kira tentang apakah keadaan trafik kita telah bertambah baik, kalau tidak saya rasa ini semua adalah dasar dan tindakan dan denda yang memang menyusahkan rakyat. Saya memang berharap denda RM100 ke atas mereka yang *wrong full parking* itu memang boleh dikaji semula.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Okey, terima kasih. Atas saranan Yang Berhormat nanti kita tengok. Seterusnya Yang Berhormat Kepong membangkitkan mengenai dengan KL International Road Circuit di Taman Metropolitan Kepong. Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan dengan perkara ini ianya adalah dalam pembinaan oleh pihak kontraktor iaitu dijangka dapat disiapkan pada bulan Jun 2008. Kelewatan daripada perancangan awal disebabkan permasalahan tanah yang tidak stabil yang memerlukan kerja-kerja penyelidikan tanah. Pada masa ini kerja-kerja pembinaan adalah dalam lingkungan 30%.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi penjelasan. Saya tidak begitu puas hati dengan jawapan kerana apabila kita ada satu projek, pihak kontraktor dia sudah mengkaji sama ada tanah itu gambut, tanah pasir, tanah liat dan sebagainya dia memang ada buat penyelidikan. Kemudian dia dilantik sebagai kontraktor. Ini dia kerja pada awal tahun ini, dia ada pagar sedikit kita nampak di dalam itu ada cerucuk sedikit dan dia berhenti. Adakah ini kerana pihak kontraktor tidak mampu dan adakah ini juga bermakna kontraktor yang lain sudah dilantikkan dan kita hendak tahu peruntukan untuknya kerana ini bukan kali yang pertama pihak DBKL menguruskan projek dan kita nampak ada tergendala dan terbengkalai. Ini akan timbul masalah tender masalah pelantikan kontraktor. Saya harap Yang Berhormat dapat mengkaji.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh sambung lepas tengah hari.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat di sambung semula pada pukul 2.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis sekarang dalam Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Saya jemput Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menyambung jawapan.

2.31 ptg.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang. Walau bagaimanapun Yang Berhormat bagi Ledang menimbulkan berkaitan dengan isu status DBKL Kuala Lumpur sama ada ianya merupakan sebuah PBT ataupun sebuah jabatan kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ledang, DBKL adalah sebuah perbadanan tunggal ataupun dengan izin *Corporat Sole* yang diwujudkan bawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1990 yang juga merupakan Pihak Berkuasa Tempatan, PBT. Buat masa ini DBKL adalah salah satu agensi juga di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun, bagi membolehkan DBKL bergerak lebih efisien lagi oleh kerana DBKL ini berada di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan sedang membuat kajian semula terutamanya di atas Akta Ibu Kota Wilayah Persekutuan ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu yang dibawa oleh Sabak Benam yang mana beliau ingin mengetahui berkaitan dengan status pembangunan Kampung Baru. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sabak Bernam pembangunan Kampung Baru akan dilaksanakan berdasarkan Pelan Tempatan Kampung Baru yang sedang disediakan.

Pada mada ini pihak kementerian masih menimbangkan pelbagai kaedah bagi membangunkan Kampung Baru termasuklah melalui Pertubuhan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru, Pembangunan Tanah Bersepakat ataupun *Land Readjustment Scheme*, Pembangunan oleh *Government* oleh *Link Companies* ataupun Pembangunan oleh individu atau pemilik tanah.

Pada masa yang sama, dalam pembangunan di kawasan Kampung Baru ini terdapat lima projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Projek yang sedang dilaksanakan ialah:-

- (i) Menaik taraf dan mengindahkan Jalan Raja Laut, Raja Alang dan Jalan Raja Muda Musa; dan

- (ii) Membina dan mempertingkatkan rangkaian Jalan Raja yang menghubungkan Jalan Tuanku Abdul Rahman dan juga Jalan Tun Razak.

Bagi projek dalam peringkat rangka bentuk bagi pembangunan Kampung Baru ini ialah pembangunan tapak pasar minggu di mana pengisian dalam pembangunan tapak pasar minggu ini perancangan telah dibuat. Komponen-komponen pengisian itu adalah dua blok pangsapuri, 53 tingkat di atas podium empat tingkat. Bangunan dua blok pangsapuri mempunyai 735 unit kediaman dan bangunan empat tingkat podium yang mengandungi kedai, *retail*, *art* dan kraf, bazar, *office*, muzium, galeri dan F&B. Juga projek dalam rangka bentuk yang sedang disediakan ini adalah pembangunan pengindahan kawasan sekitar Jalan Raja Bot dan Jalan Raja Hussein dan juga rangkaian dalam pejalan kaki bersepadu yang menggabungkan Dataran Merdeka, Chow Kit dan Kampung Baru.

Seterusnya bagi Pasir Puteh yang mana telah mencadangkan agar Lorong Haji Taib dibersihkan dari kegiatan tidak bermoral. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bahawa DBKL sentiasa dari semasa ke semasa melaksanakan operasi bersepadu untuk mengatasi masalah ini dengan jabatan-jabatan seperti JAWI, Jabatan Agama Wilayah Persekutuan, JAKIM, Jabatan Kebajikan Masyarakat, AADK serta polis bagi mengambil tindakan sebanyak dua kali sebulan.

■1440

Bagi rumah-rumah tumpangan yang diwujudkan di kawasan ini telah dibatalkan lesen perniagaan mereka semenjak tahun 2004. Jadi Seputeh ini mungkin sudah lama tidak pergilah. Bagi Seputeh pula, beliau telah menimbulkan berkaitan dengan isu tidak puas hati terhadap DBKL yang meminta pemaju supaya menyerahkan kepada DBKL diskaun perumahan yang tidak terjual kepadanya. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Seputeh perkara ini sebenarnya masih dalam peringkat perbincangan sahaja, belum ada sesuatu keputusan yang dibuat.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Seputeh juga berkaitan dengan penganjuran bazar ria larut malam di Seri Petaling. Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti perniagaan di bazar ria telah dibekukan atas bantahan daripada pihak termasuk persatuan penduduk dan juga bantahan daripada pihak MCA. Walau bagaimanapun, bazar ria ini hanya ataupun boleh beroperasi kembali jika ada dapat persetujuan daripada pihak-pihak yang berkepentingan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, bagi isu pertama tentang diskaun kepada pembeli rumah bumiputera, jadi saya hendak tahu apakah kalau ini adalah satu keputusan baru dan belum dilaksanakan apakah keadaan sekarang. Kalau pemaju perumahan yang membina rumah yang kuota bagi bumiputera itu tidak diambil, apakah yang dilakukan oleh DBKL sekarang? Sebenarnya ini adalah satu surat aduan yang saya terima daripada salah seorang pemaju yang mana mereka amat tidak puas hatilah yang menghendaki mereka membayar diskaun 7% bumiputera itu kepada pihak DBKL. Saya hendak tahu kalau ini tidak

dilaksanakan, adakah mereka akan dipanggil balik, diberi keputusan baru atau apa yang dilakukan setakat ini?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Bolehkah Yang Berhormat kemukakan surat yang dikatakan telah dibuat oleh DBKL supaya pemaju tersebut membayar diskaun? Jadi kita boleh tengok balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa yang saya baca itu adalah surat dia. Jadi kalau *you* mahu teks ucapan saya boleh bagi.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Lepas keluar Dewan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, okey. Bagi bazar ria di Seri Petaling, saya tahu tapak yang ditar itu telah pun dikelilingi oleh tali, orang tidak boleh masuk dan juga ada satu, dua gerai atau pondok kecil yang masih berada di situ. Jadi orang ramai tidak tahu sama ada mereka boleh meletak kereta di situ atau tidak, ataupun sama ada bazar ria itu akan dipulihkan atau tidak kerana penduduk dan peniaga di sekitar kawasan itu memang menentang bazar ria diadakan di tanah hijau tersebut. Jadi bolehkah DBKL membuka tempat itu dan membiarkan orang ramai meletakkan kereta mereka?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ini adalah merupakan keputusan yang baru dibuat Yang Berhormat. Jadi kalau ada tali itu siapa yang hendak buka, bukalah. Pasal daripada keputusannya bahawa perniagaan aktiviti bazar ria itu telah dibatalkan ataupun dibekukan.

Tuan Pengerusi: Ya, sudah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Seterusnya Yang Berhormat bagi Seputeh juga membuat aduan kerana sukar hendak berjumpa dengan pegawai-pegawai Bahagian Unit Pesuruhjaya Bangunan. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa buat masa ini anggota unit ini masih belum diperolehi lagi kerana unit ini baru diwujudkan dan daripada segi perjawatannya dalam proses. Jadi itu sebab untuk sementara ini menggunakan anggota-anggota daripada bahagian lain. Jadi itu sebab, dia tidak ada anggota yang tetap di situ.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat yang saya tahu dalam akta yang diluluskan di Dewan ini, sebenarnya tentang pengurusan bersama di antara pemaju dengan penduduk, ia sebenarnya telah pun dilaksanakan pada bulan April tahun ini. Jadi setiap negeri sepatutnya ada *commission of building* untuk mengendalikan pertelingkahan yang wujud dalam pangsapuri, *flat* yang ada masalah. Jadi sekarang kalau *commission of building* di DBKL ini masih belum stabil lagi jadi memang susahlah bagi banyak bangunan-bangunan pangsapuri yang ada masalah untuk membentangkan masalah mereka kepada *commission of building* di Kuala Lumpur ini.

Saya berpendapat sekarang apa yang berlaku ialah *commission of building* ini hanya satu orang sahaja iaitu Datuk Bandar. Datuk Bandar boleh melantik pegawainya untuk menguruskan kesemua masalah ini memang terlalu kurang. Jadi saya rasa sangat susah kerana penduduk yang memberi desakan kepada saya dan saya hendak buat *appointment* jumpa

pegawai, pegawai selalu tidak ada masa. Saya hanya berharap DBKL boleh menambah baik keadaan ini.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Okey terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kena faham prosedur bahawa unit ini baru sahaja diwujudkan, jadi dia tidak boleh spontan apabila kita mengambil orang daripada langit untuk masukkan keanggotaan dia. Jadi ada peraturan-peraturan pentadbiran yang perlu kita lalui. Jadi untuk mendapatkan anggota-anggota ini perlu mendapat kelulusan daripada JPA dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat kenalah bersabar dahulu, bahawa DBKL sedaya upaya untuk mempercepatkan, untuk mengisi perjawatan unit ini dan supaya ianya boleh berfungsi.

Tuan Pengerusi: Tunggu dululah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tunggu dulu. Kena sabar ini Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, sebenarnya mengikut akta, dalam satu tahun selepas akta itu di *enforce*, laksanakan, selang tempoh satu tahun semua *joint management* ini harus ditubuhkan di rumah pangsa atau pangsapuri yang ada masalah. Sebenarnya ini nampaknya di pusat bandar Kuala Lumpur kita tidak dapat melaksanakan, *enforce* mengikut apa yang dikehendaki oleh akta ini. Ini adalah masalah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ini bukan masalah DBKL ini masalah prosedur Yang Berhormat. Yang Berhormat kena fahamlah. Mungkin Yang Berhormat tidak pernah bekerja dalam melaksanakan pentadbiran mungkin tidak fahamlah, jadi boleh dimaafkan.

Tuan Pengerusi: Baik, baik. Sambung yang lain pula.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Seterusnya berkaitan dengan isu barang sitaan di stor rosak atau hilang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Bagi DBKL tidak ada sebarang aduan yang diterima berkaitan dengan kehilangan ini. Jadi tidak ada isu berkaitan dengan pelaksanaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya dapat aduan ini daripada internet ia telah pun disiarkan dalam internet. Kalau boleh saya mungkin hantar e-mel ini untuk rujukan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, tunjuk, tunjuk.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Okey, bagi.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pagi ini ada berlaku kerana penguat kuasa DBKL, menyita dan merompak meja, kerusi dan juga gerai-gerai.

Tuan Pengerusi: Merosak?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Rompak, tanpa memberi amaran. Oleh sebab mereka tidak memberi amaran kepada penjaja yang kalau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh DBKL. Saya harap supaya apabila mereka menyita barang-barangan penjaja haruslah diberi satu senarai yang ditetapkan oleh DBKL satu syarat tetapi mereka tidak. Menyita tanpa memberi apa-apa senarai barang-barang yang disita oleh DBKL, ini salah laku peraturan yang ditetapkan oleh DBKL. Saya haraplah ini tidak berlaku lagi sebab Jalan Alor adalah salah satu tempat destinasi untuk pelancong. Minta Yang Berhormat ambil tindakan

■1450

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih lah Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Bolehlah hantar surat *complaint*, nanti kita akan tengok apa yang berlaku. Ini isu yang dibangkitkan oleh Cheras. Pertama, berkaitan masalah Krematorium DBKL di Cheras. Untuk jawapan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheras ini buat masa ini terdapat enam krematorium di Cheras. Dua berfungsi dan empat lagi dalam proses untuk dibaiki, yang akan disiapkan secara berperingkat selewat-lewatnya pada hujung tahun 2007. Dia tidak lama lagi dalam sebulan sahaja. Untuk program jangka panjang tujuh unit baru krematorium akan dibina di tapak krematorium yang sedia ada ini. Kerja-kerja pembinaan akan bermula pada Januari 2008 dan berkaitan dengan isu bangunan yang dibina oleh Jabatan Perdana Menteri tanpa ...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan. Masalah kerosakan krematorium itu telah pun wujud sejak setahun yang lalu tetapi tidak ada tindakan berkesan dan baik diambil memastikan mayat-mayat dapat dibakar dan pengebumian dapat dilakukan. Ini satu masalah cukup serius tetapi empat krematorium ini bukan kerosakan seminggu atau dua yang lalu hampir setahun, mengapakah boleh timbul semacam ini. Sebab adakah tuduhan yang saya timbulkan tadi kontraktor lewat mendapatkan wang pembaikan wang kerja usaha mereka adalah sebab utama? Bilakah tender ini diiklankan sudahkah berjalan dan bila siap sepenuhnya, minta maaf. Cadangan baru.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan tujuh unit krematorium akan dibina pada awal bulan tahun 2007 makna dalam bulan Januari. Berkaitan dengan isu bangunan yang dibina oleh Jabatan Perdana Menteri tanpa kebenaran DBKL. Di sini saya ingin menyatakan bahawa semakan yang dibuat oleh DBKL mendapati dewan berkaitan adalah dewan aktiviti masyarakat yang dimaksudkan merupakan dewan-dewan telah dibina melalui peruntukan ICU Jabatan Perdana Menteri. Dewan-dewan ini disediakan bagi tujuan digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sosial bagi penduduk setempat yang didirikan di atas tanah kosong milik kerajaan. Dewan-dewan ini adalah dikawal terus oleh persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan jadi DBKL tidak ada kawalan ke atas dewan-dewan ini.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Jawapan ini tidak tetap Tuan Pengerusi. Ini kerana apa yang berlaku dalam masa lampau kesemua dewan-dewan orang ramai ini dijadikan premis parti-

parti komponen Barisan Nasional khususnya UMNO dan yang baru dibina ini pada tahun ini dan yang sedang dibina kesemua mereka kebanyakan mereka jika buka kesemuanya telah terletak di kawasan kompaun dalaman premis UMNO yang sedia ada.

Misalannya bagi kawasan saya, satu bangunan yang serupa ini dibina dan sedang dalam *progress* pembinaan dibina dalam kompaun dalaman Ibu Pejabat UMNO Bahagian Cheras. Dipasangkan dengan papan tanda UMNO, bukankah ini satu tanda yang cukup jelas membuktikan apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bukanlah benar.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Okey duduk. Ini Yang Berhormat, ini berkaitan dengan dewan yang dimaksudkan oleh beliau ini bukan bawah kawalan Kementerian Wilayah Persekutuan jadi tidak patut dia menimbulkan perkara ini kepada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bukan sebab Dewan Bandar raya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Jadinya dia kena cari siasat siapa yang sepatutnya dia tanya bukan Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sebarang perancangan termasuk pembangunan pembinaan sesebuah struktur baik bangunan ataupun dewan orang ramai mesti mendapat kebenaran dan kelulusan daripada DBKL dahulu dan ia mesti menetapi kaedah-kaedah dan syarat-syarat perancangan bandar. Mesti dapat kelulusan misalnya pelan bangunan, perintah pembangunan dan sebagainya. Namun, dewan-dewan bangunan-bangunan ini semua dibina *by passing* DBKL tanpa mengemukakan permohonan pelan bangunan ataupun pelan untuk perintah pembangunan dan dibina di mana-mana suka hati sahaja. Di tepi simpang jalan, di tepi padang permainan kanak-kanak, di tapak hijau dan sebagainya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Faham, faham.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyemak; saya menyemak dengan kakitangan DBKL. Mereka pun rasa sangat dukacita dan marah kerana DBKL tidak dihormati dan mereka kata kalau mereka ambil tindakan terhadap rakyat biasa mereka rasa kecewa dan kesal kerana mereka rasa telah buat sesuatu yang berdosa kerana mereka tidak ambil tindakan terhadap mereka yang berkuasa.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini adalah dalam bidang kuasa DBKL. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu dalam bidang kuasa ini, tidak tahu tugasnya macam mana jadi memegang jawatan ini.

Tuan Pengerusi: Cukup duduklah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Sudah duduk, duduklah, saya faham.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Adakah DBKL sudi rela merobohkan kesemua bangunan yang dibina tanpa perintah pembangunan kelulusan DBKL ?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Cukup, cukup, duduk terima kasih. Tadi dia cakap bangunan yang diduduki oleh UMNO, jadi seolah-olah Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai kuasa atau mengawal berkaitan dengan bangunan-bangunan ini. Itu sebab saya maklumkan dengan dia bahawa ianya bukan di bawah *jurisdiction* Kementerian Wilayah Persekutuan. Kalau dia kata berkenaan...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini Yang Berhormat dalam jawapan pun kata DBKL adalah di bawah ...

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tidak ada, tidak ada.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ..satu agensi di bawah ...

Tuan Pengerusi: Cukup sudah, cukup, cukup sudah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat sendiri kata, Yang Berhormat sendiri kata bukan? Timbalan Menteri mengelirukan Dewan ini cakap bohong.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ada mengelirukan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi dia jawab dahulu, bagi dia jawab dahulu. Yalah, dia sudah faham.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sebarang bangunan atau struktur yang dibina di atas tanah Wilayah Persekutuan baik pun tanah swasta ataupun tanah kerajaan ataupun tanah DBKL ataupun tanah Jabatan Perdana Menteri ...

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Duduk, duduk. Faham, faham sudah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ..dan kelulusan mesti diperoleh daripada DBKL selepas semua kaedah dan syarat dipatuhi oleh pemohon.

Tuan Pengerusi: Bagi Menteri jawab.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan isu yang tiada kelulusan daripada DBKL, bahawa DBKL sedang melakukan penyiasatan dalam perkara ini jadi masih lagi lah benda ini. Dia tidak sabar hendak menunggu saya hendak menjelaskan yang akhir punya jawapan itu. Okey itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bangunan sudah siap dibina masih siasat. Apa ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi saya bangkitkan isu rumah beribadat bukan Islam.

Tuan Pengerusi: Ya cukuplah jawapan sudah habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, yang itu tidak jawab. Itu isu yang saya bangkitkan yang sehingga yang tokong Hindu, tokong Buddhist ini menggunakan rumah teres menjadikan tempat beribadat. Kalau DBKL boleh memberikan mereka tempat kalau tokong dirobohkan atau apa diberi satu alternatif *side*, jadi ini akan menyelesaikan masalah seperti ini tetapi yang ini tidak dijawab.

Tuan Pengerusi: Baik ada jawapan Yang Berhormat? Ada tidak ada?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tidak ada, tidak apa. Cukuplah. Cukup, cukuplah.

■1500

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM226,596,000 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM226,596,000 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM556,008,000 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM556,008,000 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2008.

**Maksud B.41 [Jadual] –
Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan 2008] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas. Ya, Serdang.

3.00 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 001120 dan Butiran 00201. Tuan Pengerusi, bangunan dan bilik-bilik darjah di SJK(C) Kampung Baru Damansara telah dikosongkan dan telah dibiarkan beberapa tahun lamanya tetapi terdapat lagi murid-murid yang menggunakan tokong di sebelah kawasannya untuk melanjutkan pelajarannya. Jadi dengan demikian itu, apa perancangan daripada pihak kementerian untuk menggunakan bangunan atau bilik-bilik darjah yang telah dibiarkan itu supaya dapat mengelakkan sebarang salah anggapan dan juga apa caranya untuk menguruskan murid-murid yang masih belajar di tokong tersebut untuk melanjutkan pelajaran supaya mereka dapat lagi satu kawasan yang lebih memuaskan untuk melanjutkan pelajarannya. Ini saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi, di bawah Akta Pendidikan 1996, seksyen 2 menetapkan pengajaran dan pembelajaran POL atau bahasa ibunda di sekolah menengah dibenarkan untuk diadakan. Namun terdapat fakta-fakta lain mahu peperiksaan mata pelajaran bahasa ibunda di adakan. Antaranya mata pelajaran ini bukan mata pelajaran yang wajib, sebaliknya merupakan mata pelajaran bahasa tambahan dan kekurangan guru yang berlaku. Dengan keadaan demikian, saya harap pihak kementerian akan mengkaji semula sama ada kelas POL yang telah

dibenarkan di dalam Akta Pendidikan ini dapat dikaji semula untuk diwajibkan mata pelajaran ini supaya murid-murid dapat menerima bahasa ibunda di dalam sekolah menengah itu.

Tuan Pengerusi, perkara langkah kerajaan untuk membekalkan buku teks secara percuma kepada semua pelajar tanpa mengira taraf pendapatan mulai tahun depan pastinya disambut baik semua lapisan masyarakat tetapi di sebalik berita gembira itu terdapatnya kandungan buku teks yang silap fakta berlaku. Saya difahamkan bahawa kebanyakan buku teks yang masih digunakan di sekolah telah dicetak dan diterbitkan pada tahun 2000 yang menyebabkan ada antaranya isu sudah kurang relevan jika terus digunakan pada ketika ini. Maka bahan dalam buku teks perlu dikemaskinikan supaya sesuai dengan perkembangan isu semasa serta menepati fakta supaya pelajar tidak menerima maklumat yang salah.

Oleh yang demikian saya ingin bertanya bahawa sama ada pihak kementerian akan menentukan satu tempoh tertentu supaya pihak Kementerian Pelajaran dalam proses mengemaskinikan buku teks dan sebarang semakan yang dirasakan untuk mengatasi kelemahan bahan dalam buku teks yang silap faktanya yang berlaku ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang saya ingin bangkitkan iaitu di mana terdapat bahawa sistem peperiksaan yang dilaksanakan kini telah berlaku, kertas peperiksaan telah bocor beberapa kali. Jadi kelemahan yang berlaku ini telah menjadikan satu isu yang sedang dipandang berat oleh ibu bapa dan masyarakat setempat. Dengan demikian, saya minta adakah pihak kementerian akan mengkaji semula terhadap sesetengah peraturan untuk mengetatkan lagi supaya pihak Lembaga Peperiksaan itu dapat diketatkan semula agar kertas peperiksaan tidak akan dibocorkan lagi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Butiran 04600 – Sistem Pengkomputeran Sekolah. Sebenarnya perancangan telah dijalankan oleh kementerian untuk mewujudkan pusat komputer di tiap sekolah tetapi saya difahamkan bahawa banyak sekolah ini tidak dapat diadakan kerana ikut jadualnya. Sepanjang masa ini, di kawasan saya masih terdapat banyak lagi sekolah yang belum lagi diwujudkan pusat komputer. Dengan itu saya mintalah pihak kementerian untuk menjelaskan cara mana untuk mengatasinya. Saya juga mintalah – saya dapat senarai daripada Kementerian Pelajaran di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di mana di kawasan saya terdapat empat sekolah rendah...

Tuan Pengerusi: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...baru dan empat sekolah menengah tetapi kita tidak tahu lokasinya. Bolehkah pihak kementerian untuk memberi penjelasan di mana lokasi sekolah rendah dan sekolah menengah yang baru di kawasan saya ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik. Sungai Petani. Sila ringkaskan.

3.07 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak menyatakan rasa terima kasih saya dan tahniah kepada kementerian untuk mewujudkan sekolah yang bersifat kluster. Yang ini kita akan tetap beri sokongan padu dan tahniah kepada menteri.

Perkara 02000 – Pendidikan Rendah dan Menengah yang mana saya akan kaitkan 20100 – Pengurusan Sekolah. Di sini ingin saya cadangkan mengapa tidak PPD diberi juga sedikit sebanyak peruntukan yang mana PPD boleh salur ke sekolah-sekolah dalam peruntukan-peruntukan kecil yang mendapat sokongan daripada wakil rakyat. Jadi tidak perlulah kita terus ke kementerian ataupun ke Jabatan Pelajaran Negeri. Jadi PPD sahaja boleh mengurus, jadi peruntukan itu boleh disediakan oleh pihak kementerian kepada PPD sekian-sekian banyak dan boleh kita buat cadangan dengan kelulusan pihak wakil-wakil rakyat. Dengan itu memudahkan lagi soal pengurusan kewangan bagi baik pulih dan sebagainya.

Perkara 20200 mengenai dengan kelas-kelas prasekolah. Di sini juga ingin saya mencadangkan supaya peruntukan untuk prasekolah ditambah lagi. Saya rasa ia tidak mencukupi dalam 2008 kerana kesuntukan wang ini menyebabkan kelas-kelas hanya dapat diwujudkan satu sahaja. Mengapa tidak dicambahkan lagi menjadi dua, tiga dan sebagainya.

Perkara 020700 – Pendidikan Guru. Di sini juga perbelanjaannya yang begitu besar sekali iaitu RM943,547,900. Saya ingin tahu di sinilah mengenai dengan peningkatan *syllabus* pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi perguruan dalam soal *research*, umpamanya.

■1510

Kalaulah hendak ditingkatkan institusi perguruan ini atau IP ke taraf ijazah, kita hendaklah mewujudkan juga soal-soal dan perkara-perkara yang berkaitan dengan *research work* dan *publication*. Kalau ini tidak ada, ia tidak ada makna peningkatan kerana ia adalah berbeza kalau kita bandingkan dengan universiti. Kalaulah institusi perguruan ini tidak dapat melakukan *research* dan *publication* saya percaya ia tidak akan boleh mengeluarkan ijazah kerana ia adalah tidak setanding dengan universiti.

Perkara 020800 - Perkembangan Kurikulum. Di sini juga saya hendak tahu daripada pihak kementerian peningkatan, kebaikan kurikulum dari semasa ke semasa kerana bahan-bahan yang diperuntukkan dalam kita punya *syllabus* saya rasa perlu ada peningkatan. Umpamanya kalau saya ambil di sini dari segi *syllabus* sejarah. *Syllabus* sejarah kita berhenti setakat tahun-tahun merdeka sahaja tetapi sesudah merdeka dan selanjutnya masuk ke abad 21 tidak disebutkan. Jadi apakah yang telah dilakukan oleh pihak kurikulum. Perkara 020900 - Pengurusan Buku Teks. Di sini lagi sekali saya cadangkan kepada pihak kementerian supaya sentiasa menyemak kembali daripada tulisan-tulisan buku tadi, pengarang-pengarangnya dan di sentiasa dilakukan *vetting* kepada buku-buku ini.

Perkara 030200 - Pendidikan Khas. Di sini juga saya ingin cadangkan kepada kementerian supaya guru latihan khas ini mereka diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke seberang laut di mana mereka mempunyai bidang-bidang yang tertentu hendak disampaikan. Di sini juga saya ingin cadangkan kenaikan pangkat kepada guru-guru pelajaran khas ini hendaklah diberi tumpuan khusus kerana saya bimbang kalau ini tidak ada, tidak ada macam kita kata insentif yang baik kepada guru yang sedia berkorban dalam bidang ilmu khas ini.

Perkara 030400 - Pendidikan Islam dan Moral yang mana tahun lepas perbelanjaannya RM317,977,600 tapi tahun ini ia adalah RM289,762,600. di sini juga saya telah bangkit dalam masa kita bahas dasar peringkat dasar dulu saya sebut apakah sudah terjadi kepada Pendidikan Islam dan Moral sehingga hari ini seolah-olah tidak berkesan. Islam itu tidak menjadi budaya kita, kita hanya diberi hanya untuk menghafal. Mungkin ini saya kata, menghafal doa itu, menghafal ayat itu dan ayat ini tetapi apakah berkesan atau tidak. Harus dilakukan satu tinjauan penilaian semula. Apakah ia tidak berkesan ke atas anak-anak muda sehingga di kalangan anak-anak belasan tahun masalah soal buli, soal masalah mat rempit, soal macam lagilah jadi saya tidak perlu panjang lebar.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, berilah saya peluang ini saya hendak bangkit. Iaitu 06000 Dewan Bahasa dan Pustaka, perbelanjaannya ialah RM55,461,400. Baru-baru ini saudara kita daripada Yang Berhormat Gerik telah bangkit dan bangun menyatakan kemandulan Dewan Bahasa Pustaka, saya tetap bersetuju dengan rakan saya daripada Gerik itu. Dari sini saya hendak tambahkan lagi bukan mandul, lembap, lembap. Maaf saya teruskan perkataan-perkataan yang tidak baik itu. Lembap saya kata selembap-lembapnya, ia tidak berfungsi. Kalau kita lihat dalam ini, maaf saya Tuan Pengerusi saya hendak baca sikit mengenai dengan ini. Kalau kita baca dalam ini cukup cantik, secara ringkas dia kata Dewan Bahasa akan meneruskan usaha sebagai penggerak utama dalam hal pengembangan bahasa dan sastera Melayu di seluruh negara tetapi sudah dilakukan oleh Dewan bahasa? Dulu saya bangkitkan perkara ini, adakah kerana mereka sudah mendapat bangunan yang baru yang indah dan cantik dan tidak lagi berfungsi. Manakala pada tahun 50-an hanya melalui Utusan Zaman mereka dapat kembangkan sastera Melayu dan membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan kita sekalian. Jadi hari ini apakah peranan Dewan Bahasa? Sastera Melayu pun dia tidak kembang apatah lagi kita hendak cakap hal-hal lain. Saya bukan hendak menyatakan perkara-perkara buruk sahaja ada juga perkara baik, itu saya setuju. Tetapi kebelakangan ini adakah ia menghadapi krisis kepemimpinan di dalam Dewan Bahasa Dan Pustaka. Sekian, terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta membahaskan bagi maksud P41Kementerian Pelajaran butiran 03900 - Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri. Butiran ini telah diberi peruntukan sebanyak RM39,111,000, ribu. Dalam butiran ini Tuan Pengerusi saya ingin membuat perhatian di dewan yang mulia ini terhadap cadangan sebuah sekolah menengah di kawasan Parlimen Tuaran iaitu SMK Pekan

Nabalu SMK sudah dicadangkan dimuatkan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh dahulu. Untuk Rancangan Malaysia Kelapan tidak ada yang apa-apa berlaku dan sekali lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini telah dimuatkan . saya telah difahamkan bahawa sekolah ini akan dibina tetapi lokasinya berhampiran dengan pekan Tamparuli. Saya difahamkan satu tapak yang bernama Kampung Mangkaladoi.

Tuan Pengerusi saya dan bersama dengan ahli dewan undang negeri bagi kawasan Kiulu telah membantah perpindahan ini sebab jika sekiranya SMK Pekan Nabalu dipindahkan ke Tamparuli itu tidak akan memenuhi keperluan asal pembinaan SMK Nabalu sebab di kawasan Tamparuli, kita sudah mempunyai SMK Tamparuli, SMK Sungai Damit, kita mempunyai juga sekolah swasta seperti SAS dan sebagainya. SMK Nabalu ini amat penting dibina di Pekan Nabalu itu sendiri. Kita mempunyai tapak tetapi apa yang dikatakan berulang-ulang oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan pihak-pihak tertentu di kementerian mengatakan bahawa tapak di Pekan Nabalu samalah di Kundasang iaitu tanahnya tidak stabil. Di Kundasang geologinya berlainan dengan Pekan Nabalu. Saya mohon supaya pihak kementerian mendengar rayuan kami, menerima cadangan kami supaya SMK Pekan Nabalu itu dibina sahaja di Pekan Nabalu dan daripada butiran ini ambil sedikit duit dari sini untuk membeli tanah, kita sudah kenal pasti tanah. cadangan-cadangan kita sudah buat dan saya mohon supaya binalah SMK Pekan Nabalu di Pekan Nabalu sebab ia memenuhi segala kriteria yang diperlukan.

Saya beralih ke butiran 04600 - Sistem Pengkomputeran Sekolah. Butiran ini telah diperuntukkan sebanyak RM240 juta, besar juga dan saya lihat di sini dalam soal pembinaan makmal-makmal komputer. Di kawasan Parlimen saya di Tuaran saya lihat *design* bangunan itu sama sahaja. Seolah-olah di ambil *design* itu dia letak tidak kira bagaimana keadaan geografi, bagaimana keadaan tapak tanah itu juga *design*nya. Apa yang telah berlaku ialah saya lihat bahawa kita boleh sebenarnya kurangkan kos pembinaan makmal komputer itu jika sekiranya kita bina mengikut keadaan geografi atau keadaan tapak tanah yang dibuat tetapi kenapa mesti *design* yang sama? Tidak kisah di mana, itu isu pertama.

Saya ingin tahu sama ada pihak kementerian membuat *design* bangunan mengikut kesesuaian tapak yang ada. Cadangan saya itulah kalau boleh di ikut oleh kementerian. Kedua dari segi pembekalan pelbagai peralatan dan sebagainya. Siapakah pembekal ini? Adakah pembekal ini dari Kuala Lumpur, dan kalau dia dari Kuala Lumpur perkara yang kita ingin lihat di sini ialah dari segi penyelenggaraan. Kalau nanti sudah esok ada rosak bolehkan kita mengambil orang-orang ini untuk membuat penyelenggaraan. Apa yang kita dapati sekarang ialah dalam soal School-Net sebagai contoh, banyak peralatan-peralatan tidak berfungsi sebab kita tidak tahu di mana pembekalnya. Kadang-kadang pembekalnya dari Kuala Lumpur. Susah untuk datang ke Sabah, apa salah dia kalau orang-orang di Sabah, pembekal-pembekal di Sabah diberi peluang untuk membekal dan akhirnya membuat penyelenggaraan.

Saya seterusnya berpindah ke B.41 Butiran 040100 - Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Butiran ini diberikan sebanyak lebih kurang RM11 juta dan ada dua isu yang saya ingin bahaskan di sini.

■1520

Pertamanya dalam soal pembelajaran dan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Rakyat pada hari ini sebenarnya sedikit keliru dengan pelbagai kenyataan oleh pelbagai pihak tentang apakah masa depan pembelajaran dan pengajaran Matematik dan Sains ini, adakah dalam bahasa Inggeris ataupun dalam bahasa Malaysia? Dan pertukaran dasar-dasar, sekejap buat kemudian pindah lagi, bukan sahaja mengelirukan rakyat tetapi bayangkanlah dari segi perancangan, penyediaan tenaga pengajar guru-gurunya. Saya masih ingat apabila dibahaskan dulu, dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dahulu, penjelasan mengatakan bahawa walaupun kita menghadapi masalah kekurangan guru-guru yang fasih dalam bahasa Inggeris untuk mengajar dua mata pelajaran ini dalam bahasa Inggeris tetapi dikatakan pada ketika itu kita gunakan *courseware* dan *courseware* itu akan digunakan oleh guru-guru yang belum lagi fasih dalam bahasa Inggeris.

Tetapi apa-apa pun penjelasan pada ketika itu, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menyediakan guru-guru bahasa Inggeris ini, memberi latihan dan sebagainya. Dan selepas diberi latihan, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan supaya guru-guru ini berkhidmat di tempat yang diperlukan. Sebagai contoh di negeri Sabah, kalau yang fasih dalam bahasa Inggeris ini, mereka hanya di kawasan pantai barat. Apabila diminta pergi ke pedalaman, dia tidak mahu dan sebagainya. Selain ada kelebihan guru di pantai barat tetapi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila habiskan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Dan seterusnya dalam isu yang kedua, dalam hal ini Tuan Pengerusi ialah dalam pembelajaran bahasa-bahasa tambahan seperti bahasa Kadazan Dusun, bahasa Iban dan bahasa Senai. Saya ingin berterima kasih kepada pihak kerajaan di atas keprihatinan dalam pembelajaran bahasa-bahasa tambahan ini. Tetapi dalam hal ini saya ingin merayu supaya pembelajaran bahasa Kadazan Dusun itu kalau di tempat-tempat di mana ramai pelajarnya yang mengambil mata pelajaran ini, dibolehkanlah pembelajaran ini dalam masa jadual dan bukan di luar jadual. Jika tidak, pembelajaran bahasa Kadazan Dusun ini barangkali menghadapi masalah masa depan sebab pada selepas jam 1.00, murid-murid pun bermasalah, ibu bapa pun bermasalah dan guru-guru pun bermasalah sebab guru-guru tidak ada elaun.

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Dan akhir sekali, sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Butiran 040600 Naziran Institusi Pendidikan. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya difahamkan, saya telah bertanya dengan guru-guru dan juga pemimpin-pemimpin PIBG di

kawasan saya di Parlimen Tuaran, saya dapati bahawa soal naziran ini, nazir ini dalam setahun pun tidak masuk ke sekolah. Jadi saya ingin tahu bagaimanakah soal nazir ini memantau pentadbiran pengurusan dan juga pembelajaran pengajaran di sekolah-sekolah. Sejauh manakah pelaksanaan naziran ini dibuat dan jika tidak apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi soal naziran pendidikan ini. Saya memohon menyokong, terima kasih.

3.23 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi, bagi maksud B dan P.41 ini yang pertamanya saya nak bercakap tentang Butiran 010700 – Pengurusan Sumber Manusia. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalau kita lihat sistem naik pangkat dan kenaikan gred dalam pendidikan ini agak lembap. Sebagai contohnya kalau kita lihat peringkat tertinggi sendiri, sekarang ini pengarah bahagian pendidikan guru telah kosong, dah berpencen wajib. Tentulah sepatutnya ada perancangan untuk menggantinya segera tetapi sehingga kini saya lihat pengarahnya masih lagi memangku, begitu juga pengarah bahagian sekolah dan sebagainya. Peringkat bawah pula kalau kita lihat, saya dimaklumkan oleh beberapa orang rakan-rakan guru saya mengatakan bahawa mereka sepatutnya dinaikkan gred pada tahun 2004, 1 Januari 2004 tetapi hanya mendapat surat kenaikan gred itu pada tahun 2007, bermakna kebelakangan beberapa tahun dan ada yang telah berpencen pun baru dapat surat kenaikan gred dan sebagainya.

Kemudian saya nak pergi kepada Pendidikan Rendah dan Menengah - 020000. Yang pertamanya bagi saya sekarang tibalah masanya sekolah satu sesi diadakan. Jadi kementerian sepatutnya memikirkan tempat-tempat yang sekolahnya dua sesi sekarang ini terpaksa fikirkan supaya diadakan satu sesi kerana dengan cara itu banyak perkara-perkara terutamanya dari aspek kokurikulum boleh dilaksanakan di sekolah. Macam sekarang ini kalau kita lihat dengan adanya sekolah dua sesi terpaksa berbahagi dan sebagainya. Saya nak sentuh sikit-sikit sahaja ya.

020200 – Pendidikan Pra Sekolah. Saya mencadangkan supaya semua sekolah rendah di Malaysia ini diadakan kelas pra sekolah. Ini untuk memberi peluang kepada semua pelajar tak kira di sekolah banyak murid ke, sekolah kurang murid dan sebagainya kerana sekarang ini saya dimaklumkan bahawa ada had, kalau tidak sampai had yang ditetapkan itu, kelas tidak boleh dibuka. Jadi secara tidak langsung bagi murid-murid yang duduk di luar bandar terutamanya, mereka hilang peluang dari segi memasuki atau mendapat pendidikan pra sekolah ini.

Yang berikutnya ialah butiran 020700 – Pendidikan Guru. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana sekarang ini guru pun dah yang mengajar sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah kita mula dengan memberi ijazah kepada mereka. Di maktab-maktab perguruan kalau kita lihat telah ada kursus-kursus yang berkaitan yang mengikuti kursus ijazah dan sebagainya. Malangnya Tuan Pengerusi, pensyarah yang mengajarnya tetap di takuk lama,

jadi kita mintalah Kementerian Pelajaran memikirkan. Kalau di universiti yang mengajar ataupun yang menjadi pensyarah itu, gred mulanya gred DS45 tetapi pensyarah maktab dia mula dengan gred 41, samalah dengan guru-guru yang diajar. Selepas setahun, guru yang keluar itu samalah grednya dengan mereka. Jadi ini bagi saya kita terpaksa memikir, jangan kita naikkan gred institusi tetapi gred guru macam gred pensyarah yang mengajarnya kekal pada takuk lama sampai sekarang.

Jadi saya nak sentuh sikit lagi, P.41 05000 – Infrastruktur Sokongan Pendidikan ini terutamanya sekolah-sekolah dan sebagainya. Jadi saya lihat ada juga sekolah-sekolah yang sangat uzur tetapi mungkin terlepas pandang dan sebagainya. Antara contohnya yang boleh saya bagi dalam kawasan saya Sekolah Kebangsaan Jeram Bungor, bangunan itu memang dah reput sangat dah, dah teruk, dan bila-bila masa sahaja akan runtuh tetapi sehingga kini belum ada lagi cadangan supaya bangunan baru dibuat. Dan kalau bangunan itu dah tak boleh digunakan, mungkin kelas tak cukup. Jadi itu satu sekolah, mungkin ada lagi sekolah-sekolah lain.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Yang akhir satu sahaja. Yang akhirnya ialah mengenai dengan 06000 – Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya lihat dan bersetuju dengan rakan saya ini bahawa Dewan Pustaka ini nampaknya dah mula menurun dari segi prestasinya. Kalau kita lihat *Kamus Dewan* baru ini, ada bahasa-bahasa yang dikatakan rojak dah mula dimasukkan. Saya tengok seolah-olah Dewan Bahasa dan Pustaka ini tidak berupaya untuk memaklumkan sama ada Jabatan Kerajaan atau pihak swasta tentang kelemahan bahasa itu sendiri. Sebagai contohnya, sekarang ini polis dia gunakan perkataan cif inspektor, cif inspektor itu ada bahasa Melayu iaitu ketua inspektor. Saya cadangkan kalau begitu kita masukkan jugalah bajet boleh, 'cif' ini kita masukkan jugalah sebagai satu daripada perkataan menggantikan ketua. Jadi Ketua Pengarah Dewan Bahasa itu bolehlah kita panggil 'Cif Pengarah' Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi begitu juga dengan ketua-ketua yang lain. Sekian, terima kasih saya menyokong.

3.29 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa butiran. Yang pertama 020900 dan 030400 yang saya satukan berkaitan dengan Pengurusan Buku Teks dan Pendidikan Islam dan Moral. Baru-baru ini seperti kita sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah mengumumkan skim pinjaman buku teks kepada semua pelajar tanpa mengira pendapatan ibu bapa dan jumlah bilangan anak yang bersekolah. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan bukan sahaja pemberian skim buku teks ini diberikan kepada sekolah kebangsaan dan juga sekolah menengah tetapi diperluaskan kepada sekolah-sekolah agama yang mana ibu bapa

yang menghantar anak-anak ke sekolah agama hari ini berharap mereka juga diberikan skim pinjaman buku teks. Tidak ada diskriminasi antara sekolah kebangsaan dan juga sekolah agama.

■1530

Kedua, Butiran 00900 – Asrama. Yang Berhormat Timbalan Menteri, syukur alhamdulillah berasal daripada Kuala Selangor dan beliau lebih arif mengenai masalah pendidikan di Kuala Selangor.

Sekolah Kebangsaan Asam Jawa merupakan satu contoh asrama desa yang menunjukkan prestasi yang cemerlang baik dalam bidang akademi dan juga kokurikulum. Penampilan sekolah ini hari ini bukan sahaja di peringkat daerah, di peringkat negeri malah di peringkat antarabangsa.

Di mana konsep ini kalau dapat diperluaskan di seluruh negara dan kalau dapat di setiap DUN satu sekolah asrama desa, yang mana kita boleh membawa murid-murid miskin khususnya duduk di asrama dan diberikan pendidikan secara sepenuh masa siang dan malam. Mudah-mudahan sekolah ini menjadi sekolah *feeder* yang baik untuk pelajar-pelajar sekolah menengah.

Perkara yang ketiga, Butiran 01000 – Pejabat-pejabat Pendidikan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Sila, sila.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kerajaan membuat satu dasar di mana semua sekolah menengah yang dibina khususnya di luar bandar mesti dibina asrama. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Saya bersetuju, terutama kepada sekolah-sekolah di pendalaman dan juga di luar bandar.

Perkara berikutnya Butiran 01000 – Pejabat-pejabat Pendidikan. Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor menumpang di Sekolah kebangsaan Tanjung Keramat dan merupakan perpindahan Pejabat Pendidikan kedua selepas...

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Pejabat Pendidikan Kuala Selangor telah meluluskan peruntukan lebih kurang RM3 juta dan dalam tahun 2007 telah di peruntukan sebanyak RM500,000. Lawatan tapak saya difahamkan sudah dibuat tetapi tidak ada perbelanjaan RM500,000 untuk tahun ini.

Saya mintalah, oleh kerana keadaan pejabat yang mendesak, sempit tidak ada keselesaan kepada pegawai-pegawai, nak letak fail pun susah. Saya harap Pejabat Daerah Pelajaran Kuala Selangor dapat dibina segera ditapak yang telah disediakan di Bandar Baru Kuala Selangor.

Butiran 00102 – Sekolah Rendah Akademik dan 00201 – Menengah Akademik. Hari ini kita sedar bahawa tidak silap saya 80 lebih sekolah kebangsaan dan sekolah menengah baru

akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Keadaannya begitu mendesak bukan sahaja sekolah baru, tetapi juga bangunan tambahan.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya sekolah baru dan juga bangunan tambahan ini dibina secara pasang siap ataupun IBS, kerana ia menjimatkan kos lima hingga 10% dan ia dapat disiapkan dalam tempoh masa yang singkat sembilan bulan. Begitu juga kurang pergantungan kepada pekerja asing.

Saya difahamkan menjelang tahun 2008, 17% akan menggunakan kaedah IBS oleh JKR bagi bangunan projek-projek kerajaan.

Akhir sekali, Butiran 01100 – Bantuan Modal. Saya ingin menyentuh soal dasar subsidi dalam konteks di peringkat jawatankuasa ini ada satu kes yang saya bangkitkan. Di Kuala Selangor terdapat 22 buah jenis Sekolah Kebangsaan Tamil, 12 di kawasan Kuala Selangor dan di Parlimen Tanjung Karang, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada 10 buah. Di Parlimen Kuala Selangor sembilan daripadanya merupakan sekolah kurang murid, bawah 150 orang.

Saya nak fokuskan kepada tiga sekolah yang menghadapi masalah yang perlu diselesaikan segera, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Baru pelajarannya semakin menyusut dan Sekolah Ladang Sungai Buloh pemiliknya tanah sudah mendesak supaya sekolah ini keluar untuk berpindah. Ketiga, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Kuala Selangor.

Saya fikir ketiga-tiga sekolah ini sudah tiba untuk masanya untuk digabungkan. Dalam perbincangan saya dengan Yang Berhormat Menteri beliau bersetuju. Cuma pendekatan yang saya lihat hari ini Menteri kata oleh kerana penutupan, penggabungan sekolah adalah sensitif, memerlukan persetujuan ibu bapa secara total. Saya fikir pendekatan ini kena dikaji balik, semua pihak mesti bertanggungjawab. Bukan sahaja PIBG, lembaga pengurusan sekolah, parti-parti politik juga hari ini kita nak memperkasakan pelajar-pelajar bukan sahaja pelajar Melayu tetapi cina dan juga India.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat, cukup.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Dalam konteks ini, saya kira sudah tiba masanya pemimpin-pemimpin kaum India yang kita tidak langsung berniat untuk menganaktirikan, kita nak digabungkan supaya masa depan pelajar dan sekolah ini lebih bertenaga. Dalam konteks di Kuala Selangor, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Batang Berjuntai menjadi contoh, mereka mendapat faedah yang sepenuhnya.

Tuan Pengerusi: Baik, sudah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Baik, Kubang Kerian.

3.36 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh beberapa perkara tentang Maksud B.41 di bawah Butiran 010300 – Pengurusan

Kewangan. Bajet yang dipohon ialah sebanyak RM223 juta disebut dalam belanjawan bagi tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian tentang yuran sekolah yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu dalam bajet ini, iaitu pihak kerajaan akan memastikan bahawa yuran-yuran sekolah ini akan dihapuskan.

Ibu bapa telah mendapat surat untuk persekolahan anak mereka tahun hadapan dan menyaksikan bahawa sebenarnya jumlah yuran yang diberikan ataupun yang ditiadakan atau yang dikatakan percuma itu cuma empat ringgit lebih bagi sekolah rendah dan tidak sampai RM10 bagi sekolah menengah. Yuran-yuran lain masih kekal dan secara purata anak-anak kita yang akan mendaftar tahun hadapan akan membayar bagi sekolah rendah hampir RM200 dan di sekolah menengah, di sekolah berasrama penuh hampir mencapai RM300 hingga RM400.

Jadi adakah maksud bajet ini kerajaan akan hapuskan yuran-yuran ini? Yuran PIBG, MSSD, yuran peralatan sukan, buku-buku kerja dan seumpamanya. Saya harap mendapat penjelasan daripada pihak kementerian dan ibu bapa khususnya masyarakat di luar bandar amat keliru tentang penjelasan yuran percuma ini.

Keduanya, Butiran 020700 – Pendidikan Guru yang juga memperuntukkan jumlah hampir RM1 bilion. Di sini suka saya untuk bertanya pada pihak kementerian, kenapa terjadinya satu kecenderungan hari ini, satu *tendency* dengan izin belia-belia atau pelajar-pelajar lelaki sangat kurang minatnya untuk menyertai profesion perguruan ini?

Hari ini hampir pasti dengan penuh penghormatan saya pada golongan wanita bahawa *principal* atau guru-guru besar sama ada di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah rata-ratanya majoriti hari ini termasuk guru-guru disiplin adalah di kalangan guru-guru wanita.

Jadi ini satu *tendency* kalau tidak ada suatu perancangan masa depan, saya cukup bimbang belia-belia di kalangan lelaki ini tidak langsung berminat dalam profesion perguruan ini yang sudah tentu menjejaskan masa depan pendidikan dalam negara kita.

Seterusnya Tuan Pengerusi, tentang Butiran 040100 – Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Saya ingin bertanya dan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab pada hari ini secara tegas. Apakah sebenarnya dasar kementerian pada hari ini terhadap pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ini.

Saya mendapat maklumat dalaman bahawa semacam telah ada keputusan bahawa kementerian akan menarik balik sepenuhnya dasar ini, yang pada suatu waktu dulu dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini pegawai-pegawai dan pakar-pakar pendidikan telah pun memberikan pandangan, Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan pandangan, tokoh-tokoh pendidikan memberikan pandangan malah terlalu silap sebenarnya untuk mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris itu.

■1540

Sekarang ianya telah menjadi satu liabiliti kepada kementerian, kepada guru-guru dan ibu bapa khususnya anak-anak kita yang belajar di peringkat luar bandar. Saya difahamkan hampir RM5 bilion telah dibelanjakan, telah dihabiskan, kononnya untuk mempertingkatkan pembelajaran bahasa Inggeris, melatih guru-guru, membeli komputer-komputer dan setelah RM5 bilion dihabiskan, apa pencapaian kita yang ada pada hari ini? Saya rasa kita jangan malu. Ini satu kesilapan, kita memperakuiinya satu kesilapan bahawa kita telah tersilap bahawa bukan caranya untuk kita mendapat, untuk kita menguasai bahasa Inggeris dengan memberikan bebanan kepada anak-anak di kampung, guru-guru yang terpaksa, dipaksa belajar bahasa Inggeris.

Mana mungkin ya kita dapat untuk mencapai penguasaan ini. Saya bersetuju kita perlu menguasai bahasa, kita boleh menguasai banyak bahasa tetapi bukannya mengagungkan dan mendaulatkan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain tetapi bahasa kita sendiri. Jadi saya mengharapkan satu penjelasan di Dewan yang mulia ini. Adakah kementerian bersedia untuk sepenuhnya membatalkan serta merta pengajaran sains dan matematik ini di dalam bahasa Inggeris.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, tentang Dewan Bahasa dan Pustaka, saya bersetuju dengan rakan-rakan yang lain, kita melihat Dewan Bahasa dan Pustaka hari ini semacam kehilangan taring, tetapi sebelum kita menuduh secara total kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, apakah sebenarnya *the root of the problem*? Dengan izin. Apakah sebenarnya yang sedang menimpa Dewan Bahasa dan Pustaka sehingga mereka yang ada pada hari ini tidak kelihatan berwibawanya ataupun Dewan Bahasa yang ada pada hari ini kelihatan tidak lagi berupaya menjadi suatu badan, suatu ejen ataupun suatu organisasi yang akan terus menerus memastikan martabat Bahasa Melayu ini pada masa akan datang terus dihormati.

Jadi apa, *what was wrong*? Dengan izin. Adakah sebab banyak campur tangan politik, birokrasinya? Adakah lantikan-lantikan pihak atasan Dewan Bahasa itulah yang menyebabkan kakitangan yang ada pada hari ini kehilangan minat, kecenderungan, mereka kehilangan minat untuk membangunkan Dewan Bahasa?

Jadi ini mesti diperbetulkan, sebelum kita menuduh secara total Dewan Bahasa itu lemah dan mandom tetapi apa yang sebenarnya berlaku? Kalau dulu Dewan Bahasa boleh berdiri, banyak jasanya, keagungan dalam memartabatkan bahasa kita sehingga tubuhnya UKM, terbukti Bahasa Melayu boleh menjadi bahasa ilmu, bahasa dunia tetapi hari ini kenapa Dewan Bahasa menjadi seperti ini? Mesti ada dengan izin *culprits reshuffle* oleh siapa? Siapa sebenarnya yang menjadi penyangaknya, penjahatnya? Yang menyebabkan berlakunya masalah dalaman dalam pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dijemput Ampang.

3.43 ptg.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tiga Butiran. Yang pertama Butiran 010600 - Pengurusan Basiswa. Saya ingin bertanya tentang syarat-syarat kelayakan untuk Basiswa Kecil Persekutuan, tingkatan satu hingga lima dan Basiswa Kelas Persediaan Universiti untuk tingkatan enam. Di mana kita makluman bahawa syaratnya ialah untuk keluarga berpendapatan RM1,000 ke bawah.

Saya ingin kementerian untuk melihat semula perkara ini supaya dibezakan pendapatan di antara orang bandar dengan luar bandar. Begitu juga untuk bantuan menerusi Kumpulan Wang Pelajar Miskin (KWPM). Sebab kita lihat baru-baru ini apabila yuran sekolah dikeluarkan secara terperinci berapa banyak yang kena bayar yuran sekolah. Kita lihat ada perbezaan yuran iaitu dibezakan yuran sekolah di kawasan yang bersosio ekonomi tinggi dengan bersosio ekonomi rendah. Jadi sudah sepatutnyalah untuk melayakkan orang-orang-orang miskin ini dibezakan dengan orang-orang bandar dengan luar bandar.

Saya juga ingin bertanya tentang bantuan *One-Off* di mana penerimanya mendapat RM120 seorang yang telah diperkenalkan sejak tahun 2003, berapakah murid yang telah menerima bantuan ini setakat hari ini? Saya juga ingin bertanya, mengapakah secara keseluruhannya peruntukan untuk Pengurusan Basiswa telah menurun di mana dalam 2007, ialah RM423.8 juta tetapi sekarang untuk 2008 hanyalah RM406 juta. Jadi mungkin kementerian ada sebab tertentu untuk pengurangan ini.

Kedua Tuan Pengerusi, ialah Butiran 020200 - Pendidikan Pra Sekolah, yang saya rasakan amat penting kerana bukan semua orang mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika swasta dan juga pendedahan anak-anak mereka kepada alam persekitaran persekolahan yang sebenarnya dapat dibuat secara langsung. Saya ingin bertanya, berapakah buah sekolah yang terlibat setakat ini dan berapakah jumlah muridnya?

Mengapakah dalam peruntukan mengurus, saya melihat bahawa terdapat pengurangan sebanyak hampir RM8 juta dalam Bajet 2008 ini. Untuk perbelanjaan pembangunan diperuntukkan sebanyak RM13 juta. Sehubungan dengan itu saya ingin bertanya, berapakah diperlukan untuk mewujudkan satu pra sekolah ini, dan daripada situ bolehlah kita mendapat gambaran berapa sebenarnya yang kerajaan ingin tubuhkan, kerana harapan saya ialah supaya ianya diperluaskan lagi.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, ialah Butiran 00202 - Sekolah Sukan. Baru-baru ini saya membaca akhbar bahawa dilaporkan sebanyak RM7.35 juta akan digunakan untuk menaik taraf Sekolah Sukan Bukit Jalil di mana termasuklah membina bangunan baru empat tingkat dan 16 unit kuarters guru. Dalam Bajet 2008 pula, perbelanjaan pembangunan sebanyak RM6 juta telah diperuntukkan. Oleh kerana suntikan modal yang agak tinggi pada sekolah sukan ini, maka

harapan kita juga tinggi untuk melahirkan ahli-ahli sukan daripada sekolah-sekolah sukan ini. Soalan saya ialah, setakat ini berapakah orang pelajar keluaran Sekolah Sukan Bukit Jalil ini yang boleh dibanggakan? Maksud saya menjadi ahli-ahli sukan dalam semua bidang ataupun bidang-bidang tertentu di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Akhir sekali mengenai sekolah sukan ialah Kementerian Pelajaran ada membuat suatu kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengadakan laluan khusus untuk pelajar-pelajar lepasan sekolah sukan untuk masuk ke UPM dan UTM. Jadi soalan saya ialah berapa orang telah mendapat keistimewaan laluan khusus ini dan adakah kementerian memantau perkembangan mereka-mereka ini supaya kita tahu suntikan modal yang kita berikan kepada sekolah-sekolah sukan itu sebenarnya berbaloi. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kelana Jaya.

4.48 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkit tentang Butiran 020000 – Pendidikan Rendah dan Menengah, dikaitkan dengan Butiran 020100 - Pengurusan Sekolah dan Butiran 020300 - Pendidikan Rendah dan juga dalam maksud pembangunan Butiran 03501 - Ubahsuai Naik Taraf Rendah.

Tuan Pengerusi, isu yang pertama tentang urusan penggredan semula sekolah. Penggredan sekolah dilaksanakan setiap tiga tahun sekali. Urusan penggredan sekolah ini yang terakhir dilakukan adalah pada November 2001. Maksudnya sampai sekarang tidak ada penggredan mula dilakukan lagi. Perkara ini saya telah bawa selama tiga tahun berturut-turut khususnya bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ching Yuan Subang Jaya.

Tuan Pengerusi, sekolah ini masih dalam gred B dan tahun ini bilangan pelajar adalah 2,117 orang, tahun depan diluluskan oleh Jabatan Pelajaran ialah 2,500 pelajar, tapi masih gred B. Tahun lepas apabila saya bangkitkan semula perkara ini, Timbalan Menteri sendiri menjawab bahawa sekolah ini telah pun dimasukkan ke dalam senarai permohonan kementerian ke JPA untuk diubah status gred sekolah, tapi sampai sekarang tak ada berita lagi. Apakah yang berlaku setelah dilaporkan ke kementerian atau di jabatan ataupun di JPA? Sama juga berlaku di sekolah pada tahun ini, iaitu sekolah dua sesi. Sebelum dibenarkan membuat dua sesi, sekolah telah pun memohon untuk mewujudkan jawatan penyelia petang.

■1550

Namun, sampai sekarang tidak ada penyelia petang, tahun hadapan pun tidak tahu macam mana. Tahun hadapan pun dua sesi juga Tuan Pengerusi. Saya minta agar pihak kementerian dapat melaksanakan dengan secepatnya tentang hal ini. Keduanya tentang Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Seapark saya dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Kerja Daerah bahawa kementerian akan dipanggil untuk membina sekolah tersebut yang hanya mempunyai 10 bilik darjah. Tuan Pengerusi, tapak sekolah ini terletak di Kampung

Lindungan PJS 6 di mana kawasan tersebut kawasan Desa Mentari, Desa Ria, Bandar Sunway, dan sebagainya mempunyai populasi masyarakat India yang agak tinggi.

Anggaran bahawa lebih daripada tiga ribu buah keluarga India. Hanya dibina 10 bilik darjah, saya rasa ini tidak munasabah. Walaupun ia dibina di atas tapak satu ekar sahaja. Apabila saya tanya soalan ini, pihak Kementerian Pelajaran tidak dapat jawab soalan saya dalam mesyuarat tersebut bahawa tidak diluluskan atau tidak dilihat oleh pihak Jabatan Pelajaran tentang spesifikasi yang ditentukan. Apakah ini adalah ditentukan mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran. Di mana saya cadangkan untuk membina 24 bilik darjah dan kemudahan-kemudahan yang lain mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh pihak kementerian. Saya minta agar perkara ini dapat dilihat semula dan diteliti oleh pihak kementerian yang berkaitan.

Ketiga, Sekolah Kebangsaan Kampung Lindungan, PJS 10. Saya bangkitkan hal ini dalam di peringkat Jawatankuasa Kementerian Kerja Raya tetapi dia kata rujuk balik kepada Kementerian Pelajaran kerana ini adalah projek Kementerian Pelajaran. Sekolah Kebangsaan Kampung Lindungan PJS10 Tuan Pengerusi, pembinaan sekolah ini telah dilanjutkan dua kali tempohnya dan telah siap tahun lepas bulan Ogos. Apabila siap sekolah tersebut, pihak sekolah dan ibu bapa telah berjumpa dengan saya merayu agar mendapatkan peruntukan tambahan untuk membaik pulih padang sekolah. Tahun ini sukan diadakan di atas gelanggang sepak takraw dan tapak badminton. Bukannya di atas padang sekolah, kerana padang sekolah tidak boleh dipakai.

Maka kita mencadangkan untuk menjemput pihak Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri Setiausaha Parlimen dan juga Setiausaha Kementerian untuk merasmikan sekolah bukan sahaja untuk merasmikan sekolah tetapi merasmikan padang sekolah tersebut di mana mengadakan satu perlawanan persahabatan di antara anggota pentadbiran dengan ketua pengarah dan juga pegawai-pegawai kementerian dan juga kontraktor yang berkaitan supaya adakan satu perlawanan persahabatan di situ. Macam mana padang sekolah di situ. Haraplah perkara ini dapat diambil perhatian.

Perkara tentang pendidikan khas Tuan Pengerusi, 030200 yang juga 01300 - Pendidikan Khas. Sekarang ini setiap guru pendidikan khas sekolah-sekolah telah diberi elaun tambahan RM250 sebulan. Tahniah dan syabas, kerana memanglah pendidikan khas ini merupakan satu perkara yang susah kerana kena mendidik dan membimbing kanak-kanak istimewa. Saya minta agar elaun RM250 ini juga diberikan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah kanak-kanak pekak. Ini kerana mereka juga memerlukan *skill* kemahiran yang tertentu dan mereka lebih pakar dalam hal ini. Maka saya minta agar guru-guru pendidikan khas di Sekolah Kanak-Kanak Pekak Selangor juga diberikan elaun tersebut. Sehingga sekarang tidak ada elaun yang diberikan kepada mereka.

Tentang yuran khas, pengurusan sekolah, yuran khas di mana kita telah dimaklumkan bahawa yuran khas untuk sekolah rendah RM4.50 dan sekolah menengah RM9 akan dimansuhkan mulai tahun hadapan. Ini bermaksud pembiayaan untuk aktiviti peralatan sekolah, perpustakaan, seni lukis dan pertukangan tangan akan ditanggung sepenuhnya oleh kementerian melalui geran berkapita PCG. Saya hendak tanya, oleh kerana tanggungan yang lebih apakah kadar PCG akan dinaikkan untuk diberikan kepada sekolah, ini yang pertama. Keduanya, apakah kadar PCG untuk sekolah luar bandar, sekolah kurang murid akan diberi lebih berbanding dengan sekolah-sekolah yang lain kerana mereka memerlukan lebih banyak perbelanjaan.

Sehubungan dengan perkara itu juga Tuan Pengerusi, bayaran tambahan telah pun diumumkan oleh pihak kementerian dan yang mengelirukan masyarakat ialah tentang bayaran tambahan ialah tentang kertas ujian dalaman, sukan tahunan sekolah dan juga skim perlindungan diri dan MSSM. Persoalannya ialah pertama, adanya pakej yang berlainan, apakah kos bekalan kertas ujian ini di kawasan luar bandar dan kawasan bandar itu berlainan kosnya. Maka perlulah ada pakej-pakej yang berlainan, itu yang pertama. Keduanya, skim perlindungan insurans dan MSSM. Kita hendak tanya mengapa semuanya sama, ada yang katakan di bandar risiko lebih tinggi, maka perlu lebih tinggi. Maka apakah adakan kadar bayaran yang berlainan, termasuk juga yuran MSSM.

Tuan Pengerusi: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tentang ini sebab peluang kemudahan latihan untuk pelajar luar bandar dan bandar berlainan, mengapa yuran ini sama sahaja untuk semua? Maka saya minta agar pihak kementerian dapat melihat semula perkara ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ialah tentang pengurusan buku teks. Saya minta agar pihak kementerian dapat memberikan buku teks sama rata dan semua dibekalkan kepada semua sekolah, sama ada sekolah bandar kerajaan seperti mana yang dijanjikan termasuklah buku teks untuk mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa-bahasa yang berkaitan, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kuala Langat.

3.56 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. 040600 - Naziran Institusi Pendidikan. Di England, Yang Berhormat pun belajar di sana dahulu. Pada setiap tahun masyarakat akan tertunggu-tunggu laporan tahunan daripada nazir-nazir hasil daripada lawatan-lawatan mereka ke sekolah dan ini akan dibentangkan dan akan dibincangkan serta diambil berat oleh pihak kerajaan untuk membaik pulih membaiki sistem dan isi kandungan kurikulum laporan nazir itu. Adakah perkara ini berlaku di kementerian kita ataupun di negara kita.

Keduanya ialah mengenai 020500 - Pendidikan Sekolah Berasrama Penuh, bila agaknya Sekolah Menengah Asrama Penuh Bestari akan dimulakan di Kuala Langat, kawasan saya ada banyak sekolah rendah tetapi bila hendak pergi ke sekolah menengah mana yang orang cerdik-cerdik itu akan dihantar ke Kuala Selangor ataupun Hulu Selangor kerana tidak ada lagi sekolah menengah Asrama Penuh Bestari. Ini telah dijanjikan oleh menteri dan kita harap perkara ini dapat diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

030400 - Pendidikan Islam dan Moral, apakah keberkesanan pendidikan Islam dan Moral di sekolah sedangkan penghayatannya tidak nampak yang ditonjolkan oleh murid-murid sekolah kita. Jadi kita harap dapat tengok semula metodologi, pedagogi dan kreativiti ustaz dan ustazah kita di sekolah.

020100 - Pengurusan Sekolah. Setiap tahun dan setiap hari ramai daripada pengetua dan guru besar datang berjumpa dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan peruntukan. Di Kuala Langat saya telah bagi sejumlah peruntukan kepada PPD untuk diagih-agihkan, tetapi nampaknya ramai juga pengetua lagi yang datang berjumpa dengan saya untuk minta peruntukan. Jadi boleh ke tidak sejenis peruntukan akan disalurkan kepada PPD untuk dapat diberikan untuk sekolah-sekolah yang diperlukan.

020700 - Pendidikan Guru dan menaik taraf maktab kepada institusi perguruan. Saya bersetuju dengan Sungai Petani dan Lipis bahawa pensyarah itu di takuk lama dan kita hendak menaikkan taraf kepada *degree* kepada anak-anak murid kita, bakal-bakal guru. Jadi kita harapkan supaya tengok balik supaya dapat pengiktirafan dan penarafan daripada institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara.

Kalau mereka dapat *bachelor degree* tetapi apabila hendak menyambung peringkat sarjana atau *master* mereka terpaksa balik kepada diploma, jadi ini satu masalah yang besar kerana tidak ada penarafan dan pengiktirafan kerana di institusi perguruan ini tidak ada *senate* dan sebagainya.

Akhir sekali ialah mengenai 1210 - Pendidikan Kokurikulum. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah mengisytiharkan bahawa setiap orang akan diberi uniform *free* di sekolah. Ini kerana sekarang pun kita menitikberatkan kokurikulum sebagai 10 peratus untuk memasuki institut pengajian tinggi. Jadi kita berharap supaya di sekolah-sekolah supaya pengetua-pengetua tidak menukarkan guru-guru kokurikulum ini sewenang-wenangnyanya. Saya telah pergi institut perguruan dan maktab perguruan.

■1600

Saya nampak ramai daripada mereka membuat opsyen kokurikulum mengenai *scout* ataupun pengakap, tapi apa yang saya tahu apabila pergi ke sekolah, pengakap sudah bagus berjalan pengetua akan minta guru yang berkenaan pergi pula ke Bulan Sabit Merah ataupun ke badan uniform yang lain.

Kita harapkan kalau misalnya opsyen mereka sebagai pengakap, kita harapkan mereka apabila sampai ke sekolah akan menjadi pembimbing pengakap di sekolah. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Kepong.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kepong tekan *mic*, tak dengar.

4.01 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya sudah tekan. Halaman 454, 060000 - Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya berulang kali sudah bangkitkan masalah istilah bertahun-tahun sudah mengenai DBP. Kali ini Yang Berhormat Gerik pun menimbulkan kontroversi pula. Walau bagaimanapun saya ada menggunakan kemudahan DBP dan saya akuilah kerana memang DBP ada berikhtiar untuk mewujudkan satu perkhidmatan untuk bahasa dan pustaka. Walau bagaimanapun, memang timbul kelemahan.

Kalau Pengarah DBP kata kita semua mesti mengkaji dengan teliti, bercakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar. Saya pun menyeru supaya DBP mengkaji di mana adakah kecacatan dan kelemahan. Lancar kaji kerana diulang, pasar jalan kerana diturut. Sukar kaji pada orang alim, sukar wang pada orang kaya.

Memang dari segi istilah susahlah bagi dalam percakapan kita walaupun kita ada saya, kita ada aku, hamba dan sebagainya, tapi dalam percakapan pun kita gunakan 'I' pula. Walau bagaimanapun, dalam bahasa rasmi sama ada papan tanda ataupun buku-buku penyata rasmi kerajaan, kita mesti memastikan bahasa yang digunakan itu adalah tepat, jitu dan persis. Ini memang satu perkara yang penting.

Tuan Pengerusi, di halaman 451 Butiran Pengurusan Kementerian Program 010500 – Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Saya sering bangkitkan masalah 88 Sekolah Bestari. Sekarang kita tidak nampak pihak kementerian yang menyebutkan Sekolah Bestari. Saya nampak ada disebutkan School-Net pula. Saya pun tidak begitu faham sekarang kerana kita seperti yang disebutkan kita ada 88 buah sekolah yang ditetapkan untuk memajukan ICT kita dengan pelbagai aplikasi termasuk e-pembelajaran, video *streaming*, web TV dan pelbagai kandungan dan sebagainya.

Di sinilah dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, saya berharap pihak Kementerian Pelajaran dapat memastikan di dalam masa yang singkat semua sekolah 10,000 jumlahnya dapat jalur lebar. Saya diberitahu bahawa sekarang 1 Mbps-128Kbps

download dan *upload* dan hendak mempertingkatkan lagi dan di dalam hal ini 88 buah Sekolah Bestari akan mempertingkatkan ICT ini pada bulan Julai 2008.

Yang penting sekali bukan sahaja 88 buah sekolah, apa yang akan dibuat dengan 9,739 sekolah lagi? Saya berharap pihak kementerian dapat mengambil tindakan, berusaha untuk melengkapkan semua sekolah sebagai Sekolah Bestari. Kalau boleh beritahu setakat mana School-Net ini sama dengan Sekolah Bestari dan ditambah pula dengan kawasan-kawasan yang tidak ada bekalan elektrik 24 jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap lima minit. Berapa minit lagi diperlukan?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kalau ikut apa yang saya ada di sini mungkin 15 minit pun tidak boleh habis tapi saya akan akur.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak baguslah, satu contoh yang baik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya akan memendekkan masalah ini. Sebab kita bersama-sama menghadapi masalah yang banyak. Maklumlah Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan RM29.5 bilion, bukan main yang terbesar sekali.

Halaman 452, 020000 – Pendidikan Rendah dan Menengah, termasuklah program 020700 – Pendidikan Guru. Di sini seperti Kubang Kerian yuran sekolah, kerana tidak ada yuran sekarang. Semualah kita bersama-sama menyampaikan kerana bukan sahaja di Kubang Kerian bahkan juga di Tangga Batu, Kota Melaka semua kawasan kita menghadapi masalah yang sama. Di sini, yuran sekolah menengah [*Merujuk kepada senarai pembelian*] banyak, keperluan yang mesti dibeli, RM19.90 dan juga sumbangan kepada PIBG dan sebagainya RM82 dan beli dari kedai Ko-op RM43.20 dan bagi lelaki bukan Islam RM143.40, bagi lelaki Islam RM153.40, perempuan bagi pelajar Islam RM100...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dan lain-lain Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, saya bersetuju dan lain-lain. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kepada semua 10,000 sekolah kita ini macam mana kita dapat menangani masalah yuran sekolah sekarang ini kerana tidak ada yuran dan bagi ibu bapa yang miskin macam mana kita dapat menyelesaikan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, mengenai guru. Saya sering kali bertanya kepada kementerian mengenai keadaan guru sekarang kerana kita hendak mempertingkatkan kedudukan dan martabat guru kerana guru adalah yang terpenting sekali di dalam sesebuah negara dan mesti dihormati. Kita menghadapi masalah kerana ada sesetengah ibu bapa tidak menghormati kepada guru dan ini memang satu suasana yang tidak sihat dan kita bersama-sama berikhtiar untuk mengatasi masalah ini. Ini termasuklah pengambilan calon untuk 27 Institusi Pendidikan Guru (IPG) sekarang.

Saya diberitahu bahawa kalau hendak masuk ke IPG, kita mesti jadi warganegara Malaysia, berumur tidak melebihi 20 tahun, mempunyai kelayakan akademik dengan mendapat

enam kepujian di peringkat SPM dan memenuhi semua syarat. Pendek kata, di dalam pemilihan calon kita pun kita ada ujian khas, ujian bertulis bahasa Inggeris, inventori sahsiah guru, insak, temu duga dan sebagainya. Dalam tempoh tiga tahun lagi, 2010 kita akan mengadakan 220,170 orang untuk sekolah rendah dan 151,980 orang untuk sekolah menengah.

■1610

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini memang saya alu-alukanlah. Kita hendak tambah bilangan guru tetapi kita mesti memastikan menentukan bahawa semua calon yang diambil ialah calon-calon yang memang sesuai untuk menjadi guru kerana kita hendak masyarakat, semua ibu bapa menghormati guru. Kita memastikan kemudahan yang cukup, gaji untuk guru pun cukup, perangai dan sahsiah guru pun sempurna, itulah cara...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Cukuplah, saya mematuhi, mengakuri kepada arahan Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Berapa ramai lagi? Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, ramailah. Kota Melaka. Cuma saya mintalah ringkas supaya saya boleh membenarkan semua dapat berucaplah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kepong bila cakap perangai pandang Tangga Batu, tidak betullah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah.

4.11 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 020800 - Perkembangan Kurikulum. Tuan Pengerusi, saya nampak, saya lihat, saya rasa PPSMI sebenarnya ia tidak membawa kesan dan juga manfaat seperti mana yang dihasratkan oleh pihak kerajaan pada mulanya. Saya dapati walaupun pada masa ini kita teruskan PPSMI tetapi dari segi kajian saintifik yang menilai PPSMI ini, saya difahamkan belum ada lagi. *Feedback* daripada golongan pendidik-pendidik, saya difahamkan mereka rasa ia tidak mencapai satu kesan yang bagus kerana guru-guru yang mengajar dalam Sains dan Matematik mereka sendiri bukan khusus dalam bahasa Inggeris.

Pada masa yang sama murid-murid pun ada masalah untuk memahami konsep-konsep Sains dan juga konsep-konsep Matematik. Jadi Tuan Pengerusi, saya percayalah bahawa jika kita ingin meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar dalam negara kita, ada cara-cara yang lebih baik. Ini termasuklah kita boleh melatih guru-guru yang khusus dalam bahasa Inggeris dan kita boleh meningkatkan ataupun menambahkan masa kelas untuk pembelajaran bahasa Inggeris secara langsung dan juga kita boleh tentukan syarat bahawa

bahasa Inggeris haruslah menjadi satu mata pelajaran yang wajib mendapat kredit sebelum boleh masuk ke universiti.

Saya rasa dengan cara-cara ini barulah kita dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris secara langsung tetapi bukan secara PPSMI yang saya rasa kesannya adalah tidak seberapa jika dibandingkan dengan hasrat asal pihak kerajaan. Jadi saya haraplah Tuan Pengerusi supaya pihak kementerian akan mengambil kira perkara-perkara ini dan jika boleh kita mansuhkan sahaja PPSMI untuk kebaikan murid-murid kita. Daripada penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantara dalam pembelajaran dan pelajaran Sains dan Matematik dan kita berbalik kepada penggunaan bahasa ibunda bagi sekolah-sekolah kita terutama sekali sekolah rendah.

Selanjutnya Tuan Pengerusi saya ingin merujuk kepada Butiran 030200 di bawah tajuk Pendidikan Khas. Saya lihat bahawa anggaran 2007 lebih kurang RM100 juta lebih tetapi anggaran 2008 dia jatuh pula jadi RM72 juta lebih, kurang RM28 juta. Saya ingin tahu mengapa dan saya ingin tanya kementerian juga berapa orang guru yang telah pun dilatih khas untuk pendidikan khas dan juga pada masa kini, apakah nisbah guru dan juga pelajar-pelajar istimewa dalam negara kita? Pada masa yang sama Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan.

Dari segi pendidikan makro memang kita memberikan pendidikan yang banyak kepada generasi muda kita termasuk juga pendidikan khas tetapi dari segi mikro pendidikan Tuan Pengerusi, saya cuma ingin ketengahkan kepada pihak kementerian bahawa kita ada skim baucar tuisyen, ada program makanan tambahan dan sebagainya. Akan tetapi pada masa yang sama dari segi mikro pendidikan terutama sekali dalam pendidikan khas, saya difahamkan bagi sesetengah keluarga yang miskin walaupun dalam bandar tetapi kita sedia maklum bukan semua sekolah dalam negara kita yang memberikan kelas Pendidikan Khas.

Jadi bagi sesetengah keluarga yang cukup miskin, mereka mempunyai masalah untuk menghantar anak-anak istimewa itu ke sekolah-sekolah untuk menghadiri kelas Pendidikan Khas. Saya pernah bertemu dengan seorang bapa dan beliau mempunyai seorang anak istimewa perempuan, sudah 10 tahun tetapi dia tidak hantar anaknya ke sekolah yang ada kelas Pendidikan Khas kerana dia tidak mampu. Jadi saya rasa dari segi itu jika Kementerian Pelajaran telah pun memberi baucar untuk tuisyen, program makanan tambahan, bagaimana pula kita wujudkan satu subsidi untuk golongan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: ...Ya untuk golongan pendidikan khas ini iaitu kita memberikan subsidi pengangkutan kepada anak-anak istimewa ini untuk mengikuti Pendidikan Khas. Dua minit lagi Tuan Pengerusi. Satu perkara lagi Butiran P.41, 01100 di bawah tajuk Bantuan Modal. Saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan, saya tahu sekolah bantuan modal dan sekolah kerajaan ini memang merunsingkan warga-warga kita terutama sekali ibu bapa yang

menghantar anak-anak ke sekolah bantuan modal. Saya difahamkan RM20 juta diberikan untuk tahun 2008 tetapi banyak masalah dari segi fizikal anai-anai dan sebagainya.

Kita memerlukan bantuan ini tetapi dari segi polisi, saya haraplah supaya kita boleh diselesaikan perbezaan antara bantuan modal dengan sekolah kerajaan. Saya tahu satu masalah yang cukup rumit iaitu pasal soal hak milik tanah tetapi saya rasa jika ada satu keinginan kita tentunya ada satu caranya seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu dulu, *'if there is a will, there is a way'*, dengan izin. Jadi saya percaya kita boleh meminda Kanun Tanah Negara, Tuan Pengerusi. Kita boleh meminda Kanun Tanah Negara yang pada masa kini ada tiga kategori, bangunan, pertanian dan industri.

Kita boleh masukkan satu kategori untuk kategori sekolah iaitu kita boleh masih kekalkan lagi hak milik bagi swasta tetapi dari segi penggunaan itu dia hanya tersekat kepada sekolah sahaja. Jika dia hendak jual pada satu hari nanti dia hanya boleh jual kepada pihak kerajaan sahaja. Kita tentukan satu formula supaya segala perbelanjaan ataupun pelaburan yang telah pun dibuat ke dalam pembangunan fizikal bangunan dan juga tanah itu harus diambil kira pada harga beli pada ketika itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Jadi saya rasa ini merupakan satu cara yang boleh kita menyelesaikan masalah perbezaan bantuan modal dan juga sekolah kerajaan yang sentiasa merunsingkan ibu bapa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

4.18 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 - Pengurusan Sekolah sebagaimana yang kawan-kawan yang lain timbulkan mengenai yuran sekolah. Saya memahami bajet telah dibentangkan dan kita mendapat pendidikan percuma untuk semua. Cuma yang menghairankan saya dan rata-rata PIBG di dalam kawasan saya menyatakan bahawa contoh sekolah kebangsaan, yuran sekolah, yuran khas telah dimansuhkan RM4.50 dan semuanya dibayar pada tahun ini RM14.30 tetapi mengikut pekeliling setelah ditolak dengan RM4.50 bayaran yuran khas masih lagi tinggi iaitu sejumlah RM23.50 bagi pakej C.

Walaupun dikatakan pihak sekolah ia tidak diwajibkan kepada penjaga-penjaga tetapi kalau tidak dibayar di manakah wang ini untuk dibelanjakan bagi ko-kurikulum, kertas ujian dalaman, sukan tahunan, kegiatan pendidikan moral dan juga pendidikan Islam juga skim perlindungan diri dan juga MSSN. Begitu juga di sekolah menengah, walaupun dimansuhkan yuran khas RM9.00 tetapi masih lagi tinggi.

Kalau pada tahun ini contohnya dibayar RM41 tetapi kalau setelah ditolak RM9.00 yuran khas masih lagi tinggi bagi pakej B iaitu RM44.50. Jadi ada juga kenaikan dan yuran-yuran tambahan ini perlu juga dibayar untuk meningkatkan dan mengadakan aktiviti-aktiviti sekolah.

■ 1620

Saya juga ingin tahu dikatakan Pendidikan Islam dan Moral ini sejumlah RM8 bagi sekolah menengah, ini hendaklah diserahkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan adakah perkara ini benar dan tidak boleh diguna pakai di peringkat sekolah.

Yang seterusnya mengenai pendidikan rendah dan juga pendidikan menengah iaitu 020300, 020400 bagi Kajian Separuh Penggal sebagaimana yang lazimnya saya memohon supaya sebuah sekolah, Sekolah Kebangsaan Gunung Senyum diberikan sekolah baru. Tapak yang baru telah dihantar supaya dapat dibina. Juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sungai Mal di Jenderak di Kuala Krau yang ingin berpindah kerana mereka tidak lagi duduk di estet, duduk di taman, di bandar, di pekan dan mereka terpaksa dari pekan dan bandar ini terpaksa masuk semula ke estet dengan keadaan prasarana yang teruk, kemudahan jalan raya tidak ada dan saya mohon perkara ini dapat dilakukan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang ketiganya, Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau 2 iaitu pendidikan menengah – tapak telah dikenal pasti dan masih lagi supaya dapat dibina di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Di sebuah sekolah, dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Jengka 16 serta surau sangat perlu kerana sekolah ini menunjukkan prestasi yang cukup cemerlang di dalam bidang pelajaran.

Saya juga mencadangkan bagi pelajar-pelajar yang begitu pintar, yang genius seperti Adi Putra ini dan rakan-rakan yang lain dibina atau diwujudkan satu sekolah yang khas bagi mereka dan kepintaran mereka ini tidak sia-sia. Saya tengok Adi Putra sekarang ini berjalan ke sana ke sini membuat jampi air dan sebagainya kepada orang, bagi minum dan ini merugikan kepada aset negara kita dengan kepintaran dia supaya dapat memberikan fokus kepada kepintaran dan kita tidak kehilangan aset yang penting.

Satu perkara tentang disiplin. Disiplin sebagaimana yang telah banyak kali diberikan jawapan oleh kementerian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mencadangkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung. Sila gulung.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya jawatankuasa apa pun yang hendak dibentuk mestilah mempunyai kuasa undang-undang, pertama. Yang keduanya, kuasa undang-undang ini dan undang-undang ini boleh dikuatkuasakan. Yang ketiganya, yang menguat kuasa ini diberikan perlindungan di bawah undang-undang supaya mereka boleh menjalankan tugas tanpa risau dan sebagainya.

Yang terakhirnya, Tuan Pengerusi, pendidikan sukan, saya ingin bertanya setelah diwujudkan pendidikan sukan, sekolah-sekolah sukan dan sebagainya, sejauh manakah dapat

membantu negara di dalam melahirkan olahraga-olahraga dan ahli-ahli sukan di dalam negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Bera, sila.

4.23 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak kementerian, terutamanya Yang Berhormat Menteri kerana meluluskan sekolah berasrama penuh sukan di Bera dan diharap perkara ini dapat disegerakan.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 020200 – Pendidikan Prasekolah, 030200 – Sekolah Khas, 020300 dan 020400 – Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian dari segi dasar umur kemasukan ke prasekolah kerajaan. Setahu saya umur untuk masuk ke prasekolah adalah 6 tahun, sedangkan 5 tahun pihak prasekolah tidak menerimanya dan 5 tahun sepatutnya mereka dihantar ke Tadika KEMAS.

Walau bagaimanapun, terdapat banyak sekolah yang menerima pelajar-pelajar berumur kurang daripada 6 tahun iaitu 5 tahun dan juga 4 tahun. Ini telah menyebabkan KEMAS kekurangan murid. Di tempat saya ada dua Tadika KEMAS. Oleh kerana prasekolah mengambil murid-murid yang berumur 5 tahun dan 4 tahun menyebabkan Tadika KEMAS tersebut mungkin akan ditutup kerana kekurangan murid. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat, apa sebenarnya dasar dari segi umur tadi.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya kalau mencelah, takut tidak cukup masa, kan Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey. Mengenai yuran. Rata-rata bercakap mengenai yuran sekolah rendah dan sekolah menengah kerana ada yuran percuma. Mungkin kita lupa prasekolah juga membayar yuran. Saya tidak tahu sama ada yuran tersebut percuma atau tidak untuk yang RM4.50 tadi, tetapi mungkin kita lupa pada yuran di sekolah untuk prasekolah. Saya dapat satu sekolah untuk yuran prasekolah. Yurannya setinggi RM210, Tuan Pengerusi. Sekolahnya di Taman Selayang.

Semua – gambar semasa konvokesyen pun kena bayar di peringkat awal, baju *tracksuit* untuk negeri ada, untuk daerah ada, sumbangan derma sampai RM50. Jadi mungkin fokus kita kepada sekolah menengah dan sekolah rendah, tetapi prasekolah sepatutnya tidak membayar apa-apa terpaksa membayar sebanyak RM210. Saya hendak tahu siapa yang menentukan bayaran ini – adakah PIBG ataupun pihak kementerian. Jadi saya harap Yang Berhormat dapat memberikan pertimbangan kepada ini.

Seterusnya ialah mengenai kanak-kanak istimewa. Kanak-kanak istimewa di peringkat prasekolah, adakah mereka boleh diterima di sekolah-sekolah pendidikan khas sebab daripada surat ini, daripada surat sekolah di Taman Selayang ini, ada satu ayat mengatakan, "Sekiranya anak jagaan tuan/puan didapati tidak sempurna mana-mana anggota iaitu cacat, maka pihak kami akan menarik balik keputusan tersebut iaitu keputusan menawarkan anak dia masuk ke sekolah iaitu prasekolah." Bermakna prasekolah biasa tidak menerima anak-anak istimewa. Jadi soalnya, ke mana anak-anak istimewa yang belum layak ke sekolah hendak belajar kerana sekolah ini tidak menerima mereka.

Satu lagi ialah mengenai dari segi sekolah-sekolah pendidikan khas. Saya hendak tanya adakah sekolah mempunyai kelengkapan untuk anak-anak istimewa ini seperti tandas yang boleh digunakan oleh anak-anak istimewa – ada *railing* pergi ke kantin dan sebagainya.

Mengenai sekolah rendah dan sekolah menengah, Tuan Pengerusi, saya ingin tanya mengenai apakah cadangan pihak kementerian dari segi menyelesaikan masalah keciciran di kalangan anak Orang-orang Asli di kawasan pedalaman yang berselerak jauh daripada sekolah, terutamanya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup masa

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey. Terutamanya pelajar-pelajar yang awal persekolahan iaitu daripada Darjah 1 hingga Darjah 6. Tempat mereka jauh, Yang Berhormat dan kawasan mereka tidak cukup murid kalau hendak bina sekolah. Tempat mereka terlampau jauh. Hendak letakkan anak Orang Asli di asrama, kalau setakat umur 7, 8 tahun, tidak mungkin mereka akan tinggal di asrama. Jadi tidak boleh hendak duduk asrama sebab mereka terlalu muda. Takkan mereka mahu. Hendak buka sekolah di kampung mereka, tidak boleh kerana mereka terlampau sedikit. Hendak hantar, jauh dari segi perjalanannya, kawasan tidak ada *infra* yang cukup dan sebagainya. Saya hendak tanya, apakah cadangan pihak kementerian untuk menyelesaikan perkara ini.

Akhirnya, Yang Berhormat, saya hendak tahu apakah pihak kementerian tidak mempunyai peruntukan untuk kokurikulum, untuk ujian ataupun peperiksaan di sekolah-sekolah sebab daripada yuran seperti yang dibacakan itu tadi, bayaran tambahan di sekolah adalah kerana membayar kertas ujian peperiksaan, kerana membayar yuran untuk MSSN...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...kerana membayar kokurikulum. Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian tidak memperuntukkan geran ataupun peruntukan untuk perkara-perkara seperti ini. Kalau hendak periksa pun emak bapa kena tanggung sendiri. Jadi itulah persoalannya, Yang Berhormat. Dan akhir sekali...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa kali akhir, Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini akhir, akhir, akhir betullah. Akhir sekali, Yang Berhormat, ada dua sekolah jenis kebangsaan Tamil di tempat saya iaitu SJK(T) Ladang

Kemayan dan SJK(T) Ladang Gementri. Saya dimaklumkan peruntukannya sudah diluluskan untuk dua sekolah ini. Ianya sudah hampir dua tahun. Yang saya dengar sudah lulus tetapi peruntukannya belum ada lagi. Saya harap Yang Berhormat tolong tengok perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ledang.

4.30 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020000 – Pendidikan Rendah dan Menengah. Fasal yuran sudah, saya tidak sentuh lagi cuma kami hendak penjelasan supaya mudah kami menerangkan kepada anak-anak buah kami. Tentang pra-sekolah tambah sedikit iaitu yang saya faham pra-sekolah adalah untuk anak-anak daripada keluarga yang tidak mampu tetapi ada satu kes contohnya, katakanlah untuk keluarga yang tidak mampu, sebagai contoh pra-sekolah di Parit Bunga, Muar, Ledang. Anak kembar daripada keluarga yang sama, yang satu dapat masuk, yang satu tidak dapat masuk. Jadi kita tidak tahu apa kategori yang dipakai, bila merayu tidak dapat.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, yang penting sangat yang saya hendak sebutkan di sini ialah tentang laman web sekolah. Saya berpendapat bahawa oleh sebab laman web sekarang telah menjadi budaya bagi sekolah-sekolah, banyak sekolah-sekolah telah pun ada serta mewujudkan laman web masing-masing. Sudah sampai masanya Tuan Pengerusi laman web itu dikembangkan. Maknanya kita galakkan pelajar-pelajar bukan setakat membaca laman web tetapi mereka mampu berinteraksi dengan laman-laman web sekolah-sekolah di seluruh negara terutama sekolah-sekolah terutama MCKK, Sekolah Menengah Sains Shah Alam dan sebagainya. Boleh berinteraksi dengan sekolah-sekolah ternama di seluruh dunia, yang ini kita kena galakkan. Maknanya barulah laman web sekolah-sekolah ini sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah mampu mengembangkan atau mencambahkan buah fikiran yang bernas. Kita galakkan mereka menyatakan buah fikiran mereka dalam bentuk penulisan, inovasi mereka apa dia supaya kita benar-benar menggunakan laman web yang telah disediakan oleh sekolah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah baik. Tangga Batu.

4.31 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. 11 kali bangun Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa kali?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: 11 kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah dapat kira nasib baiklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Okey terima kasih Tuan Pengerusi. Nasib baik tak jadi yang terakhirlah. Tuan Pengerusi, 010100 – Dasar dan Korporat. Memandangkan masalah disiplin pelajar-pelajar begitu merudum sekali pada hari ini seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri semalam, saya kira ada satu kaedah lagi yang kita boleh ambil pendekatan iaitu dengan bagaimana untuk menyediakan ruang intervensi bagi pertumbuhan-pertumbuhan belia. Sejajar dengan akta yang baru ini, saya nampak pertumbuhan belia, gerakan-gerakan belia ini kalau kita buka ruang di sekolah-sekolah bagi pelajar-pelajar memahami apakah sebenarnya pendekatan kemasyarakatan yang boleh mereka dekati. Sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada pembangunan disiplin yang positif.

Yang kedua Tuan Pengerusi, 010400 – Pembangunan dan Perolehan. Tuan Pengerusi, saya tengok spesifikasi bangunan sekolah sekarang sudah bagus, lebih baik daripada sekolah-sekolah yang dibina pada tahun 70-an, tetapi kalau kita pergi ke sekolah-sekolah, ke tandas-tandas sekolah, ia tidak membayangkan bahawa pelajar-pelajar yang berada di sekolah itu satu hari nanti akan menjaga tandas awam dan sebagainya ke arah yang lebih baik seperti yang kita cerita-cerita tandas dunia kelas pertama. Tandas masih lagi menggunakan lepaan simen, jadi saya kira bolehlah kita *upgrade* spesifikasi tersebut kepada lepaan *tile* ataupun jubin bagi pelajar-pelajar boleh bersama-sama menyumbang merasakan yang tandas sekolah itu adalah tandas mereka dan perlu dijaga kebersihannya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, di bawah butiran yang sama saya rayu kepada pihak kementerian kalau boleh kita lihat di manakah boleh kita memberikan penekanan pengurusan kecemerlangan keselamatan pelajar-pelajar didedahkan lebih awal lagi tentang aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan supaya bila mereka keluar sekolah, masuk ke universiti kemudian bekerja, perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan kesihatan pekerjaan ini sudah ada di dalam darah daging mereka. Jadi ia telah menjadi satu yang *build in*. Tidak perlu lagi dididik oleh kementerian lain, mungkin ia sudah menjadi lewat.

Seterusnya Tuan Pengerusi, 020100 – Pengurusan Sekolah. Saya lihat hari ini Tuan Pengerusi terlampau banyak warna uniform. Memang benar kita memberikan tanggungjawab serta peranan kepada guru besar dan pengetua, tetapi kalau boleh pihak kementerian menghadkan supaya kalau ada pun dua jenis uniform sahaja. Hari ini orennya, kuningnya, hijaunya, ungunya, berbagai-bagai warna sehingga kadang-kadang anak-anak sekolah yang dewasa itu dah sama tarafnya dengan pekerja-pekerja industri bila mereka keluar sekolah dan balik bekerja. Jadi ini juga perlu dilihat oleh pihak kementerian dan boleh berikan satu garis panduan kepada pengetua-pengetua supaya menghadkan warna-warna uniform di sekolah yang mungkin juga menjejaskan perbelanjaan ataupun keupayaan ibu bapa untuk berbelanja bagi pengurusan sekolah anak-anak. Tuan Pengerusi, satu perkara lagi

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terakhirlah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: 030400 – Pemakaian Tudung Kepada Anak-anak Perempuan. Adakah ia menjadi satu peraturan yang mesti di sekolah? Kerana saya tengok kebanyakan sekolah tidak mengadakan peraturan tersebut tetapi anak-anak ini terikut-ikut dan guru-guru pula seolah-olah meletakkan satu kewajipan kepada anak-anak perempuan yang beragama Islam untuk memakai tudung. Yang tidak seronoknya, bila keluar sekolah, dia buka. Jadi sebenarnya bukan pemakaian tudung itu yang ditekankan, yang kita perlu tekankan ialah prinsip, pegangan kita, asas kefahaman kita kenapa perlu seseorang itu memakai tudung. Ini lebih penting di dalam memberikan penekanan kepada anak-anak muda kita Tuan Pengerusi.

Seterusnya Lembaga Peperiksaan, ini soalan-soalan bocor Tuan Pengerusi. Saya minta supaya Lembaga Peperiksaan mengadakan hubungan dengan pihak media, jangan cepat sangat masuk TV mengatakan soalan bocor kerana apabila anak-anak ini duduk peperiksaan, dia jadi *tension*. Dia takut kawan dia dah dapat soalan, dia takut orang sana dapat soalan, dan dia tidak dapat. Jadi bila duduk menghadap peperiksaan dalam keadaan tertekan, elok-elok boleh dapat cemerlang, jadi tembelang Tuan Pengerusi.

Akhir sekali, ini Tuan Pengerusi mungkin saya kira satu terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah menyediakan satu peruntukan RM1.6 juta kepada Sekolah Kebangsaan Cina Poh Lan di Parlimen Tangga Batu. Ada pula DAP datang seolah-olah nak menunjukkan mereka ini *champion* lah membela sekolah ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam beberapa hari yang lepas. Datang lima, enam orang membela kononnya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ucap terima kasihlah kerana kementerian telah memperuntukkan RM1.6 juta untuk membina bangunan baru. Keadaan sekolah itu agak buruk sekarang dengan anai-anai dah dimakan dan sebagainya. Jadi saya minta Yang Berhormat memberikan perhatian, ada 300 lebih anak murid, 10 orang guru dan mereka benar-benar menjadi lambang *multisociety* pada masyarakat di Tangga Batu. Jadi saya minta kementerian untuk memberikan perhatian kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Poh Lan. Ini bantuan penuh kerajaan, tanah telah diserahkan kepada kerajaan oleh pemilik tanah. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana ruang yang diberikan kepada saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

4.37 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada butiran 020300. Saya ingin mengutarakan satu isu di mana berlaku di kawasan saya iaitu Sekolah Kebangsaan Yong Peng. Saya dah berkali-kali di Dewan ini bercakap, pada 28 April itu dah berlaku di mana rusuk di dalam bilik darjah dah runtuh. Jadi sampai sekarang walaupun dijanjikan kos untuk memperbaiki RM60 ribu, saya dah bawa kali kedua tak silap saya, sampai sekarang disebabkan sekolah ini adalah sekolah bantuan modal, saya hairanlah. Kalau kerajaan kita ini nak memperkasakan sekolah kebangsaan, kasihan anak-anak murid Melayu ini, 90%

adalah pelajar-pelajar Melayu. Kenapa pula disebabkan statusnya sebagai sekolah bantuan modal, ia tidak dijaga?

Di mana perginya slogan kita untuk memperkasakan sekolah kebangsaan? Jadi saya minta supaya perkara ini disegerakan. Cuma 35 hari lagi kita akan menghadapi satu sesi persekolahan akan datang. Jadi saya tidak tahulah tiga bilik darjah boleh diguna pakai ataupun tetap dibiarkan sahaja. Saya minta supaya tindakan segera dapat diambil.

Kedua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah meluluskan perpindahan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yong Peng 2. Seperti mana yang telah dijanjikan peruntukan sebanyak RM4.3 juta kepada sekolah ini dan ia akan dilaksanakan pada tahun depan. Saya berharap oleh sebab banyak projek sekolah, ada yang tertunggak, dan saya berharap sangatlah supaya kementerian ini pada awal tahun depan dapat menyegerakan permulaan ataupun memulakan pembinaan SJKC Yong Peng 2 ini supaya dapat memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.

Satu perkara lagi yang telah disebut oleh rakan-rakan, saya tidak mengulanginya. Apa yang penting dalam dasar PPSMI, nampaknya respons dari masyarakat Cina, Melayu begitu hebat sekali. Mereka juga telah merayu kepada kerajaan supaya satu tindakan cepat diambil, untuk mengkaji semula keberkesanan PPSMI. Dalam konteks ini saya merayu kepada Kementerian Pelajaran, jangan kerana kita telah membuat satu keputusan dahulu, dan kini dalam peringkat kajian, kita takut untuk membuat keputusan.

Kalau sesuatu yang dibuat demi kebaikan anak-anak kita, saya rasa pengubahsuaian itu perlu dibuat dalam masa ini. Janganlah kita mengheret isu ini lama sangat kerana kita kena melihat keberkesanan PPSMI itu sendiri. Kita dah tahu untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris bukan sahaja menginggeriskan istilah sains atau matematik. Apa yang penting adalah untuk meningkatkan lagi mutu pembelajaran bahasa Inggeris itu sendiri.

■1640

Kita juga menghadapi masalah dari segi tenaga pengajar yang mahir dalam hal ini. Saya rasa kita perlu melakukan sesuatu, mesti ada satu anjakan paradigma dalam kes ini. Satu perkara lagi iaitu di bawah pendidikan menengah, saya juga merayu kepada pihak kementerian supaya melihat permohonan SMK iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Yong Peng sudah lama tertunggak. Saya pada mulanya mendapat surat daripada pembangunan negeri yang mengatakan RM3.5 juta disediakan untuk bangunan ini tetapi sampai sekarang ianya tidak dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya pun hairan kenapa senarai yang saya dapat berlainan dengan apa yang ada dalam kementerian.

Saya rasa Sekolah Menengah Kebangsaan Yong Peng yang selama ini merupakan sekolah yang terunggul di Yong Peng, sepatutnya diberi perhatian serius kerana kita lihat sekolah-sekolah ini sebenarnya telah dijaga dengan baik, pagar ditukar kemudian dipercantik dan diperindah dengan pelbagai kemudahan asas. Namun untuk Sekolah Menengah Kebangsaan

Yong Peng ini ianya terlalu uzur. Saya berharap supaya cadangan mereka untuk membina bilik darjah dapat disegerakan kerana bilik darjah ini adalah satu asas dalam sistem persekolahan kita.

Akhir sekali, saya memang setuju dengan apa yang telah dikatakan oleh kawan-kawan tadi tentang garis panduan pembayaran yuran. Walaupun kerajaan telah membuat keputusan pemansuhan yuran sekolah, tetapi apa yang nyata sekarang apabila kita melihat garis panduan itu yang dimansuhkan terlalu sedikit, yang dinaikkan begitu banyak. Jadi adakah kerajaan betul-betul komited dalam hal ini? Kalau kita komited keluarkan satu garis panduan kepada semua sekolah, supaya pemansuhan itu dalam erti sebenarnya memansuhkan dan tidak dengan cara meninggikan yuran yang lain, yuran MRSM dan sebagainya. Akhirnya ibu bapa itu menanggung bebanan yang lebih tinggi.

Saya rasa dalam konteks ini hasrat kerajaan itu kena sampai. Jangan satu hasrat yang baik itu akhirnya, oleh sebab dengan satu kenaikan dalam aspek yang lain ianya dianggap sebagai tipu helah daripada kerajaan. Saya rasa ini adalah soalan yang penting. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup. Yang Berhormat Kapit.

4.42 ptg.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.41 Kementerian Pelajaran di bawah Butiran 020200 – Pendidikan Pra sekolah.

Saya bersetuju dengan rakan-rakan lain bahawa Pendidikan Pra sekolah adalah yang amat penting bagi kita memajukan modal insan di negara kita. Dalam hal ini saya ingin mendesak Kementerian Pelajaran agar menyediakan kemudahan asrama bagi setiap pra sekolah yang ada di pedalaman negeri Sarawak. Mungkin pandangan saya agar berlainan dengan Yang Berhormat Bera tentang hal ini.

Tuan Pengerusi, walaupun ada kebimbangan di pihak Jabatan Pelajaran dan kementerian, bahawa murid pra sekolah adalah terlalu muda untuk dibiarkan tinggal di asrama. Saya lebih bimbang atas risiko mereka serta ibu bapa mereka hadapi setiap hari berulang alik dari rumah ke sekolah. Di pedalaman Sarawak masih banyak lagi sekolah hanya dapat dihubungi melalui sungai menggunakan perahu atau bot. Adalah terlalu besar risiko yang dihadapi oleh anak-anak muda pra sekolah setiap hari. Lebih dahsyat lagi di musim hujan, mereka terpaksa basah dan menaiki bot melawan arus sungai yang begitu kuat.

Tuan Pengerusi, kalau dibiarkan lama lagi saya bimbang ibu bapa-ibu bapa di luar Sarawak tidak lagi mahu menghantar anak-anak mereka ke pra sekolah di sana, dan ini akan merugikan mereka juga mengecewakan kerajaan yang sudah menyediakan dan mengharapkan

kejayaan dalam Program Pra Sekolah di luar bandar. Saya ingin penjelasan dari kementerian mengenai perkara ini, adakah kementerian sudah memikirkan bagaimana hendak membantu ibu bapa dan anak-anak murid pra sekolah di pedalaman Sarawak dalam hal ini.

Butiran kedua yang saya sentuh Butiran 020500 – Pendidikan Sekolah Berasrama Penuh yang berkaitan dengan Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Saya ingin penjelasan dari kementerian, ke manakah cadangan untuk membina sebuah sekolah rendah berasrama di Pekan Song sekarang? Sebab dalam jawapan Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran daripada sesi soal jawab lisan pada 6 November lalu, dalam jawapan beliau cadangan ini tidak termasuk dalam senarai dan tidak akan dilaksanakan.

Selama ini penduduk-penduduk di Pekan Song iaitu di kawasan Parlimen sayalah, telah dimaklumkan bahawa sebuah sekolah rendah kerajaan berasrama akan dibina untuk tujuan mengatasi kesesakan di sekolah Carina Von School (CVS) sebuah sekolah mubaligh yang hanya satu daripada dua buah sekolah. Sebuah lagi ialah Sekolah Cina Hee Wah, tidak ada sekolah kerajaan di Pekan Song. Baru-baru ini saya telah menemui pihak Jabatan Pelajaran di Daerah Song untuk memastikan tentang cadangan pembinaan sekolah baru ini. Saya diberitahu bahawa tapak untuk sekolah ini pun sudah didapati dan disediakan.

Soalan saya, sila beri keterangan apakah sebabnya jika ada pembinaan sekolah ini tidak akan dilaksanakan? Bagi saya sekolah ini amat diperlukan, mesti dilaksanakan secepat mungkin. Ini kerana kemudahan seperti ini di Pekan Song adalah yang sangat perlu untuk penduduk-penduduk di sana. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Maran.

4.46 ptg.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya nak sentuh beberapa perkara pertama, Butiran 020200 – Pendidikan Pra Sekolah. Saya nak menarik apa yang disebutkan oleh beberapa orang sahabat saya termasuk daripada Bera dan sebagainya. Sekarang kita dapati ada tiga agensi yang mengendalikan pendidikan asas anak-anak kita iaitu KEMAS dan juga Perpaduan.

Saya baru-baru ini ada perjumpaan dengan guru-guru KEMAS mereka telah melahirkan rasa gusar ataupun agar kurang senang hati di atas adanya pra sekolah di Kementerian Pelajaran ini. Saya minta supaya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian dalam perkara ini dan kalau boleh menyelaraskan, apakah tindakan alasan yang perlu dibuat supaya tidak timbul masalah kerjasama di antara guru-guru dalam KEMAS, Perpaduan dan juga pelajar ini.

Kedua Tuan Pengerusi, ialah pendidikan rendah. Di kawasan saya Parlimen Maran, terdapat banyak sekolah rendah dan enam buah lebih kurang daripada sekolah ini adalah sekolah-sekolah yang kurang murid. Baru-baru ini kita menghujahkan masalah kelebihan

pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di bandar dan juga pinggir bandar sehingga tidak muat kelas dan sebagainya.

Saya nak mencadangkan sebenarnya sekolah luar bandar boleh dinaikkan prestasi mereka. Saya baru-baru ini Tuan Pengerusi, telah membuat 'Gerak Gempur Kecemerlangan Pendidikan' di kawasan saya dalam UPSR. Kita telah dapat menaikkan satu sekolah di luar bandar mencapai sekolah yang terbaik di kawasan Parlimen Maran dalam UPSR. Maran pada tahun ini, dalam peperiksaan UPSR adalah daerah yang paling baik dalam negeri Pahang di kalangan 14 buah. Ini bermakna kalau kita memberikan kemudahan yang cukup, guru yang berkualiti dan juga perkara-perkara lain yang baik kepada sekolah-sekolah di luar bandar ini, saya yakin bahawa sekolah-sekolah ini juga boleh membuktikan keupayaan mereka bukan sahaja sekolah di bandar-bandar. Saya minta supaya Kementerian Pelajaran memberikan perhatian yang serius bagi meningkatkan prestasi pelajar-pelajar di sekolah rendah ini.

Berikutnya Tuan Pengerusi ialah Sekolah Menengah Maran, saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada di sini supaya memberikan perhatian. Sekolah Menengah Maran 1 ini sekolah yang agak lama di Maran tertua. Sehingga ke hari ini sekolah ini tidak mempunyai dewan khas, yang perlu digunakan oleh pelajar-pelajar, guru-guru bagi mengadakan apa juga perjumpaan sehingga mereka terpaksa menyewa Dewan Budaya, Dewan Jubli Perak Maran dan sebagainya. Saya harap, kalau kita hendak memberikan peningkatan kualiti pendidikan yang baik pada sekolah-sekolah ini, saya mohon supaya kementerian dapat menimbangkan semula...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ...sebuah bangunan baru. Mohon sedikit Tuan Pengerusi, saya biasa diberi peluang agar singkat. Berikutnya ialah Butiran 020500 - Sekolah Asrama Penuh. Saya minta di Maran, Timbalan Menteri dizonkan pendidikan, tetapi dari segi kemudahan pendidikan cukup terhad. Kita tidak ada sekolah asrama penuh, tidak ada universiti, tidak ada maktab dan sebagainya. Saya minta supaya kerajaan mencadangkan bina sebuah sekolah berasrama penuh di kawasan Maran ini.

Berikutnya ialah Tuan Pengerusi, Pendidikan Khas. Saya perhatikan ramai anak-anak kita yang 'istimewa' ini belajar di sekolah-sekolah biasa. Terima kasih kepada kementerian kerana memberikan perhatian.

■1650

Saya hendak bertanya kepada kementerian, berapakah jumlah semua pelajar khasnya yang berada di negara kita dan saya hendak fokuskan negeri Pahang. Yang ketiga ialah berapakah ramai di Maran ini? Saya perhatikan mereka ini ditempatkan di sekolah-sekolah biasa sahaja. Di sekolah Maran, Jengka dan sebagainya. Saya hendak mencadangkan kalau boleh binalah sebuah sekolah khas untuk mereka ini dengan pelbagai kemudahan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ...cukup baik dan sebagainya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ialah Lembaga Peperiksaan. Saya dapat maklumat Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada sebahagian daripada guru-guru kita yang terlibat dan sebagai pemeriksa, sebagai penggubal soalan-soalan ini, sebenarnya kerja mereka bukan sahaja hendak menolong kerajaan tetapi hendak mencari sedikit pendapatan. Akibatnya ada sebahagian daripada mereka ini mungkin tidak jujur dalam menjalankan pekerjaan.

Saya tidak mengatakan semua Yang Berhormat Timbalan Menteri, tapi saya minta supaya kementerian memberikan perhatian dan pastikan mereka yang bertugas dalam Lembaga Peperiksaan ini sebagai penggubal, sebagai pemeriksa adalah orang yang jujur supaya tidak berlaku lagi soalan bocor yang boleh menjejaskan kredibiliti Kementerian Pelajaran dan juga anak-anak kita.

Akhir sekali, yang akhir betul ini Tuan Pengerusi, ialah penyelenggaraan bangunan. Saya perhatikan banyak peruntukan dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada pembaikan sekolah-sekolah, bangunan-bangunan kerajaan di daerah-daerah ini. Sebahagian besar daripada bangunan-bangunan ini diperbaiki atas penyeliaan pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran sendiri. Saya minta, saya perhatikan kerana saya terlibat khusus dengan pemerhatian ini, banyak pembaikan yang dibuat tidak dibuat dengan sempurna kerana...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Jadi saya minta hendak mencadangkan supaya kementerian berikan perhatian dan kalau boleh mencadangkan, sama ada seorang jurutera ataupun *technician* yang berpengalaman yang boleh membuat *supervision* kepada pelaksanaan projek-projek pembaikan sekolah ini. Terima kasih, minta maaf Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bandar Kuching, mengapa tak tunjuk minat tadi?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, selalunya Tuan Pengerusi akan memberi *priority* kepada mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sama ada saya hendak berikan keutamaan kepada...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu,...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...siapa itu perkara lain.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu, kita tidak di...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekurang-kurang, tak apa Yang Berhormat dengar, sekurang-kurangnya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ... beri keutamaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...beri peluang untuk saya menentukan masa, ini...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ingatkan itu orang lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini pengurusan masa memang tanggungjawab Speaker. Jadi ini tugas saya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tetapi selalu mereka...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan soal selalu tak selalu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...awal berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya akan tentukan masa untuk menteri jawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sekarang saya berminat untuk berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Patut tunjukkan minat. Jadi saya hendak mintalah tiga minit dan Rembau minit, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Yang Berhormat Bandar Kuching dulu.

4.52 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ada tiga perkara. Perkara pertamanya adalah mengenai SMK Bandar Kuching *number one*, yang telah saya bangkitkan dalam Dewan ini pada bulan lalu semasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 29 Oktober.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya. Terima kasih dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri jawab 1 November.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dia kata sudah beri pertimbangan dan apa yang saya ingin tahu ialah, adakah tindakan telah diambil dan bilakah peruntukan akan disalurkan untuk pembinaan semula bilik-bilik yang telah terbakar pada Mei tahun ini? Ini perkara pertama.

Perkara kedua adalah mengenai sekolah SK Lumba Kuda di Kuching juga. Dalam bulan Oktober tahun ini ada dilaporkan dalam surat khabar bahawa satu SJKC Kepong yang kipas angin bumbung dia jatuh dan mencederakan dua orang murid dan selepas itu Timbalan Menteri Pelajaran ada pergi melawat sekolah ini dan tindakan disegerakan. Tindakan untuk *replace fan* disegerakan.

Perkara yang sama juga berlaku di SK Lumba Kuda di Kuching tetapi nasib baik tak ada murid tercedera dan selepas *accident* kipas angin itu jatuh dari bumbung, Guru Besar SK Lumba Kuda telah pun dengan segeranya tulis surat kepada pegawai Kementerian Pelajaran supaya peruntukan disalurkan supaya mereka dapat *replace wiring* dan kipas angin, tetapi hingga sekarang tak ada apa-apa jawapan diterima. Oleh itu, saya haraplah kementerian boleh memberi *priority* atas perkara ini. Kita tidak mahu tunggu sehingga ada murid yang tercedera atau terbunuh dalam kemalangan sebegini barulah kerajaan mengambil tindakan yang segera.

Perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan adalah supaya kerajaan memberikan pertimbangan untuk memberi peruntukan pembangunan kepada SJKC dan SJKT, yang kita telah lama menyeru supaya kerajaan mengubahkan polisinya atas perkara ini. Alasan yang diberikan oleh kerajaan ialah mengenai hak milik tanah. Saya fikir ini tidak ada masalah kerana hak milik tanah kebanyakan sekolah ini adalah di bawah nama persatuan-persatu Cina dan saya ada keyakinan bahawa tak ada apa-apa, mana-mana persatuan-persatuan Cina yang akan tutup sekolah Cina di atas tanah mereka. Apa yang mereka takut adalah kalau mereka menyerahkan hak milik tanah itu kepada kerajaan dan Kerajaan Barisan Nasional akan ubah polisi dan tutup sekolah Cina. Itu yang selalunya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...ditakuti oleh masyarakat Cina. Oleh itu, saya haraplah kerajaan tak payah gunakan alasan-alasan kerana ada hak milik tanah untuk menekan pembangunan pendidikan Cina. Kerana sekolah-sekolah SJKC juga memberi banyak sumbangan kepada pembangunan negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rembau, lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

I

4.57 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi ke pendidikan prasekolah dan juga pendidikan rendah dan sekolah asrama penuh serta pendidikan guru. Tentang prasekolah, saya ucap tahniah kepada kementerian kerana memberikan tumpuan dan juga bajet yang besar untuk pendidikan di peringkat ini.

Saya cuma hendak minta pihak kementerian kalau boleh diadakan jawatankuasa penyelarasan di peringkat kementerian, di peringkat Pusat, negeri dan daerah. Sebab sekarang ini selain daripada kementerian adakan prasekolah, KEMAS juga ada tadikanya dan juga Jabatan Perpaduan Negara. Selain daripada Majlis Agama Islam Negeri. Apa yang terjadi ialah memanglah seharusnya prasekolah ini diadakan di sekolah-sekolah luar bandar, tetapi banyak tempat misalnya KEMAS telah menubuhkan kelasnya terlebih dahulu. Malah KEMAS ada lebih 8,411 tadikanya. Lebih banyak daripada prasekolah kementerian. Apa yang berlaku ialah ada kawasan-kawasan tertentu di mana sudah ada tadika KEMAS, kementerian pun buat prasekolahnya dan berlaku perebutan murid pada suatu kawasan. Kawasan saya tinggal 6 murid sahaja yang KEMAS, sebab yang lain itu sudah pergi ke prasekolah dan guru KEMAS mengadu dengan saya. Terpaksa berebut murid. Ada dua, tiga tempat. Jadi kalau boleh diselaraskan supaya tidak ada pembaziran wang rakyat dan juga sumber manusia.

Saya cadangkan supaya di kawasan-kawasan KEMAS sudah ada, kementerian tak payah wujudkan kelas. Kecuali kawasan-kawasan baru dan kalau boleh kementerian kena tumpukan kepada kawasan-kawasan pinggiran bandar macam di kawasan saya di Paroi. Di

mana di Paroi banyak permohonan untuk memasuki prasekolah ini, tetapi kelas ada dua sahaja untuk 50 orang. Sedangkan permohonan kadang-kadang sampai 100 – 200. Jadi di Paroi ini, kebanyakan mereka ini berpendapatan sederhana dan rendah tidak mampu untuk menghantar ke sekolah *private*, sekolah swasta.

Jadi saya harap kerajaan akan timbangkan supaya diadakan jawatankuasa pelaksanaan ini supaya tidak berlaku pembaziran wang kerajaan tadi. Dalam masa yang sama juga, saya harap dapat juga kiranya kementerian memberikan perangkaan tentang usaha-usaha memperkasakan sekolah kebangsaan, khususnya dari segi pengajaran Mandarin dan Tamil di Sekolah Kebangsaan. Bagaimana pencapaian setakat ini? Berapa orang pelajar yang mengambil mata pelajaran itu, sama ada pelajar Melayu ataupun pelajar Tionghoa dan India. Ini penting sebab kita tahu pendidikan sekolah rendah merupakan asas untuk mewujudkan tapak untuk menyemai perpaduan negara di peringkat yang lebih awal.

■1700

Seperkara lagi saya hendak cadangkan kalau boleh sekolah berasrama penuh ini, kita berilah kepada mereka yang betul-betul miskin ini dari luar bandar. Sebab apa tempat ada lebih kurang 6,000, yang lulus UPSR baru-baru ini yang dapat 5A enam, tujuh kali ganda sebab mereka yang berada di bandar, dia banyak pilihan tetapi murid-murid luar bandar, dia tidak banyak pilihan. Sekolah asrama penuhlah yang menjadi harapan ibu bapa. Saya merayu kepada kementerian supaya berilah keutamaan kepada pelajar-pelajar di luar bandar.

Kemudian tentang pendidikan guru, saya nak cadangkan supaya kalau boleh ditambahkan guru kaunseling. Sekarang ini mungkin *rationya*, kadar nisbahnya 1 guru kepada 500 murid. Kalau boleh tambah lagi sebab masalah disiplin seperti yang disebut oleh rakan-rakan tadi sekarang ini meningkat. Kalau boleh soal buang sekolah ini sebagai *last resolve*, tindakan yang terakhir sebab kalau buang maknanya kita memindahkan sahaja masalah itu, kita tidak menyelesaikannya. Itulah harapan saya kepada kementerian dan tambahlah guru kaunseling bukan sahaja di sekolah menengah tetapi juga di sekolah rendah.

Kemudian selain daripada itu pendidikan teknikal, saya nak cadangkan kalau boleh dirombak semula dan kalau boleh dibanyakkan subjek-subjek yang berkaitan dengan pertanian termasuklah sains pertanian, bio teknologi, nano teknologi sebab ini selaras dengan usaha kita untuk menjadikan Malaysia mengembalikan semula martabat pertanian, meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar melalui industri pertanian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Jadi *last* sekali, *last but not the least* dengan izin pengurusan pentadbiran negeri. Saya haraplah PPD Rembau dapat diwujudkan, Pejabat Pendidikan Rembau, saya dah berapa kali sebut. Ini penting untuk memudahkan guru dan ibu bapa membuat rujukan, sekarang ini kena pergi ke PPD, Tampin. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

5.01 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan memberikan pandangan-pandangan yang bernas untuk kita memperbaiki lagi kualiti pendidikan sekolah di negara kita. Di mana daripada Ahli-ahli Parlimen yang mengambil bahagian, saya mengucapkan terima kasih kepada seramai 20 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian yang telah menyentuh 21 isu. Dalam 21 isu ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ada yang mempunyai isu-isu yang sama jadi saya hanya jawab, berapa lama ini Tuan Pengerusi? Masa diberi kepada saya berapa lama untuk menjawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpuang kepada Yang Berhormat tapi memang kita sudah lewat dua hari.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya cuba habiskan hari inilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpuang kepada Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Terlebih dahulu saya minta maaf kalau ada saya tidak boleh jawab secara menyeluruh tetapi saya bagi laluan kalau ada yang tertinggal di dalam jawapan-jawapan saya.

Yang Berhormat daripada Serdang ada menyentuh mengenai ICT dan beberapa orang lagi ada menyentuh fasal ICT. KPM sedang berusaha untuk menyediakan makmal komputer dan berusaha merapatkan jurang digital dari segi akses kepada kemudahan ICT antara lokasi sama ada bandar dan luar bandar. Buat masa ini sehingga Jun 2007, daripada 1,579 projek makmal komputer, 110 atau 7% telah pun siap dan 724 buah atau 40% sedang dibina. Daripada 2,252 projek pusat akses, 1,260 ataupun 56% telah pun siap dan 742 buah atau 33% sedang dibina. Dengan siapnya projek ini bilangan murid yang akan dapat manfaat daripada makmal komputer adalah dijangkakan seramai 29,800 orang dan yang akan dapat kemudahan pusat akses ialah 342,300 orang.

Yang Berhormat daripada Serdang juga ada menyentuh dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain menyentuh mengenai kertas soalan yang dikatakan telah bocor UPSR pun ada, SPM pun ada. Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) mempunyai prosedur pemantauan bagi memastikan tidak berlakunya kebocoran soalan atau pendedahan maklumat ke atas soalan peperiksaan. Prosedur dijalankan dengan ketat bermula daripada pembinaan item atau pembinaan soalan, percetakan, keselamatan dari segi penyimpanan dan seterusnya kepada pengedaran kertas soalan pada tarikh peperiksaan dijalankan. Semua personel yang terlibat di dalam pengendalian peperiksaan juga diwajibkan menandatangani Akta Rahsia Rasmi.

Walaupun terdapat dakwaan berlakunya kebocoran dalam UPSR, mengikut siasatan KPM tidak berlaku kes seperti yang didakwa, seperti di bawah UPSR kita telah berpuas hati setelah siasatan dibuat, apabila keputusan itu dikeluarkan kita lihat tidak ada unsur-unsur kebocoran. Mengenai dakwaan di dalam SPM, kita sedia maklum bahawa laporan polis telah pun dibuat. Ketua Polis Negara pun telah membuat kenyataan bahawa siasatan akan dibuat di bawah Akta Rahsia Rasmi, jika didapati benar-benar ada yang terlibat, maka kita serahkan kepada polis untuk mengambil tindakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini, jika ada.

Tuan Pengerusi, mengenai bilik darjah yang dibangkitkan di SJK(C) Damansara, ini sepatutnya perkara ini tidak timbul kerana sekolah tersebut telah lama kita pindahkan ke bangunan baru yang lebih kondusif dan selamat tetapi masih ada lagi yang hendak menggunakan sekolah tersebut. Mengenai PMPPI, seksyen 2 Akta Pendidikan 1996...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Penjelasan, saya berkaitan dengan bangunan itu, bilik-bilik darjah yang dibiarkan. Adakah tapak itu akan digunakan, dirancang akan datang, adakah perancangan untuk digunakan tapak itu? Bilik-bilik darjah atau bangunan sekolah mungkin dijadikan pusat pendidikan ke apa, adakah perancangan demikian?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Di sekolah Damansara? Sebenarnya tadi baru kita mesyuarat di pos Kabinet, kita telah berbincang, kita dapati bukan sahaja sekolah itu, ada juga rumah guru yang kita dapati tidak digunakan dengan sepenuhnya. Ada juga bangunan-bangunan sekolah yang kita dapati ditinggalkan kosong. Jadi memang Kementerian Pelajaran sedang mengumpulkan semua maklumat ini dan kita akan membuat perancangan bukan sahaja bangunan-bangunan yang tinggal, rumah guru tidak diduduki, ada juga sekolah-sekolah *under enrollment*, sekolahnya besar, pelajarinya sikit macam di Bera yang dibangkitkan. Jadi ini semua sedang kita kaji dan kita percaya kita akan merancang apakah keperluan di sekolah-sekolah yang sedemikian dan ada juga rumah-rumah guru yang kita dapati tidak diduduki ini. Tuan Pengerusi, ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan tentang sekolah rendah Damansara itu, kalau masih ada penduduk di kawasan itu masih ingin hantar anak-anak mereka untuk belajar di bangunan sekolah yang berdekatan dengan kampung mereka itu, mengapa kerajaan tidak mengkaji semula? Mereka adalah rakyat, adalah pembayar cukai kepada kerajaan, kalau ini adalah *need*, kehendak komuniti di Kampung Baru Damansara. Apakah sebab yang menghalang kerajaan untuk tidak membuka semula sekolah itu untuk kegunaan penduduk-penduduk di Kampung Baru itu memandangkan memang di kawasan Petaling Jaya dan Klang Valley memang tidak cukup sekolah rendah Cina. Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebelum kita buat bangunan baru, persetujuan telah pun dicapai bahawa apabila sudah buat sekolah baru, bangunan-bangunan *condition* lebih selamat, semua kena pindah. Jadi sebab itu kerajaan sekarang ini lebih berhati-hati bila ada cadangan-cadangan hendak dibuat, pindah bangunan baru dan sebagainya supaya kita nak memastikan bahawa kalau dah pindah sekolah baru maka semuanya mestilah dipindah dan sekolah lama itu tidak lagi digunakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tapi memang satu pembaziran kan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Masih banyak saya nak jawab, ini isu-isu *local* saya tidak mahu kira.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan ini satu pembaziran ke kerana bangunan sekolah itu masih baik, masih boleh diguna pakai.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya dah cakap tadi, saya dah kata tadi kita sedang buat kajian, bukan sahaja sekolah Damansara itu, banyak lagi ada sekolah yang langsung ditinggal begitu sahaja kerana ada buat bangunan baru. Jangan tengok Damansara sahaja, kena tengok seluruh negara. Kita di Kementerian Pelajaran, kita tengok seluruh negara bukan sahaja di satu-satu kawasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi bila ini akan diteruskan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya baru cakap tadi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kerana ini sistem penyampaian kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab tadi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, memang tidak puas hatilah kerana penduduk di sana masih tunggu kerajaan buka semula sekolah lama mereka. Saya mintalah pihak kementerian menyahut kehendak dan permintaan penduduk di sana supaya sekolah Damansara itu dibuka semula untuk kegunaan mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat telah pun sampaikan.

■1710

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya cakap kita akan kaji bukan sahaja Sekolah Damansara dan lain-lain sekolah dan semua negeri kita akan kaji, bukan spesifik Sekolah Damansara sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tapi sebelum pilihan raya umum itu adakah sekolah itu akan dibuka?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini baik untuk Barisan Nasional dalam kempen pilihan raya?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat Seputeh , Damansara bukan dalam Seputeh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi soalan ini dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Serdang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya la, ini bukan kawasan Serdang juga kerana wakil rakyat Petaling Jaya tidak boleh berucap jadi kami tolonglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah jawab apa lagi mahu tanya? Okey cakap, cakap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya la, ini tidak puas hati.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey Yang Berhormat cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tak apa saya bagi Yang Berhormat cakap, cakuplah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi soalan dikemukakan oleh Yang Berhormat Serdang dan jawapan telah diberitahu dan telah dimaklumkan. Jadi saya fikir jawapan telah diberitahu. Macam mana hendak memuaskan hati semua? Memang bukan tanggungjawab ...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah cakap Yang Berhormat Seputeh tidak faham bahasa jadi saya hendak bagi dia cakap. Ha cakaplah, cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak lain hendak jawab kita boleh beralih kepada kementerian yang lain.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak, saya hendak jawab, dia hendak kacau saya. Saya sudah cakap jadi sudah jawab hendak cakap apa lagi? Ada apa-apa hendak cakap?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini adalah satu fakta. Di Lembah Klang memang tidak cukup sekolah...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah beritahu Yang Berhormat, faham bahasalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... Penduduk di Lembah Klang di kawasan PJ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, alasan itu Yang Berhormat sendiri telah dikemukakan tadi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah cakap, kita buat kajian bukan sahaja di Sekolah Damansara. Di Negeri Sembilan ada, di Melaka ada, di Johor Bahru ada, di Sabah ada. Tak faham ke? Janganlah tengok yang sempit, tengok seluruh Kementerian Pelajaran ini untuk seluruh negara kita hendak bincang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya la. Bila akan siap dan kerajaan akan...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak beri jalan. Kalau macam ini sampai besok pun tidak selesai.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi jawapan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak beri jalan teruskan jawapan Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi duduklah. Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 menetapkan bahawa kemudahan bagi pengajaran Bahasa Cina dan Tamil hendaklah diadakan jika ibu bapa sekurang-kurangnya ada 15 orang murid di sekolah itu memintanya. Justeru sekolah ini hanya merupakan satu mata pelajaran tambahan yang diajar kepada murid selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan Kokurikulum Kebangsaan 1997.

Mengenai buku teks yang disentuh oleh ramai Ahli-ahli Parlimen, saya ingin menyatakan yang pertama apabila kita buat pengumuman bantuan buku teks ini, kita memberi jaminan bahawa buku-buku teks ini kita akan edarkan kepada semua pelajar sekurang-kurangnya di awal minggu pertama persekolahan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa sebelum pengumuman dibuat untuk bantuan buku teks kita sudah memang bersedia dan menyediakan jumlah buku teks mengikut sebelumnya iaitu mengikut mereka yang layak. Bila diumumkan kita dapati kita kena buat tambahan buku-buku teks ini.

Bagi sekolah-sekolah yang mungkin sebelum ini ada 98% yang layak meminjam dan tidak ada masalah, bukunya cukup. Sekolah-sekolah yang sebelum ini mungkin ada 40%, 50% tidak layak meminjam, ini sekolah-sekolah yang kita lihat perlu kita berikan tumpuan supaya diberikan bekalan buku teks yang cukup.

Kita telah pun berbincang dengan penerbit dan penerbit telah pun berjanji untuk mencetak semula buku-buku ini dan kita akan edarkan ke sekolah-sekolah dan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran iaitu Jawatankuasa Awal Tahun untuk kita melihat dan kita mengkaji jika ada masalah-masalah yang selalu timbul di awal tahun seperti kekurangan buku teks, seperti beg berat, seperti masalah yuran. *Hotline* telah pun kita sediakan, jadi semua pihak jika menghadapi masalah-masalah di awal tahun boleh terus menghubungi *hotline* dan kita akan cuba mengatasi segera masalah-masalah semasa yang selalu berlaku di awal tahun.

Juga dibangkitkan mengenai kandungan kurikulum di dalam buku teks. Sebenarnya kita sentiasa membuat kajian daripada setahun ke setahun mengikut kurikulum yang sedia ada supaya buku-buku teks dan juga kurikulum kita ini tidak ketinggalan zaman dan ia sentiasa relevan dengan kehendak-kehendak semasa.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Sungai Petani iaitu sistem pendidikan iaitu mengenai kurikulum, saya ingin nyatakan sememangnya kita sedang mengkaji kurikulum ini secara keseluruhan dan kita jangkakan menjelang tahun 2010 kurikulum ini kita dapat kaji. Sepertimana yang banyak disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa

pendidikan dan juga kecemerlangan ini tidak hanya boleh dinilai hanya berdasarkan pencapaian akademik semata-mata tetapi juga dalam bidang-bidang yang lain, kokurikulum. Ini semuanya sedang dikaji secara terperinci dijangka menjelang 2010 kita akan dapat lihat beberapa perubahan di dalam sistem pendidikan kita.

Tuan Pengerusi, begitu juga dibangkitkan mengenai pendidikan Islam dan moral yang juga disentuh oleh beberapa Ahli Parlimen yang lain. Saya ingin nyatakan bahawa untuk kita menambah baik lagi pendidikan Islam ini terutamanya, kita telah pun memperkenalkan mata pelajaran J-QAF di mana dalam mata pelajaran J-QAF yang kita baru mula tiga tahun sahaja dan baru bermula pada tahun 2005 dan pelajar-pelajar pertama baru berada pada tahun tiga dan dibuat secara berperingkat dan perancangan kita menjelang tahun 2010 semua sekolah-sekolah kebangsaan akan dibekalkan dengan mata pelajaran J-QAF ini dan guru-guru J-QAF kita ramalkan adalah seramai 23 ribu orang menjelang 2010.

Untuk kita memastikan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam ini sentiasa relevan dan kemas kini, maka perancangan untuk menubuhkan IPPI, Institusi Pembangunan Pendidikan Islam telah pun diluluskan untuk institusi ini sentiasa mengkaji kerelevanan pendidikan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi, banyak juga dibangkitkan tadi ialah mengenai IPG iaitu Institusi Pendidikan Guru yang beberapa pandangan telah diberi. Seperti yang dijelaskan bahawa kita telah pun menyusun satu perancangan untuk kita melonjakkan IPG ini di mana guru-gurunya, ramai pensyarah-pensyarah DG41, kita sudah rancang untuk menjadi pensyarah di IPG sekurang-kurangnya DG44 dan juga usaha-usaha untuk kita melahirkan pensyarah-pensyarah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat *master* dan juga ijazah lanjutan iaitu Ph.D sedang rancang disusun dan mereka ini yang terpilih sudah pun dihantar ke luar negara untuk menambahkan lagi pengajian mereka.

Mengenai *research* dan juga *publication* yang dibangkitkan memang setakat ini kita tidak nafikan bahawa memang belum ada yang boleh diangkat ke peringkat antarabangsa tetapi ramai di antara pensyarah-pensyarah kita di IPG telah pun menulis buku-buku untuk kegunaan kita. Begitu juga menyentuh mengenai IPG, saya ingin sentuh iaitu pemilihan kepada guru-guru juga telah pun diketatkan.

Datuk Seri Dr. Haji Syafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat... Kuala Langat.

Datuk Seri Dr. Haji Syafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalaulah seseorang itu hendak menjadi guru fizik misalnya atau guru *chemistry* atau guru biologi di peringkat sarjana, saya tidak fikir institusi atau institut perguruan ini dapat melahirkan guru-guru yang mempunyai pengalaman seperti itu.

Kalau di peringkat universiti, kita memang sudah ada fakulti ekonomi, fakulti fizik, sains dan sebagainya, Jadi oleh kerana itu mereka boleh *criss cross department* dan *criss cross* fakulti

untuk mewujudkan guru-guru yang berkaliber, tapi saya rasakan IPG tidak boleh kerana mereka tidak ada pensyarah-pensyarah dan juga *lab* yang mahir dalam bidang-bidang tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat?

■ 1720

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa pengambilan guru yang masuk sekarang ini kalau kita tengok tawaran yang diberi dalam surat tawaran itu kita tidak ada kata untuk ijazah keguruan. Itu ialah kita kata sebagai pengajian lima tahun di mana dalam tempoh dua tahun pertama dia panggil macam pra universiti dan yang empat tahun kemudiannya barulah dianugerahkan ijazah. Oleh sebab kita baru mula dua tahun, memang kita sedar di dalam PIPP kita salah satu teras kita ialah untuk memartabatkan profesion keguruan.

Di dalam kita memartabatkan profesion keguruan, kita telah ada satu rangka kerja yang begitu konkrit bukan sahaja dari segi pemilihan gurunya kita juga akan menyiasat menyeluruh daripada sukatan-sukatan yang diajar kelayakan untuk menjadi pensyarah dan juga prasarana-prasarana di seluruh IPG. Satu IPG *centre* telah pun dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan buat di Nilai. So, seolah-olah ini macam kampus induk yang akan dijadikan satu kampus yang akan memantau semua IPG-IPG yang ada 28 IPG di seluruh negara.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat, IPG ini bila graduan daripada IPG ini dia punya ijazah adakah ini sarjana muda yang setaraf dengan sarjana muda di universiti-universiti yang lain? Adakah IPG ini taraf universiti sekarang?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita memang ke arah itu tetapi sebelum kita sampai ke arah itu kita akan bawa di dalam Parlimen ini pindaan Akta Pendidikan 1996 ini. Jadi sebelum kita mencapai ke arah itu maka macam saya kata untuk tahun pertama ini kita ambil dulu sebagai pra dahulu kerana untuk menjadikan IPG ini taraf universiti kita kena pinda dulu akta. Oleh sebab itu saya nyatakan tadi tawaran yang diberi bukan erti ijazah tetapi ialah pengajian guru untuk lima tahun tetapi akhirnya nanti ke situlah matlamat kita.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan isu PPSMI ramai yang sentuh, saya ingin tegaskan bahawa sehingga ke hari ini seperti yang telah diumumkan kita akan meneruskan sistem dwibahasa. Ertinya satu soalan dalam Bahasa Inggeris dan satu soalan lagi di dalam bahasa ibunda masing-masing dan memang kita sedar wang telah pun banyak dibelanjakan untuk kita melaksanakan PPSMI ini dan *cohort* yang pertama yang UPSR sepatutnya tahun hadapan. Tahun 2008 inilah *cohort* yang pertama sepatutnya kita mengadakan soalan semuanya di dalam satu bahasa iaitu Bahasa Inggeris tetapi setelah kajian kita buat mungkin kita belum sampai masanya untuk kita mengenakan satu bahasa ini, sehingga bila kajian-kajian berterusan kita akan buat.

Sudah tentulah oleh sebab sistem ini baru lima tahun kita laksana kita melatih guru-guru yang banyak Ahli Parlimen-Ahli Parlimen bangkitkan tadi mungkin guru-gurunya belum bersedia, peralatan-peralatan yang kita beli pun mungkin tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya. Maka kita akan bermula dengan latihan yang lebih konkrit, dengan guru-guru yang dilatih di maktab-maktab perguruan. Di maktab-maktab perguruan lagi kita akan melatih guru-guru ini yang mengajar Matematik dan Sains di dalam Bahasa Inggeris dan juga peralatan-peralatan yang akan digunakan.

Jadi apabila kumpulan yang kita latih di maktab ini memasuki pasaran kerja di sekolah-sekolah maka kita yakin lama-kelamaan hasrat ini akan tercapai. Dalam masa yang sama kita juga akan mengkaji sistem PPSMI yang dibuat di Brunei yang mana di Brunei telah pun mulakan sistem ini. Dia bermula daripada tahun tiga dan ini juga kita akan kaji. Dalam erti kata lain buat ketika ini kita akan meneruskan sistem dwibahasa ini. Mengenai yuran persekolahan yang ramai bangkitkan, saya ingin membuat analogi Tuan Pengerusi, yuran dan bayaran yang kita kata hapuskan ini ialah yuran.

Yuran ialah RM4.50 sekolah rendah, RM9.00 sekolah menengah, yuran ini wajib. Kalau kita buat analogi orang kahwinlah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kahwin ini ada dua satu mas kahwin wajib. Mas kahwinnya wajib walaupun murah RM90, RM60 wajib dan satu lagi hantaran belanja ini. Yang kita kata tidak wajib ini yang tidak perlu bayar ini ialah mas kahwinnya, mas kahwin sudah tidak ada yang adanya hanya hantaran. Bila kata hantaran dia terpulang kepada dua pihak. Kalau kata hendak kahwin kalau hendak buat besar-besar tentulah hantaran RM10,000 tidak cukup kalau hendak buat hotel yang besar. Kalau setakat hendak buat macam kenduri arwah dekat kampung mungkin hantaran RM5,000 sudah cukup.

Begitu jugalah dengan yuran-yuran dan bayaran-bayaran tambahan di sekolah bergantung kita serahkan kepada sekolah. Pihak sekolah dan juga PIBG duduk berbincang berapakah yuran-yuran yang sesuai. Sukan misal kata yang dibangkitkan tadi. Kalau kata sekolah itu hendak buat sukan yang hadiahnya *tupperware-tupperware* murah, mungkin RM5.00 pun cukup. Kalau hendak buat sukan secara besar-besaran mungkin kena RM10.00. Jadi kita serahkan kebijaksanaan di antara PIBG dengan sekolah. Dalam masa yang sama kita juga sedar bahawa ada di antara PIBG ini yang kekerapan pendapatan yang tidak sama. Ada sekolah-sekolah tertentu terutamanya di pinggir-pinggir bandar dan juga dalam bandar, ada ibu bapa yang pendapatannya terlalu tinggi dan ada juga yang terlalu rendah. Jadi bagi ibu bapa yang...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Maran.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti kejap saya hendak habiskan dulu. Bagi ibu bapa yang berpendapatan tinggi dan juga memikirkan bahawa pendidikan ini merupakan satu pelaburan jangka masa panjang mereka tidak kisah, RM200, RM300 jadi mereka mampu bayar.

Mampu dan mereka memikirkan pendidikan ini penting untuk anak-anak mereka. Mungkin ada di antara ibu bapa yang pendapatannya rendah dan masih lagi menganggap pendidikan ini merupakan beban kepada mereka dan mereka ini bergantung pada pihak kerajaan, sudah tentulah bagi mereka di dalam PIBG yang sama kalau yuran yang dikenakan terlalu tinggi merupakan beban kepada mereka.

Sebab itulah pekeliling yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi itu sebagai garis panduan, siling dia. Kalau hendak kutip kurikulum tidak lebih RM10.00 siapa yang pilih pakej A. Hendak pilih pakej A, pakej B, pakej C terpulang kepada PIBG tetapi itulah bayaran-bayaran yang dibayar selama ini, yang selama ini lain sekolah lain cara dia yang juga sebelum ini banyak *complaint* aduan kita dapat mengapa tidak ada kawalan. Jadi pekeliling kita keluarkan itu adalah sebagai garis panduan dan yuran-yuran yang dikutip di bawah tajuk-tajuk yang telah ditetapkan itu terpulang kepada PIBG dan ianya tidak boleh lebih daripada yang kita beri.

Tadi ada yang bangkit misal kata insurans, sebagai kata insurans. Memanglah insurans ini kita sedia maklum dia bukannya wajib tetapi bagaimana kita hendak meyakinkan kepada ibu bapa supaya dianya sunat tetapi hendak jadikan sunat muakkad ini, mesti hendak kena yakinkan. Kalau dia tidak membeli insurans jadi kalau apa-apa berlaku kepada anak dia, dia tidak akan dapat apa-apa pampasan. Jadi inilah yang dikatakan bayaran-bayaran tambahan yang telah pun dikeluarkan pernyataan oleh Yang Berhormat Menteri sama ada hendak bayar pun boleh tidak bayar pun boleh tetapi kalau mereka tidak bayar mereka tidak dapat pulangnya.

Macam kertas-kertas yang dibangkitkan, kertas-kertas peperiksaan. Sekarang ini kita telah menghapuskan yuran peperiksaan. Yuran peperiksaan sahaja melibatkan belanja Kementerian Pelajaran lebih daripada RM100 juta. Kita tidak boleh hendak menetapkan yuran peperiksaan yang bagaimana. Ada sekolah yang aktif mungkin memerlukan kertas yang banyak, latihan yang banyak. Ada sekolah yang mungkin kurang murid dia tidak memerlukan duit yang banyak. Ini semuanya terletak kepada kebijaksanaan sekolah dengan pihak PIBG. Ko-kurikulum sebagai contoh..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Maran bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kejap, kejap. Ko-kurikulum sebagai contoh, kita telah pun naikkan. Mulai tahun 2007 kita telah naikkan per kapita ko-kurikulum daripada RM2.96 tahun 2007 sekolah menengah kita sudah naikkan kepada RM12.00, sekolah rendah kita naikkan kepada RM10.00 itu ko-kurikulum per kapita ini tadi. Di samping itu juga kita sudah bagi pakaian dan juga uniform tetapi misalnya kita dapat laporan, ada sekolah-sekolah kadang-kadang dia hendak buat *camping* yang luar daripada peruntukan per kapita. Dia ada perancangan hendak buat ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum sama ada Yang Berhormat benarkan Maran atau tidak saya hendak tanya banyak lagi hendak jawab?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya ada 21 isu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik saya cadangkanlah supaya kita sambung pada minggu depanlah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, sambung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dewan bersidang semula.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sudah habis? Saya sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang